

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 30

Selasa

19 Disember 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 11(1):	
■ Usaha Malaysia Membantu Palestin Terhalang	
- <i>Y.B. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi</i>	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 30)
USUL-USUL:	
Meminda Aturan Urusan Mesyuarat	(Halaman 65)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 98)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 19 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi bagi pihak Dewan Negara suka cita saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. [*Tepuk*] Dewan Negara menghargai kehadiran kedua-dua Yang Berhormat. Pertanyaan bermula dengan huruf 'P', sama dengan politik, parti, Parlimen dan sama dengan *precision* maka di sebelah sini boleh uji *accountability* dengan *precision*. Di sebelah sini boleh bukti *accountability* dengan *precision*, jangan meleret-leret. Maka saya jemput Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin hendak memberitahu iaitu baris kedua perkataan yang akhir 'visual' sepatutnya menjadi 'virtual'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan.

1. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah negara kita bersedia untuk menggunakan 'virtual' autopsi di dalam pemeriksaan mayat bagi lebih sesuai untuk negara yang mempunyai warga yang mempunyai agama dan kefahaman yang tidak mahu mayat 'diseksa'.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengambil sikap berhati-hati dalam penggunaan kaedah ini kerana ia akan memberi impak yang besar kepada perkhidmatan perubatan di negara ini. Kajian keberkesanan kos dan penilaian teknologi telah dilakukan dan beberapa perkara perlu diambil kira iaitu:

- (i) implikasi teknik ini kepada keutamaan kemudahan pengimejan, CT *scan* dan MRI yang digunakan untuk pesakit lain. Memandangkan peralatan CT *scan* dan MRI masih tidak mencukupi di hospital-hospital Kementerian Kesihatan;

- (ii) kemahiran dan latihan serta keupayaan yang dimiliki oleh pakar-pakar radiologi dan pakar-pakar forensik dipertingkatkan sebelum teknik ini dapat dilaksanakan; dan
- (iii) status perundangan atau kedudukan sistem kehakiman negara terhadap teknik seharusnya diteliti terlebih dahulu sebelum teknik ini seperti perakuan mahkamah dan sebagainya sebelum teknik ini dapat dilaksanakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga itu patut jadi yang pertama. Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Adakah jangka masa tertentu untuk membuat semua ini supaya kita lebih bersedia untuk menerima perubahan dalam perundangan dan sebagainya mengenai *virtual* autopsi ini?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Tindakan telah diambil dari beberapa aspek. Yang pertama seperti dikatakan adalah untuk mempertingkatkan latihan dan kemahiran dengan pegawai-pegawai kita. Yang kedua, kita kena berbincang dengan sistem atau pegawai-pegawai di Jabatan Kehakiman supaya mereka dapat menerima keputusan-keputusan yang dihasilkan melalui teknik ini dalam menjadi *evidence* dalam kes-kes mahkamah. Semua tindakan ini dan sedang diambil.

2. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah rancangan kementerian untuk menjadikan industri kraf tangan sebagai perusahaan yang penting dan menjana pendapatan yang besar kepada negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha menjadikan industri kraf tangan sebagai perusahaan yang penting dan menjana pendapatan yang besar kepada negara, kementerian ini melalui Kraf Tangan Malaysia memberi penekanan kepada aspek pembangunan modal insan yang mahir dan berilmu. Pembangunan produk serta pengaplikasian teknologi dalam pengeluaran dan pengembangan pasaran.

Bagi membangunkan modal insan yang mahir dan berilmu dalam industri kraf, latihan jangka pendek dan latihan jangka panjang sentiasa diadakan melalui program satu daerah, satu industri. Skim inkubator, 'penarafan' usahawan dan skim latihan perantisan kraf warisan. Bagi membolehkan produk kraf berdaya saing, bengkel pembangunan produk dan rekaan untuk mengubah paradigma usahawan bagi menghasilkan produk berorientasikan pasaran dan bukan berorientasikan produk turut dilaksanakan.

Pakar-pakar dari dalam dan luar negara diambil bagi memandu arah aliran produk yang sesuai untuk sesuatu pasaran itu. Usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran produk kraf diusahakan melalui penggunaan teknologi dalam reka cipta produk melalui penggunaan teknik-teknik baru dan sistem rekaan pembantuan komputer dengan izin *computer added*. Kraf tangan

Malaysia juga telah mewujudkan Pusat Inovasi Kraf Batik, Pusat Inovasi Kraf Kayu, Pusat Inovasi Kraf Seramik dan Pusat Inovasi Kraf Tenunan. Penubuhan pusat-pusat ini telah menjadi satu pemangkin bagi industri kraf dalam pembangunan rekaan, pembangunan teknologi pengeluaran, penggunaan bahan baru dan pembangunan standard.

Kraftangan Malaysia juga telah menubuhkan Pusat Rekaan Kraf sebagai pusat rujukan setempat dari segi rekaan produk kraf, penggunaan teknologi, kajian bahan serta pembungkusan untuk pengusaha kraf, penyelidik dan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih menjuruskan kepada *precision*. Bolehkah Yang Berhormat benarkan peluang untuk mengetengahkan teknik bahan.

Dato' Wong Kam Hoong: Soalan ini secara am, umum. Sebab itu saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, cuma permintaan saya.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya. Ada banyak peluang untuk soalan tambahan. Usaha meningkatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan lupa *precision*.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya cuba dengan sedaya upaya. Selain daripada meneruskan program promosi bertema, penyertaan dalam pameran perdagangan dan promosi *in store* di peringkat domestik dan antarabangsa. Kementerian melalui Kraftangan Malaysia juga memperluaskan pasaran melalui kaedah pelantikan agen pemasaran di luar negara serta mengadakan perjumpaan pembeli dari dalam dan luar negara dengan usahawan kraf. Kementerian juga bekerjasama dengan kerajaan negeri dan badan-badan bukan kerajaan untuk mengembangkan lagi industri kraf. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bukan apa, saya takut bila jawapan itu panjang, nanti timbul anggapan Yang Berhormat ini cuba mengelak pertanyaan tambahan, maka enggan jadi *accountable*.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chuan Kim Chuan dan kemudian Datuk Soon Tian Szu.

Tuan Chuan Kim Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bagaimanakah sambutan pelancong-pelancong asing terhadap kraf tangan negara kita dan senaraikan lima jenis kraf tangan utama...

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Chuan Kim Chuan: ... yang dieksport ke luar negara. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat Senator yang begitu berminat tentang produk kraf. Saya rasa pelancong-pelancong asing yang datang ke Malaysia, mereka amat berminat dengan produk kraf Malaysia sebab kita ada jati diri sendiri, khususnya produk kraf batik, tenunan dan juga logam seperti tembaga putih dan barang-barang perak dari Kelantan di mana ukiran perak dan *workmanship*nya, dengan izin, begitu halus dan sebagainya. Jadi,

saya rasa semua produk ini yang dikatakan produk budaya (*cultural product*) negara kita dengan izin, adalah harapan kita. Terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah ekoran daripada penemuan artifak-artifak atau bahan-bahan purba di pinggir Sungai Melaka, apakah usaha kerajaan dalam memulihara dan mempromote bahan-bahan tersebut supaya ia bukan sahaja merupakan bahan purba yang menarik minat pelancong dan juga membantu pihak kerajaan menambahkan nilai pasaran bahan-bahan berkenaan. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya produk kraf tidak ada batasan kerana ia mengikut rekaan dan inisiatif kita. Saya beri satu contoh, London Bridge. London Bridge dihasilkan sebagai produk dalam banyak bentuk; dalam *key-chain*, mangkuk dan berbagai-bagai lagi dalam bentuk imej London Bridge. Jadi, bagi Melaka, suatu bandar yang bersejarah maka ia menjadi suatu tanda penarik untuk pelancong-pelancong asing, maka Melaka adalah suatu bandar di mana ada banyak tema. Kalau kita mengambil inisiatif untuk menghasilkan produk kraf mengikut sejarah dan kebudayaan yang pelbagai di bandar ini seperti kasut sulaman manik yang kita hanya dapati di bandar Melaka sahaja. Jadi saya berharaplah inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri dan juga Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia akan menghasilkan lebih produk kraf untuk pelancong asing dan juga pelancong dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Terbukti Yang Berhormat menguasai subjek Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak perlu gundah.

3. **Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan peranan pihak-pihak pengurusan hotel yang lebih mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja asing daripada mengambil pekerja tempatan di mana banyak peluang-peluang pekerjaan di industri perhotelan telah diisi oleh pekerja-pekerja asing.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini sedar terdapat hotel-hotel di negara ini yang mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja asing termasuk menggaji pelajar-pelajar asing di bawah program *apprentice* di mana pelajar-pelajar tersebut akan digaji untuk tempoh beberapa bulan di bawah program latihan. Program tersebut telah disalahgunakan oleh pihak pengurusan perhotelan untuk maksud mendapatkan pekerjaan dengan upah yang rendah. Amalan ini telah membolehkan majikan membayar gaji yang rendah dan menafikan peluang pekerja tempatan. Sehubungan itu, kementerian ini sedang mengkaji sejauh mana amalan ini berleluasa dan kesannya terhadap peluang pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berpendapat bahawa penggajian pekerja asing haruslah berdasarkan kepada jenis pekerjaan tertentu adalah spesifik sahaja yang sememangnya tidak dinikmati oleh pekerja tempatan. Pada masa ini, kelulusan untuk penggajian

pekerja asing diberi secara longgar yang menyebabkan beberapa jawatan tertentu seperti penyeliaan hotel diisi oleh pekerja asing.

Walau bagaimanapun di antara langkah jangka masa panjang dan jangka masa pendek yang diambil oleh kementerian ini untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:-

- (i) menjalankan kajian untuk mengenal pasti jawatan-jawatan di sektor perhotelan dan di sektor-sektor lain untuk dikhaskan kepada rakyat tempatan sahaja;
- (ii) meningkatkan *accessibility* penganggur kepada peluang-peluang pekerjaan bagi membantu mereka mendapatkan maklumat pekerjaan di sektor perhotelan melalui *Job Clearing System* dan juga melalui Karnival Pekerjaan dan sebagainya;
- (iii) mengadakan kerjasama yang lebih erat dengan industri perhotelan kerana ia langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk membantu sektor tersebut mendapatkan calon pekerja tempatan yang berminat sama ada sebagai pekerja tempatan atau pekerja sambilan; dan
- (iv) menggalakkan majikan-majikan di sektor perhotelan memberi keutamaan untuk mengambil pekerja tempatan dalam program latihan *apprentice*.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Akta Majlis Penetapan Gaji menetapkan serta memperuntukkan penubuhan sebuah Majlis Penetapan Gaji dan memberi kuasa kepada Majlis tersebut membuat perintah gaji minimum. Umpamanya perintah peraturan gaji ...

Tuan Yang di-Pertua: Umpama itu tidak perlulah. Pertanyaannya sahaja.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Pertanyaan saya, apakah implikasi pengambilan pekerja asing ini di hotel-hotel negara terhadap kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2007 memandangkan bidang perhotelan ini adalah dengan izin, satu *service industry* di mana melaluinya budaya dan adat resam Malaysia jelas dipertontonkan melalui mutu perkhidmatan. Umpamanya bahasa pekerja asing...

Tuan Yang di-Pertua: Umpamanya itu tidak payahlah.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Bahasa pekerja asing itu sendiri lari dari bahasa Malaysia. Bukankah ini akan menjejaskan Tahun Melawat Malaysia 2007 di mana rata-rata pelancong dilayan oleh pekerja Bangladesh dan pekerja Indonesia. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bersetuju bahawa pengambilan pekerja asing yang begitu luas di sektor perhotelan akan menjejaskan imej yang di *supply* oleh hotel tersebut dari segi imej mengenai Malaysia dan sebagainya.

Namun demikian, didapati bahawa banyak hotel menggunakan pekerja-pekerja asing dalam tugas-tugas dalaman seperti membersihkan bilik dan sebagainya. Dan untuk, dengan izin, *frontline staff* ini kebaikan mereka menggunakan pekerja-pekerja tempatan. Kementerian saya akan terus membantu hotel-hotel tersebut untuk mencari calon-calon dari lepasan sekolah tempatan untuk menyertai program latihan *apprentice* supaya lepasan-lepasan sekolah kita boleh digalakkan untuk menceburi sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi cuba kaitkan unsur gaji minimum, kalau boleh digunakan untuk tangani masalah ini.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dari segi gaji minimum, secara amnya dasar kerajaan ialah berasaskan kepada keperluan dengan *supply and demand* dengan izin, iaitu berasaskan kepada *market force*. Namun demikian, ada bidang-bidang tertentu di mana oleh kerana tidak ada mekanisme yang licin dan yang boleh menentukan gaji tersebut, kita wujudkan Majlis Penetapan Gaji Minimum seperti untuk *security guard* dengan izin, pekerja-pekerja am di sektor ladang dan sebagainya.

Di sektor perhotelan didapati bahawa wujudnya mekanisme untuk menentukan gaji iaitu banyak hotel juga ada kesatuan sekerja dan banyak hotel juga ada *collective agreement*. Dengan adanya mekanisme tersebut, dianggap kita tidak payah mewujudkan Majlis Penetapan Gaji Minimum untuk sektor perhotelan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie dan kemudian Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pekerja asing lelaki di hotel didapati telah ditugaskan untuk mencuci tandas wanita, begitu juga di R&R lebuhraya. Bukankah ini akan membahayakan pengunjungnya kerana ia mungkin mengundang...

Tuan Yang di-Pertua: 'Kerana' itu tidak perlulah.

Puan Heng Seai Kie: ... gangguan seksual. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebagai pekerja lelaki untuk mencuci tandas perempuan dan juga sebaliknya, pekerja perempuan untuk mencuci tandas lelaki ini berasaskan kepada pekerja-pekerja yang bertugas pada masa tersebut. Namun demikian, saya difahamkan apabila ada pekerja-pekerja di tandas tersebut, mereka mesti ada *sign* yang menarik perhatian kepada mereka yang masuk. Dengan itu, adalah munasabah bahawa apabila seorang lelaki masuk tandas lelaki, tengok ada pekerja perempuan yang sedang mencuci, dia tunggu sebentar. Selepas kerja itu habis, baru pakailah. Saya rasa dengan itu, tidak ada apa-apa yang akan terjadi. Namun demikian kita akan kaji semula. *[Ketawa]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Dari segi dasar yang disebut oleh kementerian memanglah baik, cuma

persoalannya sejauh manakah dari segi penguatkuasaan dan pemantauan yang mampu dibuat oleh Kementerian bagi memastikan dasar-dasar yang disebutkan tadi dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Semua orang ada minta pihak kuat kuasa. Yang Berhormat tanya ini mungkin ada kaitan dengan Kementerian Yang Berhormat ini tidak banyak yang beruniform. Semua orang hendak kuasa untuk kuat kuasa. *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Sumber Manusia akan terus mencuba sedaya upaya untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan yang ada, misalnya yang ada di Akta Kerja dan sebagainya. Dalam hubungan itu kita mempunyai sekumpulan, dengan izin, *labor inspectorate* yang boleh menyiasat tempat-tempat kerja.

Namun demikian, biasanya pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh itu tidak akan buat pemeriksaan kalau tidak dapat aduan daripada orang ramai. Kalau dapat aduan daripada orang ramai, misalnya berkaitan dengan salah guna pekerja-pekerja asing di restoran, di hotel dan sebagainya kita akan siasat dan sekiranya benar, kita akan ambil tindakan.

4. **Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pemulihan di sekolah-sekolah kebangsaan bagi memastikan setiap murid menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, didapati sejak tahun 2003 hingga tahun 2006, terdapat penurunan sebanyak 50% dari segi bilangan murid yang mengikuti Program Pemulihan Khas. Didapati daripada 127,491 murid tahap satu iaitu tahun 1, 2 dan 3 yang mengikuti program ini pada tahun 2003, hanya 36,244 yang masih memerlukan perhatian dalam kelas pemulihan tahap dua iaitu tahun 4, 5 dan 6.

Itu pun daripada 63,246 murid ini, bukan semua murid tidak boleh menguasai kemahiran 3M, sebaliknya ada yang menguasai salah satu atau dua daripada kemahiran tersebut. Selain faktor sekolah, masalah ini juga disebabkan faktor persekitaran seperti sosioekonomi dan keluarga ataupun disebabkan masalah kesihatan seperti dyslexia dan sebagainya.

Bagi murid yang masih tidak boleh menguasai kemahiran asas ini, mereka akan ditempatkan di dalam kelas pemulihan khas sehingga mereka boleh menguasai kemahiran tersebut. Sejak tahun 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia juga ada memperkenalkan program baru untuk mengurangkan masalah ini iaitu melalui Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M) dan Program Pemulihan 3M selepas UPSR atau PROTIM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. Silakan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: ... adakah guru-guru yang terlibat di dalam pemulihan hari ini telah mendapat latihan yang secukupnya bagi keberkesanan program ini? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Guru-guru pemulihan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sememangnya pakar dan sememangnya dikhususkan dalam bidang pemulihan. Tetapi saya selaku Menteri Pelajaran merasakan bahawa masih lagi banyak yang boleh kita lakukan, termasuk menambah jumlah guru pemulihan dan ini telah pun mendapat persetujuan pihak Jemaah Menteri. Tahun hadapan, lebih banyak pendedahan dan latihan yang akan diberikan, khususnya untuk mengatasi masalah penguasaan 3M kerana kementerian melihat isu ini sebagai satu isu yang cukup serius. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya berpuas hati dengan pilihan saya. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat bangsa Malaysia keturunan Melayu, bangsa Malaysia keturunan Cina dan bangsa Malaysia keturunan Siam untuk tanya Menteri Pelajaran. *[Ketawa]*

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Menteri Pelajaran yang sudi datang ke Dewan ini untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah impak PPSMI ke atas 3M di sekolah kebangsaan, di sekolah SJK(C), SJK(T) dan usaha-usaha kementerian untuk menangani kelemahan yang dihadapi oleh guru dan juga murid dalam pelaksanaan PPSMI untuk menguasai 3M. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pelajaran keturunan Turki. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya isu 3M ini apabila kita lihat dalam konteks PPSMI tidak ada kaitan secara langsung kerana mereka yang telah pun diperkenalkan kepada PPSMI sememangnya mereka yang boleh menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Walaupun itu merupakan satu perkara yang saya tengok tidak menimbulkan isu dari segi PPSMI, ia merupakan satu perkara yang perlu kita ambil kira dalam konteks penguasaan kedua-dua mata pelajaran tadi dalam bahasa Inggeris. Ini yang sedang kita fikirkan keputusannya hanya akan dilaksanakan secara mutlak, secara muktamad pada tahun 2008 kelak.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya tanya soalan tambahan. Soalan tambahan saya ialah, apakah langkah-langkah dalam melibatkan semua pihak secara bersama yang dilaksanakan oleh kementerian

untuk mengatasi isu buta 3M di kalangan murid-murid sekolah yang amat serius terutamanya di sekolah-sekolah yang berada di luar bandar. Ini memang berlaku di kalangan masyarakat Siam.

Tuan Yang di-Pertua: Ini memang berlaku itu tidak perlulah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan di sini dakwaan bahawa isu ini serius kalau hendak bandingkan dengan negara-negara lain tidaklah begitu serius seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Lazimnya bagi negara maju, bilangan murid yang tidak menguasai kemahiran literasi dan huma rasi adalah 5%. Bagi negara kita, peratusan bilangan murid tahap satu yang tidak menguasai kemahiran literasi dan huma rasi adalah 9.17% dan manakala murid tahap dua pula sebanyak 4.26%. Maka jumlah keseluruhan murid tahap satu dan dua yang tidak menguasai 3M ini di negara kita ialah 6.28% kalau hendak di bandingkan dengan 9% negara maju.

Harapan kita di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah ini dapat kita kurangkan kepada tahap 5% sama sahaja daripada negara-negara maju yang lain. Jadi, kita mesti lihat perbincangan dan perdebatan ini dalam konteks dunia yang sebenarnya dan kalau kita hendak lihat negara maju sebagai *benchmark*, maka peratusan yang ada di negara kita bukanlah pada tahap yang membimbangkan.

Walau bagaimanapun, saya melihat usaha kita untuk menggerakkan satu arus baru untuk menyedarkan bukan sahaja sekolah-sekolah, Guru-guru Pemulihan tetapi masyarakat dan juga ibu bapa, betapa pentingnya 3M ini diberi penekanan, bukan sahaja program-program yang seperti biasa, Program Pemantapan Pemulihan Khas seperti yang ditanyakan tadi berhubung kait dengan Guru-guru Pemulihan, Program Gerak Gempur. Saya sebut juga dua program baru KIA 2M dan PROTIM dalam jawapan asal saya Tuan Yang di-Pertua, di mana program itu telah pun diperkenalkan tahun ini dan kedua-dua program itu akan diperluaskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: [*Bangun*].

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat, saya di izin oleh Peraturan Mesyuarat untuk hanya membenarkan tiga pertanyaan tambahan. Terima kasih. Bukan saya tidak menghargai minta Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

5. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan perancangan pihak kementerian untuk memulihkan sungai-sungai yang tercemar serta berbau busuk di seluruh Malaysia. Ini adalah kerana keadaan sungai di seluruh negara adalah pada tahap yang kritikal dan ia boleh mengundang penyakit kepada penggunanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, strategi yang diambil oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terhadap menangani pencemaran sungai boleh dikategorikan kepada tiga

pendekatan. Yang pertama adalah memastikan supaya bahan-bahan yang mencemarkan tidak dilepaskan sewenang-wenangnya ke dalam sungai-sungai. Melalui Jabatan Alam Sekitar yang menguatkuasakan Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya yang menyekat pencemaran dari punca tetap (*point source*) dengan izin. Kementerian juga melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran sedang mengambil tindakan bagi mensyaratkan semua premis makanan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan memasang sistem penapis sisa makanan untuk menghalang sisa makanan, minyak dan gris daripada terus memasuki sungai dan mencemarkannya.

Pihak kementerian juga sedang berusaha memperbaiki prestasi pengurusan sungai melalui kaedah bersepadu iaitu *Integrated River Basin Management* dengan izin dan kaedah ini sebagai usaha proaktif dijangka boleh menyumbang kepada penjagaan dan penyeliaan sungai yang lebih berkesan. Kementerian juga sedang mengambil inisiatif untuk melibatkan semua *state holder* dengan izin termasuk Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, RELA dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam usaha kita mengatasi masalah pencemaran dan penguatkuasaan alam sekitar.

Pendekatan yang kedua adalah membersihkan sungai yang tercemar. Pendekatan ini mengambil masa yang agak panjang dan melibatkan perbelanjaan yang agak tinggi. Walaupun begitu, ianya akan tetap diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain itu, kementerian melalui JBS juga telah menjalankan beberapa program khusus di dalam menangani masalah pencemaran sungai seperti menjalankan program Satu Negeri Satu Sungai dan program ini bertujuan untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta persekitarannya yang telah tercemar atau rosak kepada keadaan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang ketiga yang telah diambil oleh kementerian di dalam menangani pencemaran sungai adalah menyedarkan orang ramai tentang pentingnya sungai itu termasuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada murid-murid sekolah dan orang awam sedang giat ditingkatkan dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.

Kempen '*Cintailah Sungai Kita*' juga masih diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian supaya kumpulan sasaran iaitu masyarakat menerima kesan dan manfaatnya. Daripada penguatkuasaan undang-undang, program-program dan aktiviti yang telah dijalankan, kementerian boleh dikatakan berjaya menangani pencemaran daripada punca tetap. Namun begitu, kawalan pencemaran yang diakibatkan oleh punca-punca yang tidak tetap atau pun *non point sources* dengan izin seperti kerja-kerja tanah, perlombongan, pembalakan dan pembuangan sampah sarap menghadapi banyak permasalahan dan halangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Wan Nordin bin Che Murat, Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad dan Tuan Gooi Hoe Hin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kaedah-kaedah atau penemuan-penemuan yang telah dikenal pasti dan akan diguna pakai untuk membersihkan sungai-sungai yang tercemar.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Tiada kaedah baru yang kita jumpai atau kita temui untuk menghalang sungai daripada tercemar kecuali kita memberi pendidikan kepada orang yang mencemar itu sendiri. Kalau kita hendak masukkan *chemical* atau bahan kimia memang tidak ada. Sebab itulah kita menjalankan kaedah seperti sekarang ini iaitu *Integrated River Basin Management*. Maksudnya kita mengenal pasti *the state holders*, orang-orang yang tinggal di sekitar sungai tersebut dan punca-punca pencemaran yang kita kenal pasti dan mereka inilah yang kita akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan membersihkan sungai tersebut dan semua jabatan-jabatan di bawah kementerian. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah peruntukkan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam kempen '*Cintailah Sungai Kita*', sejauh manakah keberkesanan? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan berapakah peruntukkan itu saya tidak mempunyai secara khusus. Saya akan bagi jawapan secara bertulis. Tetapi keberkesanannya sememangnya kita tidak boleh melihat dalam jangka masa yang pendek. Kempen-kempen yang kita buat ini kita anggap agak berjaya apabila generasi baru yang kita *target*, yang kita sasarkan berjaya kita didik, kita pupuk mempunyai kesedaran yang lebih tinggi daripada yang kita ada sekarang ini dan insya-Allah kita akan meneruskan kempen ini, kita tidak akan dengan izin *surrender* dengan keadaan yang ada. Kita terpaksa teruskan dan pendidikan inilah yang teramat-amat penting untuk generasi baru kita menjaga alam sekitar kita. Janganlah kesalahan kita ini dipikul oleh generasi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Gooi Hoe Hin.

Tuan Gooi Hoe Hin: Ya. Sungai Pinang dan Sungai Juru di negeri Pulau Pinang, saya datang dari negeri Pulau Pinang. Merupakan sungai-sungai yang paling tercemar di negara kita. Adakah kementerian akan memberi peruntukkan berlebihan memandangkan sungai-sungai ini yang cukup tercemar, untuk membolehkan sungai ini hidup semula. Dia sudah mat lah. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok jumlah sungai yang tercemar ini pun saya takut juga Yang Berhormat. Di seluruh Malaysia ini yang kita pantau adalah sebanyak 146 lembangan dan kita ada 15 lembangan termasuklah Sungai Juru dan juga Sungai Pinang yang dikira paling tercemar dalam Malaysia.

Mengikut kajian Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memulihkan sesebuah lembangan sungai itu menelan belanja hampir RM2 bilion dan kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang sebanyak itu. Sebab itu saya cakap tadi pendidikan kita buat kempen dan sebagainya itu adalah

lebih berkesan untuk jangka masa panjang. Sememangnya untuk Sungai Pinang dan Sungai Juru ini termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pemuliharaan dan kita akan cuba sedaya-upaya untuk meningkatkan kualiti sekurang-kurangnya daripada 15 yang tercemar ini kepada tujuh atau lapan yang tercemar. Itu adalah sasaran kita dan Sungai Juru dan Sungai Pinang adalah termasuk di dalam sungai-sungai yang dikenal pasti akan dipulihkan. Terima kasih.

6. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah langkah-langkah pemantauan yang telah diambil apabila melakukan pelaburan ke dalam sektor R&D teknologi tinggi bagi memastikan kerajaan tidak akan menanggung kerugian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah pemantauan yang diambil terhadap pelaburan di dalam sektor R&D adalah mengadakan lawatan secara berkala ke tapak-tapak projek, mengekalkan pakar penilai teknikal projek-projek tersebut yang terdiri daripada pakar-pakar daripada IPTA dan industri bagi tujuan pemantauan dari awal sehingga tamat projek dan juga menyediakan laporan sama ada berkala sama ada empat kali setahun ataupun setiap pencapaian *milestone* dan juga laporan akhir iaitu laporan faedah oleh penyelidik apabila projek penyelidikan berkenaan telah siap dengan jayanya. Laporan faedah ini akan dikaji untuk menentukan potensinya di mana produk-produk yang dihasilkan akan diperakukan kepada pihak industri atau swasta bagi melalui proses-proses berikutnya termasuklah kajian pemasaran.

Sesetengah projek R&D telah pun mempunyai rangkaian kerjasama dengan pihak industri dan swasta di mana hasil-hasil R&D yang berjaya dihasilkan akan terus diambil oleh industri-industri berkenaan dan melalui proses-proses berikutnya hinggalah produk berkenaan dipasarkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Aspek pemantauan adalah penting supaya pelaburan ke dalam sektor R&D teknologi tinggi tidak terbuang begitu sahaja seperti pelaburan dalam "InventQjaya". Soalan saya apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk melakukan perancangan jangka masa panjang berasaskan perubahan strategik trend industri pada masa depan dan bagaimanakah kita akan menggunakan perubahan tersebut untuk kepentingan negara. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan "Ivenqjaya" saya rasa ini dalam proses mahkamah. Jadi pihak kerajaan tidak akan mahu membuat sebarang komen. Untuk jawapan seterusnya kita sedia maklum iaitu di dalam pelaburan R&D bagi fokus-fokus tertentu seperti ICT sebelum kita menubuhkan MSC kita

menubuhkan satu panel yang dikenali sebagai (IAP) *International Advisory Panel* yang mana panel ini telah digunakan sebagai menentukan hala tuju dan panduan bagaimanakah program ICT dapat dilaksanakan untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Begitu juga di dalam sektor bioteknologi yang kita baru ceburi juga kita menubuhkan *International Advisory Panel* yang mana terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan sama ada daripada industri ataupun mereka yang betul-betul terlibat di dalam industri itu. Jadi mereka ini sebenarnya membantu dengan pakar tempatan untuk menyediakan hala tuju strategik dan sebagainya supaya pelaburan kita dapat terjamin pulangnya pada masa akan datang.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya dalam masa dua tahun kebelakangan ini berapa banyakkah penemuan produk berteknologi tinggi yang telah dihasilkan dapat dipasarkan dalam negara dan di luar negara.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sebenarnya banyak. Kita ada lebih daripada 11 paten yang telah pun kita failkan daripada hasil produk-produk penyelidikan ini dan yang mana ini semuanya boleh dikatakan mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan sebahagian daripada produk ini telah pun dikomersialkan bukan sahaja di peringkat domestik malahan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

7. **Tuan Tan Bon You** minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang rungutan rakyat mengenai kuasa yang telah diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menyaman mereka yang tidak menggunakan bahasa Malaysia dengan betul. Adakah langkah ini berkesan atau sebaliknya menimbulkan ketidakselesaan rakyat.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memperkasakan bahasa kebangsaan pendekatan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah untuk memberi nasihat, bimbingan, bantuan, latihan, ulasan atau pengawasan sejajar dengan tujuan penubuhan DBP seperti yang termaktub dalam seksyen 5 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka pindaan dan peluasan 1995. Untuk makluman Yang Berhormat, selama ini sesuai dengan peruntukan akta ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberi pelbagai nasihat dan juga teguran berkaitan kesalahan penggunaan bahasa di tempat-tempat awam.

Walau bagaimanapun, nasihat dan teguran itu sering kali tidak diendahkan. Justeru jawatankuasa induk memperkasakan bahasa kebangsaan telah mencadangkan kepada jemaah menteri dan telah pun mendapat persetujuan agar Dewan Bahasa dan Pustaka turut diberi kuasa penguatkuasaan bagi memastikan kesalahan penggunaan bahasa kebangsaan diperbetulkan. Kerajaan telah menyediakan cadangan pindaan akta DBP ini bagi penguatkuasaan melalui undang-undang berhubung penyalahgunaan bahasa kebangsaan hanya setelah akta tersebut diluluskan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengambil semua langkah yang perlu untuk

memastikan kuasa yang diberikan itu ditadbir dengan cekap dan juga dengan telus. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Bon You, Tuan Ismail Kasim, Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid ... minta maaf Datuk, tadi Datuk berdiri tak dapat peluang.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat menteri. Soalan tambahan saya, selain dari papan iklan dan iklan bercetak di akhbar-akhbar yang dapat dilihat umum, adakah ia juga meliputi dokumen-dokumen dan risalah-risalah iklan di mana pembacanya terhad. Adakah perkara sebegini terkecuali dari tindakan undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sememangnya tujuan kita ialah untuk iklan-iklan dan istilah yang digunakan untuk dipampangkan kepada orang ramai. Tetapi isu dan kandungan pindaan kepada akta itu akan dibahaskan di peringkat kedua-dua Dewan ini. Maka terserah kepada wakil-wakil rakyat kita untuk membahaskannya.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang dikasihi. Soalan tambahan saya, kenapakah masa yang diambil terlalu lama untuk diberi kuasa kepada DBP ini. sepatutnya sejak DBP ditubuhkan kuasa diberi terus untuk menguatkuasakan dan menyaman mereka yang tidak menggunakan bahasa Malaysia dengan betul.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kerana di peringkat awal seperti matlamat akta yang disebutkan tadi iaitu tujuan kita mewujudkan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah untuk memberi bimbingan, nasihat dan teguran maka selepas begitu lama apa yang termaktub di dalam akta itu kita rasakan tidak mencukupi. Maka masa telah tiba untuk kita menyediakan peruntukan di dalam akta dengan pindaan ini supaya usaha memperkasakan bahasa kebangsaan yang diberi suntikan baru sekarang dapat dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju mereka yang menggunakan bahasa rojak ini di saman.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju itu tak perlulah. Pertanyaan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Bagaimana pula dengan jabatan kerajaan dan kementerian MITOS, MOA dan MEDC. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sama juga. Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, dengan suntikan baru ini maka buat pertama kalinya kita telah mewujudkan satu jawatankuasa induk untuk melihat kepada usaha memperkasakan bahasa kebangsaan ini dan jawatankuasa induk ini dipengerusikan oleh tiga menteri iaitu Menteri Penerangan, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWA) dan juga Kementerian Pelajaran. Di bawah jawatankuasa induk ini juga kita telah mewujudkan enam jawatankuasa kerja.

Ini merupakan usaha-usaha yang baru kita mulakan tahun ini dan sebenarnya ia merangkumi kesemua bidang kuasa dan juga mereka yang terlibat dalam usaha hendak memastikan bahawa bahasa kebangsaan bukan sahaja dilihat sebagai satu bahasa yang perlu kita pertahankan kerana perlu dipertahankan tetapi dilihat sebagai satu bahasa moden, bahasa ilmu, bahasa yang digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan. Bermakna bahawa semua yang bertanggungjawab akan dirangkumkan di bawah usaha jawatankuasa induk tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim, saya terlepas pandang tadi. Saya jemput Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pun baik. Silakan.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana terlepas pandang, soalan saya nombor 8.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin saya tidak benarkan pertanyaan tambahan.

8. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi kerajaan dalam usaha meningkatkan pelaburan luar baru di Malaysia, memandangkan cabaran daripada gergasi ekonomi baru seperti China dan India terlalu kuat sehingga menyebabkan pelabur sedia ada sanggup meninggalkan negara ini demi keuntungan yang lebih besar di sana.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin pada hari ini juga. Soalan nombor 29 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi iklim pelaburan yang semakin mencabar Pelan Induk Perindustrian Ketiga atau IMP3 telah menggariskan lapan teras strategi iaitu:

- (i) Bersaing secara global bagi mendapatkan pelaburan langsung asing atau FTI dengan sasaran dan pendekatan yang lebih fokus;
- (ii) Meningkatkan tahap daya saing dan produktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- (iii) Memastikan industri mendapat faedah daripada perjanjian dua hala, serantau dan pelbagai hala yang berkaitan dengan pelaburan;
- (iv) Meningkatkan pelaburan domestik swasta termasuk pelaburan oleh syarikat berkaitan kerajaan atau GLC;
- (v) Menggalakkan pelaburan merentasi sempadan oleh syarikat Malaysia;
- (vi) Mempelbagaikan sub sektor perkhidmatan yang berpotensi bagi pelaburan dan eksport;
- (vii) Meneruskan liberalisasi dasar ekuiti yang progresif dalam sektor perkhidmatan; dan

- (viii) Menjadikan iklim pelaburan yang lebih *conducive* termasuk sokongan institusi dan infrastruktur, kaedah kawal selia dan penyampaian.

Dalam hal ini kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi-agensi di bawahnya telah merangka program spesifik bagi menarik pelaburan asing terutamanya menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke negara pengekspor utama model dan negara yang mempunyai teknologi tinggi dan strategik. Menganjurkan *specific project mission* dengan izin SPM yang memberi pendekatan yang lebih fokus kepada industri untuk menarik pelabur asing di dalam sesuatu sektor berpandukan kepada kekuatan negara tersebut di dalam industri dan teknologi yang dikenal pasti.

Menganjurkan *specific industry seminar* dengan izin yang khusus bagi industri-industri yang berpotensi di negara-negara yang dikenal pasti, menganjurkan program *round table meeting* dengan izin bersama syarikat dalam industri-industri utama dan mengadakan dialog dengan dewan perniagaan dan pihak swasta bagi memaklumkan dasar serta insentif yang ditawarkan serta untuk mendapat maklum balas.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, apakah pendekatan yang harus diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan pelabur-pelabur yang telah melabur di negara kita tetapi menikmati pelbagai insentif dalam tempoh yang tertentu kemudian mereka meninggalkan dan beralih kepada dua-dua negara yang kita maksudkan ini.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim. Langkah-langkah yang diambil termasuk kita melanjutkan tempoh insentif kalau mereka bawa teknologi baru kepada kita selepas akhir tempoh insentif yang asal. Dan selain daripada itu kita pun dalam negara kita oleh sebab kita mewujudkan satu iklim pelaburan yang *conducive* kita memang mereka tidak akan pindah. Sebab kalau mereka pindah ke tempat lain mereka akan mula sekali lagi dan ini ramai yang menghadapi masalah. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah benar dakwaan seorang pemimpin parti komponen yang mendakwa bahawa PDI di negara kita merosot khususnya di sektor perkilangan berdasarkan hujah beliau iaitu bahawa permintaan terhadap tenaga elektrik menurun 5% dalam tempoh tiga tahun berbanding 8% sebelumnya. Sedangkan Menteri MITI kata pelabur asing semakin bertambah di negara kita.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi. Berkenaan dengan soalan ini sebenarnya kalau kita tengok angka-angka pelaburan di negara kita ini semakin bertambah, tidak turun. Kalau kita tengok tahun 2005, pelaburan sebanyak RM31 juta dan untuk Januari hingga September tahun ini kita sudah mencapai RM35.2 bilion. Apa yang dikatakan kegunaan elektrik sudah menurun ialah, sebenarnya tidak menurun, tetapi lakaran graf menunjukkan penurunan sedikit. Ini disebabkan oleh sektor industri sudah

ada pertukaran, iaitu transformasi dalam perkilangan. Dahulu perkilangan atau industri menggunakan banyak elektrik tetapi sekarang ada banyak cara yang lebih menjimatkan daripada elektrik. Oleh sebab itu walaupun pelaburan sudah naik, tetapi penggunaan atau *growth in "artic" of electricity* dengan izin, tidak naik. Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kementerian ada banyak rancangan untuk menarik pelabur-pelabur asing.....

Tuan Yang di-Pertua: 'Nampaknya' itu tidak perlulah nampaknya.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okay, okay. Walaupun negara China dan India mempunyai pasaran domestik yang besar, penduduknya berjumlah 20.2 bilion rakyat mereka. Jadi walau bagaimanapun negara-negara ini masih mewujudkan suasana yang lebih mesra untuk menarik lebih pelabur asing dengan insentif-insentif yang baik. Kita lihat di Vietnam.....

Tuan Yang di-Pertua: 'Kita lihat' pun tidak perlulah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ada berkaitan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan, pertanyaan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okay pertanyaan. Apakah tindakan yang lebih agresif berbanding dengan negara China untuk menarik lebih pelabur asing untuk pasaran Malaysia? Jadi menarik mereka ke Malaysia untuk melabur. Inilah, lebih agresif sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah tindakan yang lebih agresif?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng. Sebenarnya dalam ucapan penggulungan ke atas perbahasan Bajet 2007 bagi pihak MITI semalam saya sudah sebut beberapa langkah-langkah yang kita ambil yang sangat agresif.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu kata pelaburan atau FDI ke negeri China dan India banyak. Tetapi kalau kita ikut menurut laporan *World Investment Report 2006*, India hanya dapat USD7 bilion untuk tahun 2005 dan Malaysia dapat USD4 bilion. Ini bermakna walaupun pelaburan FDI kita rendah sedikit tetapi kalau berbanding dengan satu negara macam India, kita pun masih okay, masih empat berbanding dengan tujuh. Negara China mendapat USD72 bilion, dan ini memang yang besar. Ini sebab negara China besar dan penduduk banyak dan pasaran domestik pun besar.

Pasaran domestik di Malaysia tidak begitu besar. Kita hanya ada 25 juta penduduk tetapi kita minta negara China atau pelabur-pelabur dari China menganggap Malaysia seperti *stamping stone* dengan izin ke pasaran ASEAN dan pasaran khususnya Timur Tengah (*Middle East*) dengan produk-produk halal dan sebagainya. Kita ada beberapa langkah lagi yang akan kita adakan supaya boleh menarik lebih banyak dari China.

9. **Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) statistik filem yang ditapis oleh Lembaga Rayuan bagi 3 tahun yang lepas mengikut bahasa; dan
- (b) statistik filem yang dirujuk kepada Lembaga Rayuan bagi 3 tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah filem yang dibuat rayuan oleh pengiklan filem kepada jawatankuasa rayuan filem ditanya lembaga rayuan di mana mereka tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga penapis filem telah menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun. Statistik tajuk filem yang dibuat rayuan filem bagi tiga tahun yang lepas mengikut bahasa adalah seperti ini:-

Tahun/ Bahasa	2004	2004	2005	2006 (Hingga Okt)
Arab	1	-	-	-
Malaysia	7	6	1	-
Inggeris	24	15	7	3
Hindi	1	1	-	-
Kantonis	1	-	-	-
Korea	-	1	-	-
Mandarin	4	-	-	-
Sepanyol	1	-	-	-
Thai		1	-	-
Tamil	2	1	-	1

Tuan Yang di-Pertua, jumlah filem yang dirujuk kepada Jawatankuasa Rayuan Filem bagi tiga tahun yang lepas adalah bagi tahun 2003, sebanyak 41 tajuk tahun 2004 sebanyak 25 tajuk, tahun 2005 sebanyak lapan tajuk, tajuk 2006 sehingga bulan Oktober sebanyak empat tajuk. Jadi, jumlah tajuk filem yang dibuat rayuan adalah 78. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa sesuatu filem yang ditapis oleh Lembaga FINAS ditonton oleh tiga orang ahli lembaga sahaja. Soalan saya, adakah Ahli-ahli Lembaga yang menonton filem itu terdiri daripada mereka yang mahir di dalam sesuatu arena. Seumpamanya, sekiranya filem itu adalah berunsur agama, adakah ahli-ahli lembaga itu memahami atau mahir dalam arena agama ataupun mereka hanya menonton apabila mereka ada masa yang lapang. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada 66 anggota penapis filem dan mereka kebanyakannya adalah dari pegawai kanan kerajaan yang bersara dan mereka adalah sangat mahir dalam bahasa bukan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, tetapi mereka fasih dalam bahasa Arab, bahasa Sepanyol, France dan bahasa-bahasa lain. Jadi, tidak ada masalah untuk mereka menapis filem-filem yang dikemukakan. Jika ada masalah, Yang Berhormat Menteri akan melantik lebih ramai anggota penapisan filem.

10. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kaedah yang lebih berkesan untuk memastikan tandas-tandas di sekolah rendah dan menengah berada di tahap yang memuaskan kebersihannya.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kabinet Kebersihan Dan Kesihatan Nasional yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ditubuhkan bagi merancang strategi bagi menangani isu-isu berkaitan dengan hal ehwal kebersihan *hygiene* dan isu kesihatan di Malaysia.

Di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa khusus yang melihat kepada isu tersebut iaitu Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Dan Kebersihan (3K) di mana timbalan-timbalan menteri dan setiausaha parlimen kami telah diberi tugas-tugas masing untuk mengemudi jawatankuasa-jawatankuasa induk dan jawatankuasa kerja di bawah 3K ini.

Selari dengan fungsi dan peranan Jawatankuasa Kabinet, Kebersihan Dan Kesihatan Nasional, Jawatankuasa 3K peringkat kementerian ini telah dan akan terus mengkaji dan merancang pendekatan jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani isu keselamatan, kesihatan dan juga kebersihan murid di sekolah-sekolah. Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui jawatankuasa induk juga sedang merancang pelan tindakan kita untuk lima tahun yang akan datang dan di bawah pelan induk ini yang akan dilancarkan awal bulan Januari tahun hadapan, akan merangkumi semua strategi kita dalam konteks 3K tadi.

Pada masa yang sama, kerja-kerja penyelenggaraan telah pun kita lantik syarikat-syarikat melalui tender-tender pembersihan tandas. Tetapi yang lebih penting lagi ialah pendidikan dan peringatan yang berterusan kepada murid-murid kepada guru-guru dalam konteks menganjukkan minda dan budaya kebersihan di sekolah kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada menteri dan cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi keadaan di sekolah. Saya cuma terkilan kerana telah membaca satu kajian yang dibuat oleh Sin Chew Daily di Kuala Lumpur dan petaling Jaya yang mengatakan bahawa tandas-tandas di sekolah begitu kotor. Saya ingin bertanya dalam pandangan kementerian, apakah yang menyebabkan kemerosotan mutu kebersihan di sekolah rendah dan sekolah menengah ini?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi, banyak faktor yang kita ambil kira di bawah jawatankuasa yang disebutkan tadi. Satu-satunya ialah dalam konteks budaya dan minda mereka yang terlibat. Satu-satunya aspek yang kita tekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah kepimpinan di peringkat sekolah. Bermakna bahawa pengetua dan guru-guru besar dalam konteks agenda yang saya sebutkan tadi, 3K -

kebersihan, keselamatan dan kesihatan. Maka, kita harap bahawa pembudayaan ketiga-tiga 'K' ini dapat diserapkan di peringkat kepimpinan lagi di sekolah-sekolah kita.

Perkara kedua ialah untuk melihat kepada penguatkuasaan dalam konteks akar umbi. Hendak menyatakan bahawa semua tandas-tandas kita di sekolah semuanya tidak bersih dan tidak senang seperti dinyatakan oleh Sin Chew, saya rasa tidak tepat. Tetapi ini tidak bermakna bahawa tidak ada sekolah-sekolah kita yang boleh kita pertingkatkan budaya dan juga usaha untuk menyediakan bukan sahaja peruntukan yang mencukupi. Bukan sahaja prasarana baru untuk dinaik taraf tetapi untuk menyediakan kepimpinan di sekolah yang dapat memenuhi harapan dan objektif yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah, kementerian pernah membuat kajian terperinci kaitan keceriaan tandas dan tahap prestasi dan pencapaian sekolah. Sekiranya ada, apakah keputusannya?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kajian secara terperinci untuk tandas sahaja, saya rasa belum ada. Tetapi apa yang kita dapat maklum balas berhubung kait dengan kebersihan dan kesihatan tadi, saya sudah pun nyatakan tadi. Bagi saya lebih penting dengan peruntukan yang telah pun diumumkan dan telah pun diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Usaha-usaha yang saya sebutkan tadi sudah dikenal pasti konteks kepimpinan, konteks prasarana, konteks minda dan juga budaya di sekolah.

Saya harap kalau itu diberi penekanan dengan penglibatan masyarakat dan pemimpin-pemimpin setempat dan juga pihak media yang kita sedang memikirkan kaedah yang terbaik melalui talian dan perhubungan perkongsian tulen dengan pihak media, saya percaya bahawa gerakan yang kita sebutkan untuk bahasa kebangsaan tadi juga boleh dilakukan dengan arus baru untuk '3K', ketiga-tiga perkara yang saya rasa begitu penting dalam usaha kita untuk meningkatkan sekolah-sekolah kita kepada peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin, saya selalu lupa.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adalah didapati bilangan tandas-tandas di sekolah tidak mencukupi. Berapakah nisbah bilangan murid kepada satu tandas dan bilakah nisbah ini dapat diguna pakai? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan nisbah murid kepada satu tandas di sekolah tetapi, saya mungkin, kalau ada maklumatnya kita akan panjangkan kepada Yang Berhormat melalui secara bertulis. Yang penting sekarang ialah melalui pelan induk yang saya sebutkan tadi. Maka semua perancangan yang kita hendak lakukan dalam lima tahun yang akan datang, akan dibukukan. Bermakna berapa sekolah baru, berapa prasarana dan melalui pelan induk ini, kita boleh telitikan dan kalau

tidak mencukupi ada ruang lagi untuk kita menambah baik dari segi pembangunan fizikal di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, terima kasih.

11. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan rumah orang tua milik kerajaan dan swasta dalam negara serta bilangan penghuni. Bagaimanakah pusat rumah orang tua swasta dipantau oleh kementerian. Adakah kementerian memberi apa-apa insentif kepada pihak swasta yang menubuhkan atau menguruskan rumah orang tua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kini menguruskan sebelas buah institusi warga tua milik kerajaan. Iaitu sembilan buah Rumah Seri Kenangan dan dua buah rumah ihsan dan jumlah penghuni pada masa ini adalah seramai 1,963 orang. Manakala bagi institusi warga tua yang dikendalikan oleh pihak swasta dan pertubuhan kebajikan sukarela berjumlah 193 buah yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 - Akta 506.

Semua institusi swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan ini dipantau aktiviti dan operasinya oleh jabatan kebajikan masyarakat menggunakan peruntukan Akta Pusat Jagaan tersebut. Sehingga kini jumlah penghuni yang dibeli jagaan oleh 193 institusi swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan ini ialah seramai 4,500 orang. Dari 193 buah institusi swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar tersebut, 25 buah daripadanya mendaftar sebagai perniagaan dengan mengenakan bayaran kepada penghuninya. Jumlah penghuni di bawah institusi berbayar ini adalah seramai 66 orang.

Manakala jumlah selebihnya iaitu 168 buah yang lain diuruskan oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan, sukarela dengan tidak mengenakan sebarang bayaran. Walau bagaimanapun, institusi-institusi tersebut dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui geran bantuan yang disalurkan setiap tahun. Bagi tahun ini, sejumlah RM3,504,000 telah disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang menguruskan institusi tersebut.

Selain dari institusi-institusi kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan berkenaan kementerian juga mewujudkan pusat jagaan harian warga tua sebagai alternatif kepada institusi berkediaman seperti dinyatakan di atas. Sehingga kini sebanyak 16 buah pusat jagaan harian warga tua telah beroperasi di seluruh negara dengan dibeli peruntukan geran tahunan sebagai geran penyelenggaraan, sekian terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah daripada pihak kementerian bagi menggalakkan anak-anak supaya menjaga sendiri orang-orang tua mereka dan bolehkah kementerian mencadangkan supaya pihak kerajaan memberi pelepasan cukai kepada mereka-mereka yang terpaksa membayar untuk menjaga orang tua sama ada di rumah orang tua ataupun terpaksa mencari pembantu rumah terutamanya daripada warga asing, terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar. Melalui LPPKN kita telah menyediakan modul-modul iaitu kursus-kursus yang disediakan untuk yang beri kepada ibu bapa dan juga anak-anak mereka supaya perhubungan di antara ibu bapa dan anak-anak mereka dapat dirapatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau ikut angka-angka yang saya ada di sini, penghuni-penghuni yang berada di Rumah Seri Kenangan di bawah JKM yang ada waris iaitu 815 orang iaitu 45.18% yang tidak ada waris iaitu 989 orang iaitu 54.82%.

Tetapi, walaupun kita ada angka ini, tetapi apakah dia punya sebab-sebab mengapa mereka dimasukkan ke dalam Rumah Seri Kenangan ini tidak dapat dipastikan sebelum kita adakan satu kajian yang teliti supaya kita dapatkan sebabnya. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai lepasan cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan pelepasan cukai pendapatan berjumlah RM5,000 setahun untuk ahli keluarga yang membiayai perbelanjaan, perubatan dan membeli peralatan ortopedik untuk bumiputera bapa yang telah tua. Manakala Lembaga Urusan tabung Haji mempertimbangkan subsidi dari Tabung Khairat kepada warga tua yang berpendapatan rendah yang mana simpanan mereka belum mencukupi untuk menunaikan Haji, sekian terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa pusat yang telah ditubuhkan oleh swasta itu telah gagal dan diarah supaya ditutup?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan buat pindaan ke atas Akta Pusat Jagaan 1993 pada sesi Dewan Rakyat yang akan datang. Sebelum ini walaupun kita ada kuasa untuk membuat penguatkuasaan yang mana kita boleh masuk ke dalam untuk memantau atau menyiasat pusat-pusat jagaan yang tidak berdaftar dengan kementerian, tetapi sampai ke hari ini belum ada lagi sebuah pusat jagaan yang didakwa di mahkamah, sekian terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mewajibkan setiap rumah orang tua swasta menghantar laporan setiap bulan atau tahun kepada kementerian, terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Saya hendak menjelaskan lebih mendalam lagi. Tadi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Mendalam boleh, panjang-panjang tidak boleh.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Bukan, ada kena mengena dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mendalam boleh, panjang-panjang tidak boleh.

[Ketawa]

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, kalau ikut akta yang sedia....

Tuan Yang di-Pertua: *Precision.*

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, akta yang kira sedia ada sekarang, kita ada kuasa untuk menguatkuasakan supaya mereka didakwa. Tetapi, kita tidak ada kuasa untuk 'melatkan'

premis itu. Oleh itu kita akan pinda Akta Pusat Jagaan ini dan selepas kita pinda Akta Pusat Jagaan ini, kita ada kuasa untuk 'melatkan' dan selain daripada itu kita akan dapat peruntukan untuk menubuhkan pasukan penguatkuasaan supaya kita dapat memantau, terima kasih.

12. **Puan Hajah Wan Hazani Hj. Wan Mohd Nor** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah Kementerian ini tidak menjalankan kajian yang teliti dalam memohon peruntukan, contohnya jalan raya dari Kuala Lipis ke Gua Musang, peruntukan di pohon RM80 juta, apabila DYMM sultan Pahang sendiri memandu di jalan tersebut, Menteri memberitahu bajet khas tambahan akan dipohon daripada YAB Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR sememangnya telah membuat kajian yang terperinci dalam menyediakan skop kerja dan anggaran kos projek ini semasa memohon projek-projek diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebagai makluman siling peruntukan yang diluluskan untuk setiap negeri adalah terhad. Oleh itu, pihak JKR perlu menentukan hanya projek-projek yang penting yang mendesak sahaja. Dipohon pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam kes ini, peruntukan sebanyak RM80 juta yang dipohon adalah untuk menaik taraf jalan sedia ada ke piawai JKR R5 di beberapa lokasi sahaja di mana terdapat kadar kemalangan yang tinggi. Anggaran panjang jalan yang terlibat adalah 25 kilometer. Walau bagaimanapun, skop projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah menaik taraf jalan sedia ada berdasarkan piawai JKR R5 dari Kampung Relong, Pahang ke Gua Musang, Kelantan. Setelah dikaji secara terperinci, kos sebenarnya untuk menaik taraf jalan ini sepanjang kira-kira 98.5 kilometer adalah sebanyak RM330 juta. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kenapakah kementerian tidak mempercepatkan operasi jalan atau melebarkan dua *lane* atau empat *lane* Kuala Lipis ke Gua Musang memandangkan banyak *accident* dan kematian yang berlaku di jalan tersebut? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk kita melaksanakan projek-projek di mana-mana jalan, memang kita perlu tengok peruntukan. Ada tempat yang lebih mendesak, kita melaksanakannya dahulu. Tetapi projek-projek dari Kuala Lipis ke Gua Musang memang ada dalam peruntukan ini tetapi akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

13. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha kementerian dalam menarik minat generasi muda menceburi profesion kejururawatan agar ia benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik minat generasi muda khususnya di kalangan kaum bukan Melayu supaya menceburi profesion 'kejuruteraan' agar ia benar-benar...

Tuan Yang di-Pertua: Kejururawatan.

Dato' Lee Kah Choon: Kejururawatan, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Jururawat dengan jurutera lain langsung.

Dato' Lee Kah Choon: Lain itu, betul, betul. Profesion kejururawatan agar ia benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk negara ini. Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai promosi kerjaya dan kempen yang diadakan sama ada oleh pihak kementerian sendiri, Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Kolej-kolej Latihan Kementerian Kesihatan. Di samping itu, pengiklanan tentang jawatan ini juga telah dimasukkan dalam akhbar-akhbar bahasa Melayu dan bukan Melayu. Walau bagaimanapun, setakat ini bilangan kaum bumiputera Melayu yang menceburi kerjaya tersebut masih lagi rendah. Oleh itu, pihak kementerian masih lagi mencari kaedah yang baru dan sesuai bagi mengatasi cabaran ini. Sekian.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat ini usaha kerajaan untuk menghasilkan jururawat yang berkelulusan Ijazah Kejururawatan, berapa ramai yang terlibat? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat, berkaitan dengan angka itu, tiap-tiap tahun kita lebih kurang akan dapat menghasilkan 2,000 lebih jururawat dari fakulti atau Kolej Kejururawatan Kementerian Kesihatan dan bagi pihak swasta pula, kita dapat menghasilkan lebih kurang 1,000 lebih. So, bermakna dalam satu tahun kita dapat menghasilkan lebih kurang 4,000 orang. Sekian.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan Kempen ataupun Program 7S iaitu senyum, salam, segera, sensitif, sopan, sentuh dan segak yang membabitkan 63,000 jururawat hospital dan klinik kerajaan di seluruh negara dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit, sekali gus bertujuan meningkatkan imej, kemahiran dan tahap kecekapan jururawat dalam melaksanakan tugas? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kempen 7S ini berjalan dengan lancarnya dan kita harap kita akan dapat mempertingkatkan lagi kerana ini adalah matlamat kita untuk memberikan perkhidmatan penyayang dan kasih sayang kepada orang ramai. Sekian.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapakah kekosongan masih wujud dalam kementerian bagi jawatan kejururawatan? Tadi Yang Berhormat telah kata bahawa minat jururawat daripada kaum bukan bumiputera adalah amat rendah, ada atau tidak statistik berapa ramai bumiputera dan bukan bumiputera? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu soalan yang spesifik tetapi sebagai keseluruhannya, kekosongan yang kita ada adalah kita harap kita akan

dapat mengurangkan nisbah kalau kita ikut nisbah. Nisbah sekarang ini ialah 1 jururawat kepada lebih kurang 600 orang penduduk dan matlamat kita adalah menuju kepada 1 jururawat kepada 200 orang penduduk. Ini adalah untuk masa yang akan datang. Berkaitan dengan peratusan jururawat Melayu atau bumiputera berbanding dengan bukan bumiputera pada masa sekarang adalah lebih kurang kalau tidak salah saya ialah 90% kepada 10%. Iaitu 90% bumiputera dan 10% bukan bumiputera. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada hikmahnya, yang tanya pun bukan keturunan bumiputera, yang jawab pun bukan keturunan bumiputera mengenai soal bumiputera dan bukan bumiputera.

14. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bilangan pelajar bukan bumiputera yang belajar di setiap tingkatan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di seluruh negara. Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk menambahkan bilangan pelajar tersebut

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar bukan bumiputera yang sedia ada di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) pada tahun 2006 ialah 588 orang. Pecahan pelajar mengikut tingkatan adalah seperti berikut:

Tingkatan 1	-	110 orang
Tingkatan 2	-	89 orang
Tingkatan 3	-	135 orang
Tingkatan 4	-	129 orang
Tingkatan 5	-	125 orang

Jumlah tawaran yang telah dikeluarkan sehingga tahun 2006 ialah sebanyak 2,054.

Pecahan tawaran mengikut tingkatan adalah seperti berikut:

Tingkatan 1	-	273
Tingkatan 2	-	412
Tingkatan 3	-	419
Tingkatan 4	-	613
Tingkatan 5	-	337
Jumlah	-	2,054

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini MARA belum membuat keputusan untuk menambah pengambilan pelajar bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains MARA. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya tawaran yang diberi adalah 2,054 tetapi yang berdaftar hanyalah 558. Adakah kerajaan membuat satu kajian

apakah sebabnya mereka daripada bukan bumiputera tidak begitu berminat untuk memasuki MRSM? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pengambilan dan tawaran ialah dari segi kedudukan tempat yang ada di Maktab Rendah Sains MARA setiap tahun. Sebagai makluman umum, pada masa ini MARA memperuntukkan 10% daripada pengambilan pelajar setiap tahun daripada angka 5,000 lebih pengambilan, 10% diberikan kepada bukan bumiputera. Faktor yang kedua juga ialah dari segi kelayakan memasuki MRSM dan juga dari segi minat yang ditunjukkan oleh para pemohon. Terima kasih.

15. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah klinik-klinik swasta yang masih gagal mendaftar berikutan penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Apakah kebaikan akta ini dan berapa ramai doktor atau klinik yang sudah diambil tindakan kerana melanggar akta tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 98 telah bermula berkuat kuasa pada 1 Mei 2006. Sehingga 5 Disember 2006, sebanyak 7,563 permohonan pendaftaran klinik swasta telah diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan dan yakin bahawa angka ini mewakili hampir 100% klinik swasta yang sedia.

Walaupun begitu kementerian juga percaya masih ada lagi klinik swasta yang menjalankan kemudahan dan telah memberikan perkhidmatan kesihatan dalam pelbagai bentuk yang tidak didaftarkan sebagai klinik swasta. Secara keseluruhannya, akta ini memberi beberapa kebaikan kepada orang ramai dan kerajaan.

Di antara kebaikan ini adalah:

- (i) ianya dapat dengan adanya akta ini hanya orang yang mempunyai kelayakan sahaja yang boleh menjalankan dan memberi perkhidmatan kesihatan. Ini dapat memastikan integriti profesional bidang perubatan dapat dipelihara dan dapat membantu menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan tersebut;
- (ii) akta ini juga dapat mengawal bayaran rawatan dan perubatan yang dikenakan ke atas pesakit. Peruntukan ini dapat memastikan pesakit mendapat perkhidmatan kesihatan pada standard dan kualiti yang boleh diterima dengan bayaran yang berpatutan iaitu *value for money*;
- (iii) penguatkuasaan akta ini yang turut mengambil berat mengenai standard jagaan pesakit yang dapat membantu negara ini untuk

bersedia dalam memajukan dan menggalakkan pelancongan kesihatan;

- (iv) di bawah akta ini, tindakan boleh diambil kepada mana-mana kemudahan kesihatan swasta yang tidak mematuhi kehendak akta dan peraturan-peraturannya. Ini penting dalam memastikan peruntukan undang-undang tersebut boleh dipatuhi.

Sehingga 5 Disember 2006, kementerian telah 'mengelak' atau *sealed* dua buah premis yang menjalankan kemudahan dan memberikan perkhidmatan kesihatan. Dua-dua kes ini akan didakwa di mahkamah kelak. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah Persatuan Pengamal Perubatan Swasta mendakwa akta ini adalah terlalu zalim sebab mereka diwajibkan beli ECG...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab tidak perlulah mereka mendakwa terlalu zalim.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi bagaimana kerajaan dapat mengawal klinik-klinik swasta ini tidak mengenakan kos tambahan kepada pesakit dengan syarat-syarat yang semakin bertambah ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Di bawah akta ini, kita telah mengadakan satu *fee schedule* di mana mereka kena ikut *fee* yang telah ditentukan di dalam akta ini dan jikalau ada apa-apa aduan, mereka boleh buat aduan itu kepada kementerian dan kita akan siasat di atas bil-bil yang kita dapati itu dan jikalau dia telah melanggar akta-akta atau peraturan-peraturannya, bermakna tindakan boleh diambil ke atas pengamal-pengamal perubatan ini. sekian.

[Soalan No. 16 - Y.B. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn tidak hadir]

17. Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi peluang atau keutamaan kepada kontraktor-kontraktor bekas tentera untuk mendapat projek atau serpihan projek dalam Rancangan Malaysia ke-9 walaupun tender dibuat secara terbuka.

[Wakil kementerian tidak hadir untuk menjawab soalan No. 17]

Tuan Yang di-Pertua: Tadi yang bertanya tidak ada, yang hendak jawab ada. Yang bertanya ada, yang hendak menjawab tiada. Saya pergi kepada pertanyaan kepada yang terakhir. Ir. Hiang Ali.

18. Ir. Hiang A Li minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah jaminan Kerajaan bagi memastikan program-program memperbaiki bangunan sekolah dan bangunan Kerajaan dalam Bajet 2007 dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya perintahkan supaya jawapan bertulis diberi kepada pertanyaan nombor 17. Saya perintahkan juga pertanyaan nombor 18 diberi jawapan bertulis. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 17 (1)

USAHA MALAYSIA MEMBANTU PALESTIN TERHALANG

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu yang didedahkan oleh Menteri Luar Malaysia iaitu Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar bahawa usaha Malaysia untuk menyalurkan sumbangan untuk membina sebuah lagi sekolah di Palestin turut terhalang kerana dasar membekukan akaun bank kerajaan Palestin. Ini diikuti dengan pendedahan Perdana Menteri Palestin Ismail Haneyyah bahawa ada pihak tentu mendalangi percubaan untuk membunuh beliau ketika membawa pulang wang tunai masuk ke Gaza. Tujuannya adalah untuk melumpuhkan perjuangan rakyat Palestin bagi mendirikan sebuah kerajaan yang demokratik dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disiarkan dalam media massa termasuk media massa antarabangsa, *convoy* Perdana Menteri Palestin iaitu Ismail Haneyyah telah diserang ketika menyeberangi laluan Rafah di sempadan Gaza, Mesir. Akibatnya anak beliau telah cedera dan seorang daripada pengawal peribadinya terbunuh. Israel bertanggungjawab di atas serangan itu kerana menghalang Ismail Haneyyah kembali ke semenanjung Gaza setelah melakukan lawatan rasmi ke Mesir. Tindakan itu adalah melampau kerana Ismail Haneyyah adalah Perdana Menteri yang telah dipilih melalui proses pilihan raya yang demokratik.

Israel yang disokong oleh Amerika juga memaksa Ismail Haneyyah meninggalkan wang bantuan sebanyak RM130 juta di Mesir. Alasan mereka adalah tidak munasabah iaitu bimbang wang itu akan digunakan untuk tujuan keganasan. Oleh itu kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi

OIC perlulah bertindak segera mencari jalan penyelesaian termasuk mendesak PBB supaya mengambil langkah menyelesaikan masalah pembekuan akaun bank kerajaan Palestin. Pembekuan ini menyebabkan kerajaan Palestin gagal berfungsi kerana tidak mampu membayar gaji kakitangannya.

Kesemuanya adalah perancangan Zionis dan konco-konconya untuk melumpuhkan dan seterusnya menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat. Tindakan itu juga tidak berperi kemanusiaan kerana ia menghalang kebebasan antarabangsa untuk memberi bantuan kemanusiaan terhadap negara Palestin yang sedang kebuluran, kekurangan makanan dan ubat-ubatan.

Kerajaan Malaysia yang menjadi Pengerusi OIC juga perlu memainkan peranan aktif untuk mendamaikan kedua-dua pihak yang bertelagah iaitu Hamas dan Fatah supaya bersatu demi perjuangan mewujudkan sebuah kerajaan Palestin yang berdaulat. Fatah dan Hamas perlu di bawa ke meja perundingan untuk mengelakkan berlakunya perang saudara. Saya mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) daripada Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pada hari Isnin 18 Disember, 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Namun pendapat saya adalah ia satu-satu perkara yang tidak perlu disegerakan memandangkan saya berpandangan perbahasan haruslah ditangguhkan dahulu, memberi peluang kepada cabang eksekutif pemerintahan menanganinya dengan sepenuh kebijaksanaan, cabang eksekutif kerana saya mengkhawatiri ianya juga boleh menimbulkan kesulitan-kesulitan luar jangka kepada mereka dan mungkin tidak membantu usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh mereka dan oleh pihak-pihak lain di peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2). Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007****Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[18 Disember 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Dengan hormatnya saya meminta wakil Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Betul Yang Berhormat. Memang betul giliran Yang Berhormat. Silakan.

11.42 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor dan Yang Berhormat Senator Dato' Seri Empiang Jabu yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sepanjang perbahasaan ke atas Bajet 2007. Izinkanlah saya menjawabnya mengikut isu-isu.... Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menjawabnya mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor berkaitan dengan pembukaan tanah baru untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Bagi kelapa sawit, pertumbuhan dalam keluasan tanaman bagi tempoh lima tahun. Bermula tahun 2000 hingga 2005 adalah 4% dan dijangka mencapai 4.2 juta hektar pada akhir tahun 2006. Pertambahan ini adalah berikutan pembukaan kawasan baru terutamanya di Sabah dan Sarawak. Bagi tanaman getah pula dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2000 sehingga tahun 2005 keluasan menurun pada purata 3% dan dianggarkan berada pada paras 1.2 juta hektar pada akhir tahun 2006. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menjangkakan pertumbuhan yang kecil dari segi keluasan kawasan kelapa sawit manakala keluasan kawasan getah terus berada pada tahap sedia ada disebabkan dengan tanah terhad, persaingan dari aktiviti pertanian selain daripada komoditi dan pembangunan kawasan penempatan seperti perumahan yang baru. Namun begitu KPPK akan terus berusaha

meningkatkan produktiviti sektor komoditi melalui pelaksanaan program-program yang telah pun dirancang bagi meningkatkan pengeluaran serta daya saing sektor komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu telah menggesa supaya syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit milik Malaysia di Indonesia yang terlibat dalam pembakaran terbuka supaya diambil tindakan atau didakwa oleh pihak berkuasa Indonesia. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga akhir tahun 2006 terdapat 19 buah syarikat perladangan milik Malaysia beroperasi di Indonesia. Untuk mengatasi masalah jerebu, kerajaan Indonesia mengambil langkah-langkah berikut. Mengadakan kempen-kempen bagi mencegah pembakaran terbuka dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi seperti Wilayah Riau dan Kalimantan Barat. Di samping itu kempen pembakaran sifar atau pembakaran terkawal dilakukan di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Perhutanan, Kementerian Pertanian, angkatan tentera, polis dan pihak berkuasa tempatan. Penguatkuasaan melalui tindakan undang-undang akan dikenakan kepada syarikat yang terlibat dengan pembakaran terbuka. Syarikat-syarikat milik Malaysia tidak terkecuali dari tindakan penguatkuasaan ini. Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pun ada memberi peringatan kepada syarikat-syarikat Malaysia di Indonesia supaya yang dikatakan mereka mesti mematuhi undang-undang Republik Indonesia apabila beroperasi di sana.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini ingin saya menegaskan bahawa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah mengambil maklum akan segala pandangan serta saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian serta agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

11.46 pagi

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian aktif dalam perbahasaan pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai peranan dan fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di dalam perbahasaan mereka.

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta mengajukan soalan ialah Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Dato' Musa

bin Haji Sheikh Fadzir. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap bidang tugas kementerian saya. Soalan-soalan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah penting kerana ia melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang merangkumi isu kawalan harga barang-barang dan penguatkuasaan. Isu gores dan menang dan pemberian lesen di bawah *Petroleum Development Act* (PDA). Pertamanya saya ingin menyentuh isu berkenaan kawalan harga barang dan langkah-langkah penguatkuasaan. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi misi utama kementerian untuk melindungi kepentingan pengguna. Oleh yang demikian kementerian dari masa ke semasa mengambil langkah-langkah perlu untuk mengawal kenaikan harga barangan terutamanya barang-barang kawalan.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan melaksanakan kawalan harga melalui dua acara iaitu secara pentadbiran dan melalui kuat kuasa undang-undang secara pentadbiran yang melibatkan 12 jenis barang di mana enam daripadanya adalah barang-barang makanan. Iaitu gula, tepung gandum, susu pekat manis, roti, ayam dan minyak masak. Mekanisme kawalan yang dijalankan adalah di mana kementerian mendapatkan kerjasama pengusaha dan pengeluar supaya menetapkan harga barang-barang berkenaan pada paras yang bersesuaian dengan mengambil kira kos pengeluaran serta margin keuntungan kepada pengeluar, pemborong dan peruncit. Sebarang permohonan untuk menaikkan harga akan diteliti oleh kementerian sebelum diluluskan.

Kawalan harga juga dijalankan melalui kuat kuasa undang-undang terutamanya terhadap barangan terpilih semasa musim perayaan. Sepanjang tempoh musim perayaan Hari Raya Puasa dan Deepavali yang lepas, sejumlah 114,378 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara di mana sebanyak 739 kes direkodkan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu terdapat juga barang-barang lain yang harganya tidak dikawal secara langsung oleh kerajaan di mana turun naik harga akan ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran. Namun demikian, dengan aspirasi dan rasa tanggungjawab, kerajaan Barisan Nasional untuk terus menjaga dan melindungi kepentingan rakyat, kementerian telah dan akan terus mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan harga barangan berada pada tahap yang tidak membebankan rakyat. Sehubungan dengan itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menangani kenaikan harga barangan adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian secara tegas dan berterusan menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga, Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit 1993. Melalui perintah ini penjual runcit diwajibkan mempamerkan tanda harga pada barang-barang jualan untuk membolehkan pengguna membuat

perbandingan harga serta mengesan sebarang perubahan harga yang berlaku; dan

- (ii) Kementerian juga memantau harga 255 jenis barang keperluan harian di 63 pusat kutipan harga dan senarai 130 makanan dan minuman sedia masak meliputi restoran masakan Melayu, Cina dan India setiap minggu. Siasatan lanjut dijalankan sekiranya terdapat kenaikan harga tanpa justifikasi yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kementerian tidak memilih sama ada pesalah adalah peniaga kecil ataupun syarikat korporat besar. Kesalahan yang dilakukan ditangani secara saksama tanpa mengira kecil, besar perniagaan. Kementerian juga menjalankan pemeriksaan secara pro aktif iaitu berasaskan kepada reaksi daripada orang ramai terhadap sesuatu permasalahan yang timbul.

Pemeriksaan menyeluruh dilakukan untuk memastikan peniaga mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 3 Disember 2006, sebanyak 710,667 pemeriksaan telah dijalankan di kawasan bandar, 271,158 pemeriksaan di luar bandar, 13,957 pemeriksaan di kawasan estet, 20,352 pemeriksaan di kawasan FELDA, FELCRA dan 3,764 pemeriksaan di kawasan kampung baru.

Melalui pemeriksaan tersebut, sebanyak 12,880 tindakan kes telah diambil di bawah 9 akta sedia ada yang membabitkan nilai sitaan sebanyak RM137.47 juta dan nilai kompaun sebanyak RM3.31 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah denda yang dikenakan oleh mahkamah sebanyak RM364,278. Bagi pemeriksaan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 sahaja, sejumlah 3,953 kes telah direkodkan dengan nilai rampasan sebanyak RM6,049,601 dan nilai kompaun sebanyak RM454,860. Ini menggambarkan bahawa kementerian telah menjalankan usaha secara bersungguh-sungguh dalam mengawal kenaikan harga barang dan membanteras kesalahan-kesalahan lain di bawah bidang kuasa kementerian demi menjaga kebajikan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik berkenaan dengan kawalan harga barangan di kedai serbaneka di stesen-stesen minyak. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian membuat pemantauan dari masa ke semasa terhadap kenaikan harga barangan termasuk di kedai serbaneka di stesen-stesen minyak.

Ini bagi memastikan para peniaga tidak meletakkan harga barangan yang tidak munasabah. Kementerian setakat ini tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga barangan di kedai serbaneka di stesen-stesen minyak. Namun begitu, kementerian sedia menyiasat dakwaan tersebut dan akan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan dan peraturan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk menasihati para pengguna supaya bijak memilih kedai yang menjual barang pada harga yang berpatutan. Kita ada kuasa untuk memilih dari mana kita boleh barang itu. Jadi kita perlu menggunakan kuasa ini untuk menentukan supaya harga tidak naik sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir mengenai penguatkuasaan membanteras kegiatan cetak rompak di Lembah Klang. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian menjalankan penguatkuasaan membanteras cetak rompak di seluruh negara termasuk Lembah Klang.

Selain daripada operasi-operasi rutin dan mengejut, OPS Statik yang dimulakan sejak 15 Jun 2006 tahun ini adalah merupakan salah satu tindakan di mana pegawai-pegawai penguat kuasa di tempatkan di premis-premis yang berpotensi menjalankan perniagaan menjual dan mengedar bahan-bahan cetak rompak terutama CD, VCD, DVD dan program komputer. Tindakan ini merupakan salah satu cara dalam usaha membanteras dan membendung kegiatan cetak rompak secara terbuka dan berleluasa. Melalui operasi ini, Kementerian berjaya mengenal pasti pusat-pusat utama penjualan dan pengedaran cetak rompak *hotspot* dengan izin di seluruh negara termasuk di Lembah Klang.

Beberapa gedung membeli belah dan plaza telah menjadi sasaran utama operasi ini dan tindakan sitaan terhadap bahan-bahan cetak rompak telah dilakukan secara serta merta untuk mengelakkan para peniaga bahan cetak rompak kembali semula ke premis tersebut. Seramai lima orang pegawai penguat kuasa diletakkan di setiap premis mengikut syif setiap hari dari pukul 10 pagi hingga 11 malam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Jun hingga Oktober 2006, Kementerian telah melumpuhkan 27 premis perniagaan cetak rompak di Kuala Lumpur termasuk di Sungei Wang Plaza, Berjaya Times Square dan Plaza Low Yat. Kementerian mendapati operasi ini memberi impak positif kepada beberapa premis untuk menukar penjualan cakera optik cetak rompak kepada penjualan cakera optik tulen. Berdasarkan reputasi yang ditunjukkan, Kementerian membuat penambahbaikan terhadap penguatkuasaan OPS Statik melalui OPS Hilang. Operasi ini dilaksanakan di pusat membeli belah atau kawasan *hotspot* di Lembah Klang bermula 1 Disember 2006. Ia merupakan satu komitmen Kementerian untuk membasmi cetak rompak secara berterusan di mana ia turut disertai oleh cawangan Kuala Lumpur dan cawangan Selangor.

Bagi tempoh 1 April 1999 hingga 10 Disember 2006, Kementerian telah bertindak tegas melalui 64,731 pemeriksaan dan serbuan di sekitar Lembah Klang dengan nilai sitaan sebanyak RM192.77 juta. Dan jumlah tangkapan sebanyak 100,570 orang kerana pelbagai kesalahan berkaitan cakera optik cetak rompak di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Cakera Optik 2000.

Kejayaan yang dicapai ini adalah hasil daripada kesungguhan pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian menjalankan tugas. Namun begitu, kejayaan operasi membanteras ini juga bergantung kepada kerjasama orang ramai di dalam memberi maklumat berkaitan dengan cetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu gores dan menang.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi menyebut tentang orang ramai juga perlu memainkan peranan dan pengguna juga mesti bijak menggunakan kuasa mereka. Saya ingin membangkitkan soal sistem penyampaian maklumat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini. Satu contoh ialah mengenai dengan Tribunal Pengguna. Sekarang ini saya dapati seolah-olah Tribunal Pengguna ini macam senyap, dan saya tidak tahu apa jadi. Dan kebanyakan orang ramai masih tidak mengetahui sebenarnya tentang Tribunal Pengguna ini sebab tidak banyak maklumat yang diberikan.

Jadi saya ingin tahu sama ada Tribunal Pengguna ini wujud di hanya beberapa negeri ataupun di tempat-tempat tertentu sahaja untuk memudahkan orang ramai mengetahui supaya dapat menggunakan kemudahan Tribunal Pengguna ini.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya semakin lama Tribunal Pengguna menjadi lebih berguna kepada pengguna. Suatu masa dahulu saya berjumpa dengan hakim-hakim yang mengendalikan mengatakan pergi sampai ke Kelantan ada dua tiga kes. Sekarang pergi ke Kelantan tiap-tiap hari ada 20 kes. Maknanya orang ramai sedar tentang pentingnya tribunal dan juga menggunakan tribunal untuk mendapatkan ganti rugi daripada peniaga-peniaga yang telah memberi barang-barang yang tidak bermutu dan lain-lain.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2006 hingga 15 Disember 2006, sebanyak 7,298 kes telah difailkan. Jenis tuntutan yang difailkan adalah barangan iaitu sebanyak 3,898 kes dan perkhidmatan iaitu sebanyak 3,400 kes. Bagi tuisyen, kadang-kadang ada yang berjanji hendak bagi tuisyen tetapi dia tidak datang, duitnya sudah diambil. Kita pergi ke tribunal minta supaya dibayar balik dan ini dilakukan. Tuntutan yang selesai berjumlah 5,983 kes dapat diselesaikan oleh tribunal bagi tahun ini sahaja dan sebanyak 2,230 tuntutan telah di *awarkan*, 2,637 tuntutan ditarik balik, 724 diselesaikan melalui perundingan dan sebanyak 342 tuntutan ditolak. Kawasan yang paling banyak menerima kes ialah Kuala Lumpur iaitu sebanyak 2,423 tuntutan dan kita ada tribunal di tiap-tiap negeri dan orang ramai boleh menggunakan *service* dengan membayar hanya RM25. Kalau kita pergi ke peguam misalnya, kita perlu membayar barangkali RM500 hingga RM1,000 untuk satu kes, maknanya kita kena tipu RM300 hingga RM400. Di sini tribunal memainkan peranan yang penting dan tiap-tiap tahun kes yang dapat diselesaikan adalah sebanyak lebih daripada 80%.

Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada tribunal yang begitu aktif dalam negara kita. Saya juga meminta Ahli-ahli Yang Berhormat

apabila berhujah di hadapan kalangan orang ramai memberitahu tentang pentingnya tribunal dan bagaimana mereka boleh menggunakan tribunal untuk mendapat balik apa-apa ganti rugi yang mereka fikir perlu diberikan kepada mereka tetapi mereka hanya boleh membawa kes di bawah RM25,000. Jika lebih daripada itu mereka perlu pergi ke mahkamah biasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu gores dan menang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan tidak akan berdiam diri sehingga aktiviti ini dibanteras.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 14 Disember 2006, Kementerian telah menerima 157 aduan berhubung taktik jualan berbentuk gores dan menang yang dijalankan oleh syarikat jualan langsung berlesen dan syarikat jualan langsung tanpa lesen di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 55 kes telah diambil tindakan dengan nilai sitaan sebanyak RM1,927,832 dan nilai kompaun sebanyak RM79,000.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian akan terus mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang mengamalkan taktik gores dan menang di bawah peruntukan Akta Jualan Langsung 1993 dan juga di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Di samping itu, pengguna juga boleh membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia untuk mendapatkan balik kerugian wang akibat penipuan taktik gores dan menang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mengenai pembatalan lesen PDA7 oleh Kementerian.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya ingin bertanya satu soalan tentang kuasa Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Dalam Negeri, pertamanya boleh mengambil tindakan untuk cetak rompak, tentang gores dan menang. Tetapi adakah Kementerian sendiri mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kepada iklan-iklan di televisyen swasta khususnya yang mana tidak mendapat kelulusan daripada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian dan juga filem-filem yang ditayangkan tidak mendapat kelulusan daripada Lembaga Perfileman. Adakah Kementerian mempunyai kuasa sebab ini juga dibenarkan filem dan iklan-iklan haram. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, filem-filem tidak di bawah kuasa Kementerian saya. Tetapi apa sahaja berkaitan dengan pengguna, kalau pengguna menghadapi masalah kerana sesuatu iklan dan lain-lain kita boleh mengambil tindakan dengan kerjasama Kementerian yang berkenaan. Satu perkara lagi ialah iklan-iklan berkaitan dengan perubatan dan sebagainya yang mengatakan, "minum ini kita boleh menjadi sejahtera selama-lamanya."

Tetapi apabila mereka memohon kepada Kementerian Kesihatan misalnya untuk mendapatkan kelulusan untuk sesuatu ubat untuk dijual, Kementerian Kesihatan akan menyiasat.

Kalau ia tidak memberi masalah kepada orang ramai, ia lulus, tetapi apabila dia mengiklankan dia mengatakan ada kelulusan Kementerian Kesihatan dan mengatakan, "Ini boleh menyembuhkan beberapa penyakit dan sebagainya". Saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan juga akan menggubal undang-undang baru supaya mengawasi iklan-iklan seperti ini yang boleh mengelirukan orang ramai.

Kementerian juga memerhati perkara ini dan apabila ada aduan-aduan kita akan menyasat tentang cara-cara mereka mengiklankan. Kita juga boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang yang sedia ada. Apabila seseorang itu menyebut sesuatu benda itu dan benda itu adalah untuk perkara yang berkenaan, kalau dia menyalahafsirkan kita boleh mengambil tindakan di atas undang-undang yang sedia ada dan mereka boleh didenda sebanyak RM100,000 ataupun kalau korporat boleh didenda sebanyak RM250,000 kerana memberi maklumat yang salah kepada orang ramai. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat tadi telah mengatakan jualan berbentuk gores dan menang nampaknya masih berleluasa. Berapakah syarikat yang telah diambil tindakan dan apakah jenis tindakan yang telah diambil bersabit dengan kesalahan ini. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sebut tadi, kita telah mengambil tindakan sebanyak 55 kes dan nilai rampasan adalah lebih RM1.9 juta dan nilai kompaun adalah sebanyak RM79,000. Maknanya kita akan terus mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan. Di sini ada 55 yang terlibat. Syarikat jualan langsung ada lebih daripada 500 syarikat dalam negara. Kebanyakan jualan berbentuk gores dan menang ini dilakukan oleh syarikat-syarikat yang tidak berdaftar. Kita juga ada program-program bagi orang ramai supaya mereka jangan percaya kepada jualan berbentuk gores dan menang ini, tetapi malangnya, orang mahu mendapat hadiah, mahu cepat kaya, mereka terus hendak melabur.

Kita ada beratus-beratus program di seluruh negara. Bagi tahun hadapan juga kita telah menubuhkan Rakan Pengguna di tiap-tiap kawasan Parlimen dan kita akan mengadakan lebih banyak program supaya pengguna menjadi bijak sehingga pengguna-pengguna boleh menolak perkara-perkara seperti ini. Memang susah untuk mengawalinya. Seperti kes Swiss cash yang baru-baru ini dilaporkan di surat khabar. Kita cari di Switzerland tidak ada syarikat yang berdaftar di Switzerland seperti itu. Cuma ada satu *website*, dia *online banking* sampai ke negara yang *third world country*, dengan izin, tidak tahu yang mana satu. Apabila *website* itu hilang, segala pelaburan akan hilang bersamanya. Sebab dia tidak berdaftar di Malaysia. Jadi orang ramai mesti berhati-hati dan berjaga-jaga supaya tidak ditipu oleh kumpulan-kumpulan seperti ini di mana mereka begitu pandai untuk mencari jalan bagaimana boleh menipu pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mengenai pembatalan lesen PDA7 oleh kementerian. Memang benar bahawa kementerian telah membatalkan lesen PDA7 pada Disember 2005.

Langkah ini diambil bertujuan untuk membendung kes-kes penyelewengan diesel bersubsidi yang melibatkan pemegang-pemegang lesen PDA7 tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pemegang lesen PDA7 adalah merupakan pembekal kepada stesen-stesen mini yang memegang lesen PDA1.

Walaupun kerajaan telah membatalkan lesen PDA7, stesen-stesen mini yang memegang lesen PDA1 di bawah kendalian PDA7 tersebut masih boleh meneruskan perniagaan mereka. Kerajaan memberi kelonggaran kepada stesen-stesen minyak mini yang memegang lesen PDA1 untuk terus menjadi pengusaha stesen minyak dengan dua pilihan, sama ada kekal sebagai stesen minyak mini tanpa jenama dan tidak di naik taraf di mana bahan petroleum iaitu petrol dan diesel dibekalkan oleh Petronas. Sehingga November 2006 terdapat 276 stesen minyak mini di dalam kategori ini atau menaik taraf menjadi stesen minyak *full flash* dengan izin dan berjenama di mana stesen minyak tersebut telah di naik taraf dari stesen mini kepada stesen berjenama dengan mengguna pakai logo syarikat-syarikat minyak seperti Caltex, Esso, BP, Pro-Jet atau Petronas.

Bahan petroleum dibekalkan oleh syarikat-syarikat minyak tersebut. Sehingga November 2006, sebanyak 104 stesen minyak mini telah dinaiktarafkan dan sebahagian besar lagi sedang dalam proses di naik taraf. Sehubungan dengan itu adalah tidak benar mengatakan bahawa peluang lesen PDA1 hanya diberikan kepada syarikat-syarikat besar kerana stesen-stesen mini juga diberi pilihan untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui penaikan taraf stesen minyak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh bidang tugas kementerian. Pihak kementerian mengambil maklum dan pandangan-pandangan yang diberikan dan sentiasa bersedia menangani semua isu yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menjawab.

12.12 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan rasa terima kasih tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi dengan penuh keprihatinan terhadap masalah rakyat bangun menyatakan pandangan, teguran, rintihan, makluman, kritikan, sindiran dan pujian dalam perbahasan Bajet 2007 peringkat dasar di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Dewan yang mulia ini.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang penting lalu menyentuh secara mendalam isu-isu luar bandar dan wilayah meliputi hal ehwal

Orang Asli, prasarana, utiliti, kemudahan sosial, Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah, RISDA dan KEMAS.

Institusi KEMAS telah menarik perhatian Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn khususnya mengenai Taska KEMAS dan jawatan penyelia KEMAS. Kementerian ini melalui KEMAS sentiasa berusaha ke arah meningkatkan mutu pembelajaran dan perkhidmatan Taska KEMAS seperti mana taska di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu KEMAS telah menghantar guru-guru Taska KEMAS untuk mengikuti kursus asas taska selama tiga minggu di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat. Taska Kemas juga telah menggunakan modul asas asuhan kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mengenai saranan Yang Berhormat untuk mengkaji semula gaji dan jawatan penyelia KEMAS, kementerian ini dari masa ke semasa akan mengkaji perkara berkenaan dan bersedia untuk memperakukan keperluan untuk perjawatan dan pelarasan gaji tertakluk kepada keputusan pihak JPA.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin turut membangkitkan isu mengenai perebutan anak murid di antara Tabika KEMAS dan prasekolah. Kementerian berpandangan bahawa kemungkinan kes yang berlaku merupakan kes yang terencil dan kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perpaduan supaya tidak berlaku pertindihan tabika di kawasan yang sama kerana matlamat tabika KEMAS dan prasekolah adalah sama bagi membantu murid-murid yang membuat persediaan awal sebelum memasuki alam persekolahan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah bidang wilayah dan kawasan, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib telah memberi pandangan tentang usaha bagi membantu peningkatan pendapatan pekebun kecil getah supaya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan yang dipertanggungjawabkan di bawah RISDA. Kementerian melalui RISDA akan terus berusaha untuk melaksanakan pelbagai program selaras dengan matlamat kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% pada tahun 2010.

Mengikut banci pekebun kecil tahun 2002, terdapat 26.3% pekebun kecil masih berada di bawah kategori miskin tegar dan 35.6% lagi di bawah kategori miskin. RISDA telah menetapkan sasaran di bawah perancangan strategik pekebun kecil 2001 - 2010 agar pekebun kecil memperoleh pendapat sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2010 yang sekali gus akan membantu usaha kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan.

Mengenai penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di negeri Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap, kementerian ini akan meneruskan rancangan penubuhan Lembaga Pembangunan Wilayah Sabah seperti mana yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan Negeri

Sabah. Justeru itu Kerajaan Persekutuan berharap supaya Kerajaan Negeri Sabah dapat mengkaji semula penolakan cadangan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah supaya melalui penubuhan wilayah yang baru ini dapat membangunkan lagi pertumbuhan ekonomi dan sosial yang lebih seimbang di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin ada menyentuh mengenai usaha kementerian ini untuk membangunkan projek pembangunan Pulau Banggi di bawah program Peningkatan Masyarakat Setempat (PMS) sebagai projek berimpak besar. Kementerian berharap agar projek tersebut akan dapat memajukan Pulau Banggi dan menjadi contoh kepada pembangunan projek-projek lain.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perancangan strategik Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu membangkitkan jurang sosioekonomi antara masyarakat luar bandar dan bandar dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya di negeri Sarawak. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa usaha bagi merapatkan jurang sosioekonomi di antara masyarakat luar bandar dan bandar akan terus dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dengan memberi tumpuan kepada kawasan dan negeri-negeri yang masih kurang membangun seperti Sabah dan Sarawak. Antara perancangan dan strategik yang akan dilaksanakan ialah;

- (i) untuk memastikan bahawa semua kemudahan prasarana, utiliti dan amnesti sosial luar bandar akan terus dilaksanakan
- (ii) meneruskan pelaksanaan program-program pembangunan modal insan dan sosial seperti latihan kemahiran, latihan jangka pendek, latihan pengurusan, kepimpinan institusi, pendidikan prasekolah dan celik komputer;
- (iii) mempergiatkan usaha membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar melalui program peningkatan penempatan, latihan kemahiran dan kerjaya, penempatan semula dan penyediaan rumah yang sempurna;
- (iv) memastikan supaya pengurusan projek-projek pembangunan pertanian, pekebun kecil getah dan kelapa sawit di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan; dan
- (v) memperkenalkan serta memperluaskan program ICT Desa bagi mempertingkatkan akses masyarakat luar bandar kepada penggunaan teknologi maklumat.

Di bawah skop prasarana, utiliti dan kemudahan sosial, Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap telah menyarankan agar lebih banyak program infrastruktur seperti jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan projek jalan kampung di Sabah dan Sarawak dilaksanakan bagi merapatkan jurang pembangunan wilayah.

1220)

Kementerian ini sentiasa bersedia untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur, khususnya di negeri Sabah, tertakluk kepada senarai keutamaan kerajaan negeri dan jumlah peruntukan yang diluluskan kepada kementerian. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, daripada sejumlah RM10.914 bilion peruntukan yang diluluskan, sebanyak RM6 bilion adalah diperuntukkan bagi projek pembangunan infrastruktur. Daripada jumlah tersebut, negeri Sabah mendapat peruntukan tertinggi iaitu RM527.25 juta bagi pelaksanaan 77 projek jalan kampung dan jalan luar bandar sepanjang 603 kilometer. Dengan pelaksanaan projek tersebut, di harap keseimbangan pembangunan antara wilayah dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang meminta agar kemudahan bagi kawasan luar bandar Sarawak dipertingkatkan. Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan kemudahan-kemudahan awam yang lebih pesat, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak agar setanding dengan kemudahan-kemudahan awam yang dinikmati oleh rakyat Malaysia di Semenanjung. Kementerian ini telah menyediakan peruntukan kemudahan awam yang lebih besar di negeri Sabah dan Sarawak, berbanding dengan negeri-negeri lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, negeri Sarawak akan diperuntukkan kemudahan awam berjumlah RM1.425 bilion yang terdiri daripada projek jalan kampung - RM220 juta, jalan luar bandar - RM329 juta, bekalan air luar bandar - RM395 juta, bekalan elektrik luar bandar RM427 juta dan program *immunity social* - RM52.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada skop yang paling menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu hal ehwal Orang Asli. Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim, Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membahaskan secara mendalam isu berhubung masyarakat Orang Asli.

Dari segi pertanian, khususnya tanaman getah sehingga ini, kementerian melalui JHEOA telah membangunkan sebanyak 54 buah ladang getah di kawasan penempatan Orang Asli di merata negeri dengan hasil purata tahunan sebanyak 1,002 kg. per hektar. Namun demikian, pendapatan hasil tanaman getah yang diterima oleh masyarakat Orang Asli dikatakan tidak setimpal kerana dipengaruhi oleh harga getah yang turun naik mengikut kadar semasa dan JHEOA tidak mempunyai dasar agihan dividen kepada pesertanya sebelum ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar agihan dividen tersebut baru sahaja diluluskan dan akan mula dilaksanakan pada tahun 2007 ini dengan tujuan untuk memastikan setiap peserta ladang mendapat dividen sebanyak minimum RM400 sebulan. Masyarakat Orang Asli telah diberi peluang untuk menyertai pelbagai projek pembangunan komersial, khususnya dalam bidang pertanian bagi menambah bilangan Orang Asli yang berjaya. Sehingga kini, sejumlah 167 buah ladang dengan keluasan 24,104 hektar telah berjaya dibangunkan dengan

tanaman getah dan kelapa sawit iaitu 117 buah ladang oleh RISDA dan 50 buah ladang lagi oleh FELCRA.

Sehingga kini, sejumlah 96 daripada ladang-ladang tersebut telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,656 orang peserta masyarakat Asli. Selain itu, peserta juga berpeluang untuk bekerja sebagai buruh ladang, sebagai mandur dan pengawal keselamatan dengan mendapat sebanyak RM400 hingga RM600 sebulan. Masyarakat Orang Asli juga diberi peluang untuk menjadi kontraktor atau subkontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang, penyelenggaraan dan penuaian hasil.

Ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai pemberian hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli yang tertakluk kepada:

- (i) garis panduan Kerajaan Persekutuan di bawah Fasal 7(1) Akta Orang Asli 1954 (Akta 134);
- (ii) dasar dan garis panduan kerajaan negeri, Pekeliling 61999 oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Melaka telah mempunyai garis panduan pemberian hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli.

Isu tentang pembahagian tanah saka yang tidak sama rata dibangkitkan. Kementerian memang sedar tentang masalah ini iaitu pembahagian tanah saka adalah tidak sama rata dan perbezaan luas tanah saka telah menimbulkan rasa tidak puas hati sesama Orang Asli dalam pemilikan tanah dalam kawasan yang sedia ada.

Pada masa yang sama, kementerian melalui JHEOA telah mengambil inisiatif untuk menyediakan draf memorandum dasar pemberimilikan tanah kepada Orang Asli yang telah dibincangkan beberapa kali di peringkat kementerian dan telah dibawa ke Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA), Kementerian sekarang ini sedang menunggu keputusan daripada beberapa kerajaan negeri dan jika dipersetujui oleh semua kerajaan-kerajaan negeri, pihak kementerian akan membawa untuk kelulusan Kabinet.

Cadangan ini mengandungi cadangan yang akan tertakluk kepada kelulusan Kabinet untuk setiap keluarga Orang Asli mendapat pemilikan tanah seluas 8.5 ekar seorang iaitu 6 ekar untuk ladang, 2 ekar untuk dusun dan $\frac{1}{2}$ ekar untuk tapak rumah. Dengan pelaksanaan dasar dan garis panduan pemilikan hak milik tanah kepada Orang Asli telah diharapkan ia akan memudahkan pentadbir tanah daerah memproses permohonan tanah daripada Orang Asli. JHEOA juga telah membuka ruang dan penerokaan kepada koperasi Orang Asli dalam pelbagai projek, seperti projek membekalkan alat tulis, pakaian kanak-kanak, tabika, baja, racun, peralatan komputer, peralatan bekalan air dan sebagainya.

Selain itu, kementerian juga telah memberi kontrak kepada Koperasi Orang Asli Selangor bagi membina dan menyiapkan rumah miskin tegar bagi penyediaan tapak bangunan Pusat Kraf dan Budaya Orang Asli di Kampung Sungai Bumbung, Pulau Carey. Manakala projek membina

dan menyiapkan bangunan pusat kraf diserahkan kepada kontraktor Orang Asli. Kementerian ini akan mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk terus membantu koperasi-koperasi Orang Asli yang aktif dan berkelayakan serta berkemampuan untuk diberi kontrak-kontrak yang sesuai. Kementerian melalui JHEOA telah melatih masyarakat Orang Asli, bukan sahaja terhad kepada ahli-ahli koperasi malahan kepada semua masyarakat Orang Asli yang berminat.

Berkaitan dengan cadangan pemberian geran kepada masyarakat Orang Asli bagi melaksanakan projek kemasyarakatan, perkara tersebut tidak dapat dipertimbangkan buat masa sekarang kerana perlu mendapat kelulusan dan mematuhi tata cara prosedur perolehan tertentu. Isu mengenai kekurangan kakitangan teknikal telah dapat diatasi memandangkan semua projek-projek teknikal di bawah JHEOA dilaksanakan bersama unit teknikal kementerian dan sebahagian besar projek-projek teknikal ini dijalankan melalui agensi-agensi seperti JKR, JPS, KESEDAR, di mana agensi-agensi tersebut mempunyai kepakaran dan unit teknikal bagi melaksanakan projek-projek teknikal JHEOA.

Berhubung dengan projek untuk menyediakan ruang niaga bagi masyarakat Orang Asli menjual barang-barang terpakai, ianya telah dilaksanakan di Rengit, Johor, sekarang dalam proses kerja-kerja ukur, penyediaan tapak dan pembinaan benteng penahan hakisan. JHEOA sentiasa merancang serta mengambil langkah bagi meningkat pembangunan masyarakat Orang Asli dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan modal insan, penyediaan bantuan dan kemudahan pendidikan di peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah dan peringkat *tertiary*, kursus pembangunan minda serta latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama kementerian dan agensi seperti KEMAS, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Giat MARA, Akademi Binaan Malaysia dan lain-lain. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan anak-anak Orang Asli yang berilmu, berpengetahuan, berjati diri, mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diperlukan oleh sektor awam, swasta dan sebagai asas persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan. Kementerian ini yakin melalui usaha-usaha serta komitmen yang berterusan, anak-anak Orang Asli bukan sahaja akan berpeluang memberi perkhidmatan di sektor awam seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan agensi-agensi lain tetapi juga mampu menyambung segala ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi kepada pelbagai sektor perkhidmatan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [Bangun]

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma hendak penjelasan kalau berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat memang ternyata banyak sekali yang dibuat untuk Orang Asli ini. Tetapi dengan jumlah Orang Asli yang tidak begitu ramai, kenapa kadar kemiskinan itu tetap tinggi dan kadar keciciran di kalangan pelajar

anak-anak Orang Asli ini masih tinggi juga. Kenapa sebenarnya? Banyak sudah dibuat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada pertanyaan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu ada dalam muka seterusnya, saya akan sampai ke situ nanti.

Tentang pandangan yang menyatakan sejak penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 55 tahun yang dahulu, sepatutnya tahap kehidupan dan ekonomi masyarakat Orang Asli telah meningkat. Kementerian memohon kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat tentang hakikat disebabkan pola penempatan masyarakat Orang Asli yang sebahagian besar daripada mereka tinggal di kampung yang terpencil, di kawasan pedalaman dan pinggir pekan kecil di seluruh negara, maka usaha untuk membangunkan sebuah kawasan penempatan melibatkan peruntukan kewangan yang amat besar.

Justeru itu program pembangunan, khususnya projek untuk meningkatkan pendapatan bagi membasmi kemiskinan perlu dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesesuaian dan keutamaan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada usaha pembasmian kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli yang tidak dapat dicapai secara menyeluruh dalam jangka masa yang singkat.

Di samping itu, sikap kumpulan sasar yang agak lembap untuk menerima perubahan dan idea-idea baru mempunyai jati diri yang rendah, perasaan malu dan rendah diri juga merupakan elemen-elemen penghalang kepada proses kemajuan diri, keluarga dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kerajaan melalui JHEOA dan jabatan-jabatan setiap agensi-agensi yang berkaitan akan dan sedang melipat gandakan usaha-usaha pembangunan untuk membebaskan masyarakat Orang Asli daripada belenggu kemiskinan. Kementerian melalui JHEOA telah menyediakan peruntukan bantuan pendidikan di bawah belanja mengurus sebanyak RM11.206 juta bagi tahun 2005, sebanyak RM8.7 juta bagi 2006 dan RM10.961 juta bagi tahun 2007. Di samping itu, bagi meningkatkan minat anak-anak Orang Asli ke sekolah, kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah menyediakan satu pelan tindakan pembangunan masyarakat Orang Asli di kawasan pinggir bagi tempoh 2003 ke 2007 dengan peruntukan sebanyak RM6.171 juta iaitu RM1.233 juta setahun.

Melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli setakat ini, kementerian belum lagi bercadang untuk memberi biasiswa kepada anak-anak Orang Asli bermula dari tingkatan satu kerana JHEOA telah pun memberi bantuan-bantuan pendidikan melalui Skim Bantuan Galakan Pendidikan yang sedia ada berkuat kuasa pada 1 Januari 1999. Antara jenis bantuan yang diberikan setiap hari adalah pakaian seragam, tambang pengangkutan, yuran sekolah, alat tulis, makanan waktu pagi dan tengah hari bagi pelajar dari kawasan pedalaman, keperluan diri dan juga biasiswa bagi universiti pengajian tinggi awam.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah pendidikan masyarakat Orang Asli khususnya dalam bidang pendidikan. Oleh itu, peruntukan tambahan sebanyak RM10.96 juta pada tahun 2007 diberi berbanding cuma RM8.77 juta bagi tahun 2006 dengan kenaikan hampir RM2 juta. Mengenai masalah kelewatan pembayaran kepada pengusaha pengangkutan bagi anak-anak masyarakat Orang Asli ke sekolah, mulai tahun 2007 masalah tersebut kita harapkan dapat diatasi memandangkan peruntukan yang disediakan adalah mencukupi bagi membiayai kos pengangkutan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2006, kos pengangkutan sahaja berjumlah RM6 juta dan peruntukan keseluruhannya adalah RM8.7 juta.

Oleh sebab yang demikian, terdapat kelewatan pembayaran pada tahun ini.

Pada masa ini, kementerian tidak bercadang untuk menambah peruntukan yang sedia ada bagi anak-anak Orang Asli yang bersekolah. Walau bagaimanapun, kementerian melalui JHEOA telah mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya dapat membantu anak-anak Orang Asli melalui pemberian bantuan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Mengenai cadangan untuk mengadakan perkongsian pintar, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dari masa ke semasa akan terus mencari peluang dalam usaha perkongsian pintar bagi memajukan masyarakat Orang Asli. Ini ada banyak kesan positif yang boleh diperolehi sebagai contoh, satu perkongsian pintar dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diwujudkan dalam melatih belia Orang Asli dalam projek tanaman secara fertigasi dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk membangunkan Pusat Kraf Mah Meri di Pulau Carey, Selangor telah terbukti berjaya.

Jumlah peruntukan yang telah diberi kepada masyarakat Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan dan Kesembilan adalah berjumlah:

▪ Rancangan Malaysia Ketujuh	-	RM52.29 juta
▪ Rancangan Malaysia Kelapan	-	RM337.77 juta
▪ Rancangan Malaysia Kesembilan	-	RM362.6 juta

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan yang diberi merangkumi tiga program iaitu:

▪ Program Penempatan Tersusun	-	RM152.73 juta
▪ Program Pembangunan Ekonomi	-	RM92.88 juta
▪ Program Pembangunan Sosial	-	RM92.17 juta

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM274.34 juta telah dibelanjakan untuk tujuan pembangunan masyarakat Orang Asli. Semua program yang dilaksanakan tidak diagihkan secara tunai kepada masyarakat Orang Asli, sebaliknya masyarakat diberi bantuan seperti bantuan ruang niaga dan peralatan perniagaan untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka. Program latihan, kursus dan kemahiran juga turut diberikan kepada

masyarakat dan belia Orang Asli bagi melengkapkan mereka dengan ilmu kemahiran. Di bawah Program Penempatan Tersusun, pembangunan di jalankan secara menyeluruh meliputi bantuan rumah, pembinaan jalan kampung, kemudahan elektrik dan air. Dalam melaksanakan Program Pembangunan Ladang Komersial, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah melibatkan golongan Orang Asli sebagai peserta dan pembangunan ladang tersebut juga telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli setempat.

Program-program untuk masyarakat Orang Asli ini telah dapat menampakkan hasil dan keberkesannya walaupun secara perlahan-lahan daripada tahun-tahun yang sebelumnya. Hingga kini, penempatan masyarakat Orang Asli lebih tersusun dan dilengkapi kemudahan asas. Sehingga kini, 167 buah ladang telah dibangunkan. Daripada jumlah itu, 96 buah ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi manfaat kepada 6,656 peserta. Justeru itu, program-program pembangunan masyarakat Orang Asli akan diteruskan, dipergiatkan dan kelemahan dari segi merancang dan pelaksanaan program tersebut akan diperbaiki sesuai dengan keutamaan yang diberi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, di hujung bicara saya ingin menyatakan rasa penghargaan yang sangat tinggi pada semua kata-kata yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan yang menyentuh kementerian saya. Saya telah cuba menjawabnya sebaik mungkin. Kalau ada yang tertinggal nanti, saya akan jawab secara bertulis. Hujung bicara, marilah kita semua menaruh harapan agar semua kawasan di luar bandar akan terus maju, menarik, cantik, indah, permai, menguntungkan, damai, sejahtera, bersih, membahagiakan dan menyeronokkan seluruh rakyat Malaysia bak kata puitis,

*“Bumi di pijak langit dijunjung;
damai sejahtera rakyat di kampung;
harapan mereka tinggi menggunung;
kepada pemimpin mereka bergantung;
penduduk luar bandar amat beruntung;
kemajuan seimbang akan berlangsung;
maruah dan martabat bangsa kita pertarung;
Kerajaan Barisan Nasional tetap disanjung.”*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang begitu terperinci. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjawab.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Rang undang-

undang Perbekalan 2007 kali ini. Kementerian sememangnya telah merangka dasar dan perancangan strategik ke arah memantapkan lagi usaha-usaha bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera. Penetapan dasar ini telah dirangka semenjak pembentukan dasar wawasan negara 2001 hingga 2010 di mana dasar keusahawanan digubal berlandaskan pemahaman yang mendalam tentang keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh negara serta tindakan yang perlu dilaksanakan.

Dasar tersebut juga mencerminkan aspirasi negara dan ianya selaras dengan matlamat Misi Nasional untuk mewujudkan MPPB yang mapan dan berdaya saing dalam semua bidang ekonomi. Untuk mencapai hasrat tersebut, kementerian telah pun menetapkan berikut:

- (i) membudayakan 1.5 juta masyarakat bumiputera dengan tumpuan kepada golongan pelajar, belia, siswazah dan wanita;
- (ii) melahirkan 150,000 usahawan baru;
- (iii) memantapkan 25,000 *enterprise* yang sedia ada;
- (iv) membangunkan 75,000 sumber manusia profesional; dan
- (v) memantapkan keupayaan 600 koperasi yang sedia ada dan mewujudkan 800 koperasi baru.

Sebagaimana saranan Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Kementerian MECD sentiasa mengkaji keberkesanan sesuatu dasar yang telah dirangka sebelum membuat penambahbaikan ataupun pengubahsuaian bagi memantapkan keberkesanan dasar tersebut. Segala idea dan pandangan daripada pelbagai pihak tentunya diambil kira dalam merumuskan kejituan sesuatu dasar tersebut. Proses ini semestinya dilaksanakan bagi memastikan usahawan bumiputera yang kita pupuk bukan sahaja berdaya tahan malah boleh menerajui sesebuah subsektor ekonomi semasa. Dalam usaha membangunkan usahawan, kementerian juga memperkenalkan konsep payung dalam industri perabot di mana *Guthrie Furniture Sdn. Bhd.* merupakan *anchor*. Walau bagaimanapun, kementerian sedar konsep payung di bawah bimbingan *Guthrie* tidak mencapai matlamat sepenuhnya kerana masalah mendapatkan pasaran dan sistem pengurusan perniagaan.

Sehubungan dengan itu, kementerian sedang mengambil langkah untuk memantapkan pembangunan usahawan dalam industri perabot menerusi konsep payung tersebut serta membuka peluang baru kepada usahawan-usahawan perabot termasuklah penglibatan mereka untuk membekalkan perabot-perabot kepada semua institusi-institusi di bawah MARA mahupun di lain-lain kementerian.

Kementerian sehingga kini telah merangka pelbagai program yang meliputi pelbagai pendekatan seperti pembudayaan keusahawanan, peluang perniagaan, khidmat sokongan dan bantuan, pembangunan modal insan, pemilikan aset oleh bumiputera. Program ini dirangka bukan sahaja di harap dapat mewujudkan lebih ramai usahawan bumiputera, malah dapat

memastikan usahawan yang dilahirkan benar-benar berkualiti dan mampu menerokai pasaran yang lebih luas termasuk pasaran antarabangsa.

Sebagai contoh, pelaksanaan program dasar tamat penyertaan atau *exit policy* dilakukan bagi memastikan lebih ramai usahawan bumiputera dilahirkan dan mampu berdikari. Manakala program *groom big* yang dilaksanakan oleh kementerian dengan kerjasama agensi teknikal telah dapat membantu usahawan bumiputera memperbaiki perniagaan dan produknya bagi menembusi pasaran yang lebih baik khususnya pasaran global.

Selain itu kementerian juga menggalakkan usahawan bumiputera terus menceburi sektor-sektor pertumbuhan baru dan strategik yang telah dikenal pasti selaras dengan hasrat kementerian untuk memastikan usahawan bumiputera tidak ketinggalan dan dapat bersaing dengan usahawan bukan bumiputera. Dengan pendekatan strategik dan pelan tindakan yang telah diatur tersebut, adalah dijangka dapat meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera ke arah pencapaian 30% ekuiti bumiputera dalam sektor korporat sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap. Ke arah itu antara langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah meningkatkan penguasaan ekuiti aset bumiputera dalam bidang perumahan, hartanah dan peluang-peluang perniagaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas pandangan yang telah diberikan kepada kementerian saya. Akan kita beri kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam usaha untuk meningkatkan bilangan usahawan termasuk usahawan pemborong beras bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa peka dan menyokong apa jua program ke arah mewujudkan dan meningkatkan bilangan usahawan dalam pelbagai bidang. Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor tentang pewujudan usahawan taska sememangnya kita berusaha membangunkan usahawan tadika dan taska ini melalui PNS di Unit Francais.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae telah membangkitkan isu mengenai kemudahan pinjaman kepada usahawan kecil. Sememangnya kementerian telah pun mewujudkan pelbagai skim pinjaman sehingga ke peringkat mikro melalui MARA, TEKUN, SME bukan sahaja di setiap kawasan Parlimen bahkan di setiap daerah di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, usahawan-usahawan yang ingin mendapat pembiayaan tersebut perlulah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam perniagaan yang mereka ceburi serta berkeupayaan membayar balik pinjaman. Namun begitu, kedua-dua syarat ini bukanlah halangan bagi usahawan bumiputera mendapatkan kemudahan pembiayaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2006 sahaja, seramai 51,384 usahawan telah pun mendapat kemudahan pembiayaan di bawah TEKUN, MARA dan juga SME.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawī, bagi memastikan kelancaran program industri halal kementerian telah pun melaksanakan pelbagai program secara bersepadu dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensī teknikal bagi mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya maju dan berdaya saing. Antaranya melibatkan program *groom big* di mana keutamaan diberi ke arah peningkatan kualiti produk yang melibatkan aspek halal.

Menerusi program ini juga syarikat atau usahawan bumiputera yang terpilih akan diserap ke program *fast track* halal bagi mendapatkan sijil halal daripada Jabatan Agama Negeri. Sehingga kini seramai 212 usahawan telah pun menyertai program ini dan jumlah tersebut seramai 46 usahawan telah pun memperoleh sijil halal.

Berkaitan dengan keprihatinan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor, tentang usaha membanyakkan lagi koperasi bagi membantu golongan ibu tunggal, suka saya memaklumkan bahawa kementerian melalui program pembudayaan keusahawanan koperasi telah pun menggerakkan penubuhan koperasi baru dan memantapkan koperasi sedia ada termasuklah koperasi yang dianggotai oleh ibu tunggal. Sehingga 30 Jun 2006, sejumlah 93 buah koperasi wanita yang anggotanya terdiri daripada golongan status termasuk golongan ibu tunggal telah didaftarkan dengan jumlah anggota seramai 22,728 orang dengan jumlah aset terkumpul sebanyak RM27.4 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini hanya dua buah koperasi keseluruhan anggotanya terdiri daripada ibu tunggal. Satu, Koperasi Ibu Tunggal Barat Daya Pulau Pinang Berhad dengan keanggotaan seramai 137 orang dan jumlah asetnya ialah RM24,518. Koperasi Ummu Wahidah Terengganu dengan keanggotaan seramai 182 orang dan jumlah aset ialah RM3,640. Kementerian juga melaksanakan pembangunan latihan dan pendidikan dalam pengurusan koperasi kepada ahli-ahli lembaga pengarah koperasi termasuklah koperasi yang dimiliki oleh Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu, di antara program latihan dan pendidikan tersebut merangkumi kursus, seminar, bengkel, urus tadbir koperasi, klinik-klinik akaun, pengukuhan dan promosi yang dilaksanakan oleh JPK atau Jabatan Pembangunan Koperasi juga Maktab Kerjasama dan Institusi Keusahawanan Negara (INSKEN). Selain itu, pemantauan dan pengawal seliaan juga dilakukan melalui pemeriksaan audit secara berkala bertujuan mengurangkan risiko pengurusan kewangan yang lemah di kalangan koperasi-koperasi termasuklah Koperasi Orang-orang Asli.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim, supaya Giat Mara memberi tumpuan kepada kumpulan sasar tertentu seperti mat rempit agar diberi latihan dalam bidang kemahiran, suka saya memaklumkan bahawa kumpulan sasar Pusat Giat Mara ketika ini ialah lepasan sekolah dan golongan belia yang berhasrat menceburi bidang kerjaya keusahawanan berasaskan kemahiran. Lebih daripada 28 program kemahiran ditawarkan oleh Pusat Giat Mara. di antaranya ialah Elektronik Industri, Mekanik Kenderaan Motor, Membaiki

Motosikal, Mengetuk dan Mengecat Kenderaan, Penyejuk Beku, Penyaman Udara, Teknologi Percetakan, dan Penyelenggaraan Industri.

Justeru para lepasan sekolah dan golongan belia termasuk golongan yang diistilahkan mat rempit boleh juga memohon untuk mengikuti program kemahiran ini dan di sini saya menyeru kepada semua ahli Yang Berhormat mana-mana Giat Mara yang ada di tetapi masing-masing boleh berunding dengan pengurus Giat Mara untuk menentukan apa jenis kursus yang hendak dilakukan. Maknanya kalau kita sebut mat rempit mungkin mereka hanya boleh menunggang motor tapi mereka tak pandai membaiki motor dan ini boleh dianjurkan dan disyorkan supaya Yang Berhormat turut berkempen dan bekerjasama dengan kementerian.

Begitu juga dengan wanita. Hari ini ramai mempersoalkan mereka ramai menganggur dan tidak ada pekerjaan. Wanita juga boleh berurusan atau berbincang dengan pengurus Giat Mara, apakah bidang sesuai yang mereka kehendaki? Umpamanya dengan fesyen baju, jahit sulam, jahit manik dan sebagainya. Kesemua ini boleh dirunding dengan Giat Mara yang ada di setiap daerah setakat ini.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Pohon laluan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah dapat hadir untuk menceritakan tentang begini berjaya saya nampak dari segi koperasi dan juga dari segi pendidikan kepada belia. Jadi adakah pihak kementerian juga mempunyai satu buku ataupun tempat rujukan yang boleh kita buat semakan sekiranya kita memerlukan kepakaran. Sebagai contohnya misalnya kalau Majlis Peguam itu dia ada buku Majlis Peguam kita akan lihat berapa peguam berapa nama siapa yang kepakarannya. Jadi untuk IKBN dan semua Pusat Giat Mara ini graduan-graduan yang telah pun lepas adakah kita mempunyai satu buku macam mana rujukan yang kita buat rujukan. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sudah semestilah kementerian menyediakan *directory-directory* ini dan saya harap Yang Berhormat bolehlah berkunjung ke kementerian kita ataupun berkunjung mana-mana pusat Mara yang ada di daerah-daerah untuk melihat kita punya program, keperluan yang dikehendaki. Dan kita juga mempunyai *website* tertentu yang boleh dilayarkan oleh Yang Berhormat.

Menyentuh tentang isu pengangkutan awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah Omar kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam bagi membantu pengusaha pengangkutan bas awam dan teksi membiayai pembelian kenderaan baru menggantikan kenderaan dan meningkatkan kualiti kenderaan. Pinjaman tersebut disalurkan melalui SME Bank dengan peruntukan permulaan sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan. Program ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Mengenai isu penggunaan meter di kalangan pengusaha teksi di Pulau Pinang, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah kementerian telah pun menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan pengusaha, pemandu teksi mematuhi arahan penggunaan meter. Setakat ini sebanyak 32 unit lesen teksi Pulau Pinang telah dibatalkan sejak mula dikuatkuasakan pada Ogos 2006 yang lalu. Dan semalam dalam akhbar telah pun kita keluarkan akhbar Utusan Melayu 18 Disember kita sudah keluar sudah senarai teksi-teksi yang membawa masalah teksi dan yang akan diambil tindakan dan sebagainya. Sebab kita terpaksa menjalankan tindakan yang drastik kerana kita memikirkan tahun depan ialah Tahun Melawat Malaysia. Sama-samalah kita membaiki dan kita harap semua pengguna termasuk Yang Berhormat hendaklah sama-sama kita melaporkan kepada kementerian kerana kita memandangkan hal ini amat serius yang susah hendak kita bendung permasalahan yang kita sedang hadapi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Lulusan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dr. Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan pengangkutan awam ini dua hari lepas Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas Sekolah memohon kenaikan tambang 20%. Alasan mereka bukan lagi kerana kenaikan harga minyak tetapi kerana kenaikan premium insurans. Sebelum ini awal tahun ini mereka sudah naik antara tiga hingga lima ringgit sekarang hendak naik lagi untuk semester akan datang ini. Dan alasan mereka lagi ialah kerana dia kata kadar kemalangan jalan raya melibatkan bas sekolah ini amat kurang. Sedangkan baru-baru ini kita melihat berlaku kes ada pelajar sekolah anak murid mati dalam bas sebab bila orang semua sudah turun bas sudah *parking*, *driver* ingatkan semua sudah turun tetapi ada seorang yang tertidur dalam bas dan mati. Jadi saya ingin tahu apakah kementerian akan beri pertimbangan kepada permohonan mereka ini iaitu untuk menaikkan 20% ini.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya betullah kata Yang Berhormat bahawa

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua saya hendak soal yang sama saya hendak tambah sedikit sahaja boleh?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat terima kasih jawapan tadi. Tentang teksi Pulau Pinang ini bagi sayalah tindakan yang diambil untuk membatalkan permit, untuk beri amaran saya ingat tidak akan selesaikan masalah. Apa tidak salahnya kalau kementerian sendiri turun padang berjumpa dengan pemilik teksi ini selesaikan masalah. Sebab mereka ini juga rakyat biasa, orang kita. Misalannya saya hendak bagi syarikat-syarikat ataupun

GLC misalan MAS. Kerajaan kata MAS terpaksa naikkan harga kerana mengalami kerugian. Begitu juga pemilik teksi mereka ada masalah. Macam tadi rakan saya kata insurans naik, minyak naik banyak barang sudah naik. Mungkin harga yang diletakkan oleh kementerian sudah tidak logik lagi dan apa kata salahnya turun bincang mereka ini daripada ambil tindakan batalkan permit. Saya ingat ini akan memberikan masalah baru kepada kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akui bahawa Yang Berhormat tadi bercakap kita telah pun naikkan tambang bas pada tahun sudah. Dan kita biasanya kita buat kajian setiap lima tahun. Dan kita melihat bahawa setiap kenaikan ini mestilah selaras dengan keupayaan dan kualiti *servicesnya*. Jadi kalau kita hendak naik dengan bas dengan berkeadaan yang masih seperti cara lama, dengan buruk, dengan berhabuk, dan tidak jaga kualiti *aircond* tidak ada sudah tentulah. Ini semua diambil kira dan kita sedang meneliti melihat bagaimana harus kita timbang balik atau tidak sebab kita sedar akan permasalahan yang dihadapi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tadi. Kita sedar kalau kita buat tindakan drastik macam ini, tarik lesen dan sebagainya dia akan menggugat keusahawanan ataupun kita punya usahawan. Kita hendak bantu usahawan tetapi apa yang berlaku bila kita bantu usahawan mereka tidak mematuhi setiap arahan yang kita buat. Kita suruh guna meter dia tidak guna meter, dia caj kita berlebih-lebihan. Macam Yang Berhormat sendiri bangkitkan dari mana ke pergi *airport* berlebihan. Dan ini semua menjadikan permasalahan besar kepada kerajaan walaupun kita telah mengadakan berbagai-bagai motivasi, kursus dan sebagainya, amaran dan sebagainya ia tetap berlaku.

Kita sedar faktor kemanusiaan kita ini memang susah hendak kita atasi. Walau bagaimanapun Yang Berhormat sebab itulah kerajaan melihat kita kena tengok kepada *big player*. Sekarang kita dengar kalau kita cakap kita hendak bagi kepada pengusaha yang besar yang *giant*, yang berupaya membeli bas baru, yang boleh menjalankan perniagaan lebih kemas dan cantik. Tetapi kita akan ketinggalan dengan usahawan-usahawan, pemandu-pemandu teksi dan sebagainya. Sebab itu kita rasa sudah sampai masanya kita meningkatkan kualiti perkhidmatan awam ini dengan mengadakan bas-bas yang canggih monorel dan sebagainya supaya semua orang boleh mengguna kenderaan. Dari satu segi kita akan menggagalkan usahawan sektor pengangkutan. Walau bagaimana pun segala pandangan Yang Berhormat kita ambil kira, kita sentiasa berbincang kerana di kementerian LPKP lah merupakan agensi yang bersidang setiap minggu untuk menaikkan taraf kualiti. Dan bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia kerajaan memperuntukkan sudah RM200 juta untuk kita ganti syarikat-syarikat membeli, membuat pinjaman dari SME Bank untuk membeli kenderaan-kenderaan baru. Jadi Yang Berhormat kalau Yang Berhormat mampu bolehlah masuk syarikat ini masuk untuk cuba dalam syarikat pengangkutan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ucap tahniah kepada kementerian Yang Berhormat yang mana kita dengar tadi telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk sesiapa yang berminat untuk membeli teksi baru dan sebagainya. Saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat adakah kementerian sedar bahawa di laluan utama yang mana kehadiran untuk pelancong Tahun Melawat Malaysia 2007 iaitu di lapangan terbang KLIA Sepang bahawa masih terdapat lagi ulat-ulat teksi ini. Sekarang untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua mereka berpakaian *full suit* untuk mengambil pelanggan-pelanggan. Mereka berdiri sama-sama menyambut kedatangan dan mereka mempelawa pengunjung-pengunjung ataupun pelancong-pelancong untuk menaiki teksi mereka.

Persoalannya saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah harga teksi mereka lebih murah, lebih berpatutan sehingga pelancong-pelancong tidak melalui sistem kupon teksi? Dan adakah pihak kementerian memantau perkara ini sebab perkara ini kita ada bercakap berkali-kali dalam Dewan dan masih lagi terdapat ulat-ulat teksi ini menunggu pelancong-pelancong kita. Kita tidak mahu Tahun Melawat 2007 ini ada masalah-masalah yang dihadapi oleh pelancong-pelancong dengan adanya ulat-ulat teksi di hadapan untuk menyambut tetamu-tetamu kita di lapangan terbang KLIA Sepang. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat cakap fasal ulat-ulat ini saya pun didatangi oleh ulat-ulat, dia tidak sedar saya menjaga di kementerian dan boleh mengambil tindakan daripada ulat-ulat. Jadi ulat-ulat ini memang menyamar berbagai cara. Jadi sebenarnya kita ada sediakan sistem kupon yang mana sepatutnya pelancong datang pergi ke kaunter kupon ambil dan dia tidaklah dikenakan penipuan yang begitu rupa. Yang Berhormat saya sudah katakan tadi bila kita bercakap fasal faktor kemanusiaan memang semua orang perlu serius, semua orang kena bersama bekerjasama. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat itu baik dan kami memang berusaha keras.

Dan kita telah pun melantik pegawai penguatkuasaan untuk duduk di tempat-tempat strategik dan tempat-tempat sibuk macam ini bagi memastikan ulat-ulat itu tidak berlaku lagi. Dan Yang Berhormat sendiri pun bila didapati perkara macam ini Yang Berhormat lapor atau telefon sendiri pada kita. Kita akan pasti perkara-perkara ini tidak akan berlaku.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua satu lagi perkara selain daripada ulat-ulat ini saya rasa pemandu teksilah. Ini saya bercakap ini dari segi kita hendak jaga imej pelancongan kita. Pemandu teksi yang *official* ini pun terutamanya di kawasan KLCC sebab saya mengalami perkara itu banyak kali dia orang tidak hendak menggunakan meter *reader*. Dia kira bila kita hendak pergi daripada KLCC ke Bukit Bintang tempat hotel saya tinggal itu dia kira okey RM30, RM35. Saya kata fasal apa tidak pakai meter, dia kata kalau meter kira memang kami tidak ambillah sebab kawasan sesak, ada alasan sahaja.

So saya kata apa guna meter? So kadang-kadang itu saya beritahu saya ini Senator. Senator pun hendak buat macam mana. *[Ketawa]* Jadi makna dia sampai tahap begitu.

Ini saya hendak persoalkan ialah pegawai penguat kuasa itu. Jadi maknanya kalau kita ada peraturan, kita ada pegawai penguat kuasa tetapi keadaan-keadaan yang macam itu macam itu juga makna dia baik kita tidak payah pakai lesen pun kita pakai prebet sapu semua, pakai ulat semualah. Jadi saya rasa dari segi inilah kementerian mesti mengambil berat dari segi *enforcement* kepada peraturan undang-undang itu. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita sedar bahawa kita kena tambah berlipat ganda pegawai penguatkuasaan ini kerana kita sedar saya tidak tahu macam mana hendak buat. Sebab itu bila kita dedah dalam surat khabar dia kata kita zalim, tidak ambil tindakan ini yang berlaku. Tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat pihak kementerian mementingkan pengguna daripada usahawan teksi. Kalau usahawan teksi rasa tidak mampu untuk dia menjalankan teksi dia memandu teksi sebagai usahawan dan dia akan berlaku macam ini kita minta dia lebih baik berilah kepada orang yang lebih berupaya. Sebab kita kerajaan memang mengutamakan pengguna daripada usahawan. Walaupun kalau mereka buat untung sedikit dia rasakan dia boleh cari bidang lain. Sebab itu kita galakkan *big player* ataupun pemandu mengadakan kenderaan-kenderaan awam yang lebih berdaya maju untuk membantu sistem pengangkutan kita meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berapa lama lagi masa Yang Berhormat perlu?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ada lagi *last paragraph*, terima kasih. Sebagai langkah meningkat kebajikan pengusaha-pengusaha teksi dan pengguna kementerian pada tahun 2005 telah pun menjalankan kajian kadar tambang dan telah memperkenalkan kadar tambang baru bagi teksi bermeter di tiga kawasan bandar raya iaitu Lembah Kelang, Johor Bahru, Pulau Pinang. Keberkesanan kadar tambang bermeter bagi teksi ini sedang dipantau secara menyeluruh oleh kementerian dari semasa ke semasa. Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan saranan membina kepada perkara-perkara yang berkaitan di bawah kementerian. Saya telah cuba menjawab kesemuanya namun sekiranya ada perkara yang tidak sempat dijawab kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat masa telah pun cukup dan saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

Dewan ditangguhkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Giliran Kementerian Pengajian Tinggi. Yang Berhormat agak ambil masa berapa lama?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Agaknya, kalau tak ada gangguan, cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Pada saya, permohonan atas sebab-sebab perikemanusiaan itu, sila.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pengajian tinggi. Beberapa isu, cadangan dan saranan yang bernas yang menyentuh kepentingan pengajian tinggi telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian ini akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap kesemua isu dan cadangan yang berkenaan.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan dalam masa yang terhad ini untuk memberi maklum balas kepada isu, cadangan dan saranan yang dibangkitkan terutamanya kepada perkara-perkara yang khusus. Isu yang tidak sempat saya jelaskan, akan tetap diambil perhatian dan tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu hubungan etnik telah pun dibangkit dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Marimuthu, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah bt. Omar.

Adalah dimaklumkan bahawa kementerian telah dan akan menyediakan pelan tindakan iaitu dengan memperkenalkan kursus-kursus yang memberi pendedahan kepada peradaban dan nilai-nilai murni yang menjadi tunjang kepada perpaduan. Kursus-kursus yang dimaksudkan itu adalah seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia ataupun TITAS di IPTA dan Pengajian Malaysia, Pendidikan Moral dan Pengajian Bahasa di IPTS telah pun diperkenalkan.

Bagi mencapai objektif perpaduan negara, kementerian juga telah memperkenalkan subjek hubungan etnik di IPTA. Modul khusus ini mengandungi perkara-perkara yang akan dapat memperlengkapkan para pelajar IPTA mengenai kepelbagaian kaum dan isu-isu berkaitan dengan etnik di Malaysia. Ini menjurus kepada usaha menyemai semangat untuk hidup dalam suasana harmonis antara kumpulan etnik yang sedia ada di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, modul ini telah disediakan dan disunting oleh pakar rujuk dalam bidang sejarah dan peradaban negara agar ia tidak menyentuh perkara-perkara sensitif setiap kaum serta mengelak daripada timbulnya kekeliruan dan salah faham. Tajuk-tajuk utama dalam modul hubungan etnik yang selaras dengan aspirasi perpaduan kaum adalah seperti berikut:-

- (i) Konsep-konsep asas hubungan etnik;
- (ii) *Plurality* dan masyarakat *plural* di Malaysia, dulu, kini dan masa hadapan;
- (iii) Perlembagaan Malaysia dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (iv) Pembangunan ekonomi dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (v) Perkembangan politik dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (vi) Hubungan etnik ke arah masyarakat berintegrasi;
- (vii) Cabaran terhadap hubungan etnik di Malaysia dan secara global; dan
- (viii) Islam hadhari serta hubungan etnik.

Kementerian ini seperti kementerian-kementerian yang lain akan sentiasa mengambil perhatian terhadap dasar perpaduan negara dalam menyediakan dan melaksanakan Program Pembangunan Pengajian Tinggi. Selain program-program berbentuk perpaduan, kementerian turut menggalakkan IPT melaksanakan aktiviti yang boleh meningkatkan sensitiviti terhadap kepelbagaian kaum di Malaysia. Perkara ini telah diterapkan sejak minggu haluan siswa melalui aktiviti-aktiviti berikut:-

- (i) Taklimat kenegaraan dan ikrar setia para pelajar;
- (ii) ayangan sejarah rukun negara;
- (iii) latihan dinamik kumpulan ataupun *group dynamics* dengan izin, iaitu sesi perkenalan dan komunikasi berkesan; dan
- (iv) program gotong-royong atau khidmat masyarakat.

Program sensitiviti kaum ini turut dijalankan sepanjang tahun di setiap IPT melalui penubuhan Kelab Wawasan serta Kelab Perpaduan Negara yang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kursus asas kenegaraan bersama Biro Tata Negara, persembahan kebudayaan dan aktiviti kesenian, kem perpaduan, kempen penghayatan Rukun Negara. Penglibatan siswa siswi dalam aktiviti sukan ini bukan sahaja melahirkan badan sihat dan minda cergas, malahan mengeratkan lagi semangat bersepasukan sebagai satu pasukan tanpa mengira kaum dan Kempen Budi Bahasa dan Akhlak Mulia. Kementerian ini akan sentiasa memantau tahap perpaduan yang wujud di IPT dan akan mengambil apa jua langkah dan tindakan untuk memperbaikinya dari semasa ke semasa jika terdapat sebarang kelemahan. Kementerian ini sedar dan yakin bahawa perpaduan negara adalah tunjang kepada pembangunan negara yang sihat dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kemasukan pelajar di IPT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya dan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, saya ingin menjelaskan bahawa kemasukan pelajar ke IPT adalah berdasarkan kepada sistem meritokrasi. Sistem ini menggunakan pemarkahan dari segi penilaian 90% markah akademik

dan 10% markah kokurikulum untuk menentukan merit seseorang calon. Pemohon dibenarkan memilih lapan program pengajian yang disusun mengikut keutamaan semasa mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA. Pemohon juga diminta persetujuan sama ada untuk menerima program pengajian di luar, lapan pilihan yang dipohon. Hanya pemohon yang menyatakan persetujuan akan menerima tawaran di luar pilihan sahaja akan ditawarkan program pengajian yang sesuai dengan pencapaian calon bagi program pengajian yang masih ada tempat kekosongan.

Faktor kejayaan seseorang itu terpilih ke program pengajian yang dipohon bergantung kepada susunan merit program pengajian pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi program pengajian berkaitan. Justeru itu tidak timbul isu pelajar cemerlang yang dinafikan kursus yang dipohon kerana dalam pelaksanaan prinsip meritokrasi pemohon yang layak dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan diberi pertimbangan yang wajar adil dan saksama dalam pemilihan kemasukan ke IPTA tanpa mengira etnik atau jantina pemohon.

Berdasarkan kepada sistem ini seramai 74,967 orang calon yang terdiri daripada seramai 24,957 atau persamaan 62.36% calon Bumiputera dan 12,616 orang persamaan 31.53% kaum Cina, dan 2,443 bersamaan 6.11% calon kaum India telah pun layak dalam pemilihan untuk mengisi 40,016 tempat di IPTA kecuali KUIM, UIAM, UITM dan Fakulti Islam UKM dan UM bagi sesi akademik tahun 2006 dan 2007 ini. Dalam sistem meritokrasi yang diguna pakai ini jumlah calon yang mendapat tawaran ke IPTA bagi sesi akademik tahun 2006 dan 2007 mengikut kaum adalah seperti berikut. Untuk kaum Bumiputera, peratus yang berjaya mencecah 59.46%, kaum Cina 75.99%, kaum India 53.29%. Ini adalah peratusan berjaya.

Daripada jumlah calon yang layak untuk memohon dan jumlah mereka yang ditawarkan tempat di IPTA, perbezaan peratusan tawaran untuk kaum India dengan kaum Bumiputera hanyalah 6.17%. Isu untuk mendapatkan pembiayaan adalah urusan pemohon dengan agensi pembiaya yang mempunyai syarat permohonan dan kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh agensi tersebut dan tidak ada kaitan dengan pengurusan permohonan pemilihan kemasukan ke IPTA. Kementerian sentiasa peka dalam merancang serta melaksanakan pelbagai langkah untuk menjamin kecemerlangan siswa siswi tanpa mengira kaum.

Usaha-usaha yang dimaksudkan itu adalah dasar meritokrasi dalam pengambilan pelajar sejak sesi akademik tahun 2002/2003 yang berasaskan pencapaian dalam bidang akademik dan kokurikulum. Yang keduanya, penawaran kursus berdasarkan pilihan pelajar dalam borang kemasukan pelajar ke IPTA dan sekiranya pencapaian akademik tidak menepati syarat-syarat bagi kursus-kursus yang dipohon, kursus lain yang dirasakan layak dan bersesuaian dengan pencapaian pelajar tersebut akan ditawarkan. Pelajar juga boleh memohon untuk menukar kepada kursus yang lain melalui pentadbiran fakulti atau universiti. Yang ketiga penilaian yang seimbang dalam pembahagian biasiswa berdasarkan kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee berhubung dengan pengambilan pelajar ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, falsafah penubuhan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atau UPNM ialah sebagai sebuah institusi nasional yang terulung yang berperanan khas untuk mengeluarkan pemimpin yang menyerlah dengan keupayaan intelek yang tinggi serta sifat yang terpuji dan komited untuk berbakti sepenuhnya kepada negara dalam menegak dan memperjuangkan kepentingan strategik ini.

Syarat am kemasukan ke UPNM adalah seperti berikut:

- (i) seseorang calon itu hendaklah warganegara Malaysia;
- (ii) lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun SPM atau setaraf dengannya; dan
- (iii) dengan keputusan sekurang-kurangnya gred 4B dalam Bahasa Melayu, gred 4B dalam matematik dan gred 5C dalam Bahasa Inggeris.

Selain daripada itu seseorang calon itu hendaklah juga memenuhi syarat ketenteraan.

- (i) umur lingkungan 17 hingga 20 tahun;
- (ii) ukuran tinggi badan 1.57 meter bagi lelaki dan 1.47 meter untuk perempuan;
- (iii) Ukuran dada 70 sentimeter untuk lelaki, *body max index* 18 hingga 27;
- (iv) taraf perkahwinan bujang;
- (v) kesihatan tidak rabun warna;
- (vi) bagi yang berkaca mata 6/12 keupayaan penglihatan tanpa kaca mata; dan
- (vii) tidak cacat anggota serta diperakui sihat oleh pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu pemilihan pelajar lepasan SPM atau yang setaraf dengannya ke Program Asasi UPNM adalah berdasarkan syarat-syarat am dan syarat-syarat khas program yang ditetapkan oleh universiti berkaitan. Jika pemohon memenuhi kelayakan dan kriteria pemilihan yang ditetapkan, calon berpeluang terpilih untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan oleh UPNM. Peluang pendidikan yang tinggi di universiti terbuka kepada semua yang layak tanpa memberi keutamaan kepada mana-mana kelompok tertentu. Bagi pelajar yang memohon untuk memasuki IPTA melalui bahagian pengurusan kemasukan pelajar, tetapi tidak ditawarkan ke mana-mana institusi pelajar boleh memohon untuk melanjutkan pelajar di Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Perguruan, Institusi Latihan Perindustrian dan Institusi Kemahiran Belia Negara. Di samping itu IPTS turut menawarkan kursus pengajian di pelbagai peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae mengenai lebih banyak program keusahawanan di kalangan siswa siswi khususnya dalam bidang pertanian dan perniagaan. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian sedang giat menggalakkan IPT terutamanya IPTA, mengorak langkah bagi mengkomersialkan hasil gajiangnya dalam dan di luar negara dalam menjadikan IPT negara ini bertaraf antarabangsa.

Kementerian juga mengambil maklum tentang cadangan memperbanyakkan program keusahawanan di Institusi pengajian tinggi awam tempatan terutamanya dalam bidang pertanian dan perniagaan. Selain menggalakkan universiti menawarkan modul keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif kerajaan juga mempunyai beberapa program akademik yang menjurus kepada disiplin keusahawanan. Siswa siswi juga digalakkan terlibat dengan persatuan yang membantu memberi pendedahan kepada mereka melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan seperti perhubungan industri, kemahiran insaniah, pengurusan kewangan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran perundingan ataupun *negotiation skills* dengan izin, promosi produk dan sebagainya.

Antara usaha serius Kementerian Pengajian Tinggi dalam memastikan program keusahawanan ini dijadikan disiplin utama universiti ialah penubuhan Fakulti Keusahawanan di Universiti Malaysia Kelantan. Di Universiti Malaysia Kelantan, antara *niche areanya* dengan izin ialah bidang keusahawanan dan penubuhan Fakulti Keusahawanan sebagai program awal penubuhannya adalah selari dengan hasrat untuk melahirkan siswazah yang mampu berdikari dan bersaing dengan jayanya dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang dalam proses menyiapkan modul keusahawanan yang bakal menekankan kepada aspek latihan amali sebanyak 60% dan teori sebanyak 40%. Modul ini akan dilaksanakan mengikut peringkat. Peringkat awal akan diperkenalkan kepada semua siswa siswi di IPTA mengikut bidang-bidang tertentu sahaja. Penglibatan dari pihak luar terutamanya dari kalangan usahawan yang berjaya amat diperlukan untuk menjayakan program usahawan yang bakal diperkenalkan di IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pembangunan kurikulum IPTA dan penetapan kualiti pensyarah, didapati bahawa Dewan ini banyak membangkitkan isu kedudukan IPT dalam senarai universiti terbaik di dunia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu ini yang dibangkitkan perlulah dilihat daripada perspektif yang menyeluruh. Perlu diingatkan bahawa kriteria penarafan yang ditetapkan oleh *TIMES Higher Education Supplement*, *World University Ranking*, *News Week Top 100 Global Universities* dan agensi-agensi lain perlulah dianggap sebagai salah satu kaedah untuk menilai kualiti sesuatu IPT tersebut dan bukannya satu-satu kaedah dalam melihat kecemerlangan sesebuah IPT.

Untuk itu bagi menilai kualiti sesebuah IPT, pendekatan yang menyeluruh seperti jumlah siswa-siswi, tenaga akademik, struktur kurikulum dan infrastruktur yang disediakan haruslah

dijadikan kayu pengukur yang lebih realistik. Oleh itu kualiti dan standard IPT tempatan masih lagi di tahap yang boleh dibanggakan dan mampu bersaing dengan IPT luar negara.

Seterusnya beralih kepada isu mengenai kurikulum di IPTA yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan cadangan menetapkan kualiti pensyarah oleh Yang Berhormat Che Puan Seri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya. Kurikulum IPTA digubal oleh Lembaga Pengajian dalam bidang-bidang tertentu yang terdiri daripada ahli akademik, industri dan agensi-agensi kerajaan sebelum ianya diberikan kelulusan oleh Jawatankuasa Pengajian Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi.

Cadangan kurikulum mesti disertakan dengan dokumen lengkap berkaitan permohonan. Salah satu daripadanya ialah menjalankan kajian pasaran yang menyeluruh melibatkan industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Jika hasil kajian mendapat cadangan khusus itu tidak akan menyediakan pekerjaan kepada bakal siswazah, maka ianya tidak akan diluluskan. Ini menunjukkan keprihatinan kementerian dalam menyediakan kurikulum yang memenuhi keperluan pasaran semasa.

Sistem pengajian di IPTA hari ini berdasarkan sistem semester di mana penilaian siswa-siswi akan dibuat pada setiap akhir semester. Penilaian siswa-siswi mesti dilakukan untuk memastikan kualiti siswazah IPTA terjamin. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah bersifat *exam-oriented*, dengan izin, semata-mata kerana selain bidang akademik, siswa-siswi juga diwajibkan mengambil aktiviti kokurikulum seperti penglibatan dalam persatuan, program kebudayaan, sukan dan pasukan beruniform. Kemahiran insaniah ataupun *soft skill*, dengan izin, diterapkan dalam diri siswa-siswi melalui seminar-seminar kerjaya yang bertujuan meningkatkan keyakinan diri siswa siswi dalam menghadapi dunia atau alam kerjaya.

Pencapaian siswa-siswi adalah juga mengambil kira penglibatan mereka dalam menyediakan tesis mengendalikan projek atau penyelidikan aktiviti kokurikulum dan latihan praktikal. Kementerian menggunakan pendekatan pendidikan berasaskan hasil pembelajaran ataupun *learning outcome*, dengan izin, kepada IPT yang memberi keutamaan kepada elemen amali. Pendekatan ini menjadi teras utama dalam membangunkan lapan aspek hasil pembelajaran seperti berikut:

- (i) pengetahuan ilmu bidang;
- (ii) kemahiran praktikal;
- (iii) mempunyai nilai, etika dan profesionalisme;
- (iv) bertanggungjawab sosial;
- (v) menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
- (vi) berkomunikasi secara berkesan dan mempunyai daya kepimpinan;
- (vii) bijak mengurus maklumat ke arah pendidikan sepanjang hayat; dan
- (viii) keusahawanan dan mempunyai kemahiran mengurus.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang mahir supaya dapat menjadi pakar rujuk dan bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara. Beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil bagi mencapai hasrat ini dan antara lain termasuk:

- (i) menggubal dan mengemas kini kurikulum dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan semasa dan jangka panjang dengan melibatkan pihak industri;
- (ii) memantapkan kemudahan dan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran bagi program pengajian kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, perakaunan dan undang-undang;
- (iii) memperkasa aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang seperti bioteknologi supaya universiti dapat menghasilkan ramai penyelidik untuk pembangunan negara;
- (iv) menerapkan ilmu keusahawanan dalam program pengajian;
- (v) memantapkan khusus kemahiran di politeknik dan kolej komuniti di samping memperkenalkan kursus-kursus kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran dan negara;
- (vi) memantapkan lagi program pengajian sepanjang hayat dan kolej komuniti menjadi pusat rujukan; dan
- (vii) meneruskan program latihan praktikal di industri.

Tuan Yang di-Pertua, elemen praktikal sememangnya ditekankan melalui latihan industri yakni penempatan ataupun *attachment*, dengan izin, di syarikat-syarikat swasta dan jabatan kerajaan. Siswa-siswi IPTA kita diwajibkan menjalani latihan industri selama tiga bulan sebelum bergelar sebagai siswazah ataupun graduan. Kementerian telah pun bersetuju untuk melanjutkan tempoh latihan industri dari tiga kepada enam bulan.

Selari dengan usaha kementerian memantapkan kurikulum di semua IPTA, kualiti pensyarah turut diberi penekanan. Pensyarah yang berkhidmat di IPTA perlu memiliki ijazah sarjana dalam bidang berkaitan. Kementerian juga menggalakkan serta menaja pensyarah melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah ataupun Ph.D di samping mengikuti program latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diajar. Selain daripada itu, pensyarah diberi insentif untuk meningkatkan produktiviti melalui penyelidikan dan penerbitan yang mencapai taraf antarabangsa.

Inisiatif untuk melahirkan pensyarah yang terbaik, prolifrik dan produktif tidak terhad di IPTA yang telah lama bertapak malah turut dilaksanakan di IPTA baru. Pensyarah bagi IPTA baru seperti Universiti Malaysia Kelantan akan dilantik di kalangan pensyarah berpengalaman yang telah berkhidmat di lain-lain IPT dan pensyarah-pensyarah lantikan baru yang akan

berganding bahu bersama pensyarah yang lebih kanan, yang lebih *senior*, dengan izin, dalam memantapkan sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pengangguran siswazah ICT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin, ingin saya maklumkan di Dewan ini bahawa pengangguran yang berlaku mempunyai kaitan dengan keterampilan siswazah itu sendiri dari segi kemahiran dan personaliti yang dimiliki. Berasaskan kepada faktor tersebut, kementerian telah menggubal strategi untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Antara strategi dan tindakan yang sedang digubal dan dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:

- (i) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ianya bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga berdasarkan kerangka kelayakan Malaysia mengikut amalan bijak antarabangsa, pengakreditasi, penjaminan kualiti, peningkatan prasarana, dan kemudahan; dan
- (ii) meminta IPT memasukkan elemen-elemen yang menjadi pelengkap ilmu kepada siswa-siswi seperti teknologi maklumat dan keusahawanan supaya pelajar kita mempunyai kemampuan dalam menerokai kerjaya mereka di samping menggugurkan kursus-kursus yang tidak relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

Selain daripada itu pihak kementerian juga mempertingkatkan kerjasama yang telah wujud antara kementerian dengan pihak industri, akademik, profesional, alumni dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan kursus pengajian di IPT dan tenaga kerja di sektor-sektor ekonomi berkenaan. Mereka ini terlibat...

Tuan M. Munusamy: Mohon ganggu, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: Sekejap lagi. Saya akan bagi laluan. Mereka ini terlibat dalam membuat perancangan dan keputusan dengan menganggotai Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Lembaga Akreditasi Negara.

Tuan M. Munusamy: Tadi Yang Berhormat telah menerangkan beberapa kursus baru yang akan dijalankan untuk mengatasi masalah pengangguran. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa jenis kursus-kursus baru yang telah diperkenalkan mengikut trend pasaran?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya belum sempat lagi saya hendak habiskan apa yang hendak dihuraikan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kursus-kursus ataupun modul-modul baru yang diperkenalkan itu saya sudah sebut tadi. Antara lain termasuk *soft skill*, dengan izin ataupun kemahiran insaniah. Inilah satu-satunya yang diberi penekanan sekarang. Selain daripada itu, izinkanlah saya meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain yang penting tanpa meminggirkan bahasa Melayu serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah. Kementerian jangan melaksanakan kursus pengajian *double major* dengan izin ataupun dalam bahasa Malaysia ialah dwi pengkhususan. Melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan kursus pengajian Islam dengan ekonomi, pengurusan perniagaan kewangan dan sumber manusia dengan teknologi maklumat dan sebagainya.

Selain daripada itu, kementerian sedang dan akan menilai semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar industri dan senario pasaran kerja. Tetapi ini pun kita buat secara statik. Selain daripada kursus-kursus yang sedia ada, kita juga mengambil kira rentak pembangunan sesuatu bidang yang khusus umpamanya ICT. Kalaulah mengikut modul semasa, maka ianya perlu dikaji semula dengan lebih kerap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga melaksanakan program latihan industri. Di industri awam atau swasta dalam tempoh tiga hingga empat bulan bagi siswa siswi pada tahun akhir pengajian. Tempoh latihan ini telah dilanjutkan kepada enam bulan sekarang sepertimana diminta oleh pihak industri bagi memantapkan lagi kemahiran siswa siswi kita. Siswa siswi diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan, pengurusan dan budaya kerja dalam sektor industri.

Pihak kementerian juga mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu siswa siswi mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran serta menyokong dan membantu usaha-usaha Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengadakan Skim Sangkutan dan Latihan ataupun SSL. Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan Skim Latihan Graduan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara khususnya melalui Unit Perancang Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang melaksanakan sistem pendaftaran siswazah menganggur untuk tujuan perancangan dan pembangunan.

Dengan langkah-langkah ini Tuan Yang di-Pertua, saya yakin negara akan dapat melahirkan siswazah yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan yang cemerlang, malah mereka juga mempunyai keterampilan serta budaya berfikir secara kritikal dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Ini akan memberikan mereka kelebihan berdaya saing di pasaran pekerjaan.

Berhubung usaha khusus jangka pendek untuk menyelesaikan masalah siswazah ICT yang menganggur, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kementerian telah pun menandatangani memorandum persefahaman dengan Intel Technology Sdn. Bhd. pada 14 November tahun ini. Persefahaman yang dicapai ialah menggalakkan pertukaran maklumat dan isu berkaitan pembangunan modal insan, pengalaman dan pengurusan program pengajian tinggi, penganjuran

bersama aktiviti-aktiviti akademik dan saintifik, bimbingan bagi *staff* akademik dan siswa siswi dalam latihan industri, latihan kemahiran insaniah, kursus teknikal dan latihan sabatikal.

Program penyelidikan dalam bidang *very large skill integration, design, signal integrity, microelectronic packaging, network, processor, wireless computing, microelectronic fabrication, payroll computer architecture, programming* dan *Intel Teach Program* juga disediakan. Kementerian juga sentiasa mengemas kini dan menyemak kurikulum pengajian ICT dari masa ke semasa dengan memastikan input dan pandangan dari pihak industri.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mungkin agak spesifik iaitu berkenaan dengan persediaan kerajaan dalam usaha untuk menjadikan ICT satu bidang yang boleh dipelajari dan bermanfaat kepada graduan selepas mereka tamat. Dalam usaha kerajaan untuk menjadikan negara kita ini sebuah halal hub punya moden dan juga tentang perbankan Islam, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan mana-mana kursus ICT yang menggunakan *software* dalam bahasa Arab untuk memudahkan pasaran kita ke Timur Tengah? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengambil kesempatan di sini kerana saya dapat permohonan disebabkan kematian dalam keluarga Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan meminta supaya giliran beliau dinaikkan. Saya tidak mempunyai kuasa kecuali di bawah dua prinsip iaitu suka sama suka, di mana-mana tukar giliran ataupun usul di bawah 13(1)(n). Jadi saya mengambil pendirian supaya pihak kerajaan kemukakan satu usul dengan ihsan Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya diberi masa sebelum beliau kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk menggulung dan sebagai balasan terhadap ihsan ini, saya harap Yang Berhormat Menteri Penerangan mengehadkan penggulangan di persekitaran 15 minit supaya yang lain 15 minit.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Usul akan datang dan saya minta 'Ahli Barisan Kerajaan' dibentangkan. Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan dan jelaskan jawapan saya, sukalah saya menjawab apa yang dibangkitkan sebentar tadi. Sebenarnya ini merupakan satu-satunya cadangan yang bukan sahaja boleh diambil kira, tetapi boleh juga dilaksanakan. Sebab tadi saya menyebut tentang *double major* dengan izin ataupun dwi pengkhususan. Ada baiknya kalau kita dapat menggabungkan kedua-dua bidang yang ada kaitannya sebab yang pengajian tinggi ini bukanlah sesuatu yang statik seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada jawapan saya. Usaha terkini pihak kementerian adalah kerjasama pihak kementerian dengan *Multimedia Development Corporation* bagi menyediakan latihan lanjut kepada siswazah sebagai kemahiran tambahan dan persiapan awal sebelum mendapat pekerjaan. Selain daripada itu, suka juga saya maklumkan kepada

Dewan yang mulia ini bahawa permuafakatan di antara pihak kementerian dengan Infosys Technologies Limited India juga dapat kita capai baru-baru ini dengan persetujuan untuk menghantar 100 orang siswa siswi daripada pelbagai kaum ke negara India pada bulan Februari tahun depan. Adalah dijangka kursus yang ditawarkan kepada mereka ini adalah selama 16 minggu dan kita yakin penuh bahawa dengan adanya kursus ataupun modul yang sedemikian rupa, ia akan dapat memantapkan lagi daya saing siswazah kita khususnya dari pengajian ICT di IPTA kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya cadangan Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn supaya kementerian memberi lebih peruntukan kepada Universiti Teknologi MARA atau UiTM untuk menangani masalah kekurangan kampus. Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, untuk meningkatkan jumlah pengambilan pelajar UiTM kepada 200,000 orang menjelang tahun 2010 kementerian telah pun menambah peruntukan bagi UiTM untuk membangunkan prasarana yang dapat menampung keperluan dalam peningkatan tersebut.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Wan Omar supaya dibina sebuah universiti bersifat eksklusif untuk melahirkan cendekiawan negara, kementerian telah pun mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti kesemua IPTA. Di samping itu setiap IPTA telah dikenal pasti memiliki *niche area* dengan izin atau bidang teras masing-masing. Pengenalpastian dan penubuhan terhadap teras dapat mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan kemudahan di IPTA terbabit ke arah melahirkan universiti yang eksklusif dan mampu melahirkan cendekiawan negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang saya dapat jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh tentang tugas Kementerian Pengajian Tinggi yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Saya maklum bahawa dalam masa yang terhad ini ada isu-isu yang tidak sempat saya hendak jawab ataupun menghuraikan dengan lebih jelas. Saya mohon maaf dan saya memberi jaminan supaya butiran lanjut akan saya sediakan bila diminta atau bila diperlukan. Dengan demikian bagi mengakhiri kata saya sudahi dengan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada pembangunan pengajian tinggi negara. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

USUL

MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan supaya giliran Kementerian Penerangan yang dijadualkan di nombor 25 dinaikkan kepada nombor 23 menggantikan Kementerian

Kesihatan dalam susunan giliran kementerian menjawab perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan dihadkan masa selama 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Saya menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Kadang-kadang perjalanan Dewan ini susah, kadang-kadang mudah, tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya. Kadang-kadang mudah, kadang-kadang susah. Apa hendak buat, dalam keadaan ini dia jadi susah. Maka saya jemput Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selepas itu Timbalan Menteri Penerangan, 15 minit sebagai balasan kepada ihsan.

3.14 ptg

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil perhatian dalam perbahasaan Bajet 2007 di bawah negara dari 11-14 Disember 2006 serta menyentuh telah perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya terlebih dahulu menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae dan Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap, mengenai pendatang asing tanpa izin yang memiliki *my card* dengan mudah, menikmati status bumiputera dan membolehkan mereka bergerak bebas.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae turut mendakwa ada sindiket di Sabah yang menjual *MyKad* kepada PATI dengan kadar RM1,000 ke atas. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, urusan yang melibatkan pendatang asing di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Manakala penentuan taraf status bumiputera mengenai negeri Sabah termaktub di bawah perkara 161A(6)(B) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukkan ini menyebut bahawa syarat-syarat untuk menjadi Bumiputera di Sabah ialah sebagai warganegara anak atau cucu kepada sesuatu kaum asli Sabah, lahir di Sabah sebelum atau selepas Hari Malaysia atau bapanya pada hari ia lahir itu adalah ber 'komisel' di Sabah. Jika merujuk kepada penentuan ini, menunjukkan pendatang asing di Sabah tidak layak mendapat kemudahan dan keistimewaan sebagai bumiputera. Memandangkan kemudahan tersebut terdapat di negeri Sabah dan di

bawah bidang kuasa negeri maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri itu menjalankan pengawalan supaya kemudahan tersebut tidak jatuh kepada pendatang asing tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan PATI yang memiliki dokumen *MyKad* yang diperoleh daripada sindiket dengan harga RM1,000 ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini pihak kementerian tidak pernah mengeluarkan *MyKad* kepada pendatang asing dan tidak layak memilikinya lebih-lebih lagi menggunakan perkhidmatan sindiket untuk mengedarkan *MyKad* tersebut.

Berdasarkan kepada laporan pengeluaran dokumen di Sabah, memang diakui bahawa pada suatu ketika dahulu memang wujud sindiket pengeluaran dokumen Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secara tidak teratur. Dokumen JPN yang terlibat ialah dokumen berkenaan sementara JPN1/9 dan JPN1/11. Mereka yang melakukan kesalahan telah diambil tindakan undang-undang manakala dokumen tersebut telah dikategorikan sebagai dokumen yang tidak sah.

Oleh kerana masalah tuduhan mengenai penyelewengan *MyKad* yang dikaitkan dengan penjualan *MyKad* ini telah dibangkitkan di Dewan ini, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis atau JPN. Pihak kementerian ini juga berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung sindiket yang menjual *MyKad* dengan harga RM1,000 dan saya berharap agar Ahli Yang Berhormat Senator dapat memberikan maklumat tersebut kepada kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua saya menyentuh pula perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md Nawi yang mencadangkan status perkahwinan dan perceraian dijadikan satu aplikasi di dalam *chip MyKad* supaya mengelakkan kekeliruan. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya setiap warganegara Malaysia yang baru lahir diambil cap jari tangan dan kaki untuk di rekodkan supaya dapat menjadi rujukan kelak.

Untuk maklumat ahli Yang Berhormat cadangan untuk mewujudkan aplikasi status perkahwinan dan perceraian di dalam *chip MyKad* telah pun dikaji oleh pihak JPN dan memang terdapat kebaikan jika aplikasi ini diwujudkan. Walau bagaimanapun idea ini telah mendapat bantahan daripada pelbagai pihak yang menjadikan faktor *privacy* dengan izin sebagai alasan. Maklumat ini tidak dijadikan sebagai salah satu aplikasi. Berhubung penyimpanan rekod perkahwinan dan perceraian, pihak JPN memang telah wujud terutama bagi orang-orang bukan Islam kerana pendaftaran perkahwinan orang-orang bukan Islam di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, bagi orang-orang Islam, penyimpanan rekod perkahwinan dan perceraian adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam. Sehingga sekarang masih belum wujud sistem perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang Islam yang disambung terus atau *online* dengan JPN. Oleh itu masalah penyimpanan maklumat

perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang Islam masih menjadi masalah jika aplikasi ini dicadangkan untuk dilaksanakan.

Mengenai cadangan merekodkan cap jari tangan dan kaki setiap warganegara Malaysia yang baru lahir, ianya sedang dikaji oleh pihak JPN. Kajian ini meliputi aspek teknikal, sistem dan yang paling penting sekali ialah berhubung cap jari tangan atau kaki tersebut mempunyai hak milik atau dengan kata lain ialah setiap cap jari tangan dan kaki mempunyai karakter yang berbeza pada setiap orang. Yang Berhormat Senator turut menyentuh isu penyalut MyKad yang mudah terkopek dan menimbulkan masalah kepada pemegangnya yang terpaksa menukar My Kad tersebut. Pihak kementerian memang menyedari kelemahan kualiti hatta penyalut MyKad. Oleh yang demikian, pihak JPN telah mengkaji dan telah menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti penyalut MyKad. Di peringkat awal ini, pihak JPN mengecualikan bayaran bagi MyKad yang rosak disebabkan penyalut yang tanggal dari kad asalnya semasa permohonan pertukaran dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad yang menyarankan agar Ikatan Relawan Rakyat Malaysia iaitu RELA diberi pengiktirafan sebagai jabatan rasmi di kementerian. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, RELA banyak membantu kerajaan dalam aspek kemasyarakatan dan keselamatan. Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga mempunyai perancangan untuk menjadikan RELA sebagai jabatan rasmi di kementerian. Walau bagaimanapun perbincangan dan pertimbangan sedang dilakukan di peringkat kementerian bagi menghalusi faktor *pro and cons* dengan izin. Jika RELA diiktiraf sebagai jabatan rasmi di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta RELA sedang digubal bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob telah memberi cadangan agar setiap warganegara Malaysia yang memohon jadi ahli RELA perlu menjalani tapisan keselamatan sebelum diterima masuk. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, RELA adalah sebuah agensi yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada sukarelawan dan mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Oleh itu karakter dan kelakuan serta latar belakang calon adalah diketahui oleh RELA di tempat calon memohon jadi ahli. Jika lebih 450 ribu ahli RELA perlu dibuat tapisan, ia akan melibatkan beban kerja kepada agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia. Namun begitu PDRM akan menjalankan tapisan keselamatan kepada ahli-ahli RELA yang dibekalkan dengan senjata api.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob turut mengutarakan beberapa soalan yang menyentuh bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia. Beliau ingin mengetahui berapakah bilangan pelajar asing yang menuntut di Malaysia mengikut negara asal mereka. Dan bilangan pelancong asing yang tinggal melebihi masa atau *overstayed* dengan izin dan tidak dapat dikesan sehingga Oktober 2006. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,

pengambilan dan pendaftaran pelajar asing perlu dibuat di Jabatan Imigresen Malaysia bagi mendapatkan pas pelajar. Sehingga 30 September 2006, seramai 27,523 pelajar asing telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Antara pelajar asing yang paling ramai menuntut di negara ini adalah seperti berikut. Jumlah yang tertinggi terdiri daripada warganegara Bangladesh iaitu 5,219 orang, diikuti dari Indonesia seramai 4,022 orang. Republik rakyat China seramai 3,775 orang, dan dari Pakistan adalah 1,192 orang.

Kerajaan menggalakkan kemasukan pelancong asing ke negara ini untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007. Jabatan Imigresen Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelancong asing seperti memberi kemudahan *visa on arrival* iaitu VOA selama sebulan di pintu-pintu masuk utama negara seperti di KLIA, Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Pulau Pinang, LTA Senai, LTA Kuching, Sarawak, LTA Kota Kinabalu, Sabah dan laluan kedua Malaysia – Singapura – Johor. Semenjak VOA diperkenalkan, sebanyak 14,536 VOA telah dikeluarkan kepada pelancong sehingga November 2006. Walau bagaimanapun ada di kalangan pelancong asing telah melanggar peraturan imigresen dengan melakukan kesalahan di bawah seksyen 15(4) iaitu tinggal melebihi masa yang dibenarkan. Perangkaan dari Jabatan Imigresen Malaysia mengenai pelancong asing tinggal lebih masa sehingga Oktober 2006 ialah sebanyak 8,142 orang. Warganegara India didapati paling ramai melakukan kesalahan ini. Selain daripada warganegara India yang tinggal lebih masa iaitu seramai 1,941 orang diikuti oleh warganegara Republik rakyat China 355 orang. Warganegara Bangladesh 198 orang, Sri Lanka 199 orang, dan warganegara Pakistan 133 orang.

Berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan, kerajaan telah membekukan kemudahan VOA kepada warganegara India yang datang ke Malaysia menerusi penerbangan terus dari Chennai - Malaysia. Justeru itu, kerajaan sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan ini.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga memohon agar Jabatan Imigresen Malaysia menambahkan bilangan kekuatan kakitangan terutamanya di Bahagian Penguatkuasaan bagi menangani masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin ke negara ini. Kerajaan menyedari bilangan pendatang asing tanpa izin semakin bertambah hasil pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan semenjak kebelakangan ini.

Bilangan pekerja asing yang didaftarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga Oktober 2006 ialah kira-kira 1.8 juta orang. Jawatankuasa Kabinet Mengenai PATI iaitu JKK PATI bersetuju memberi tambahan perjawatan ke Jabatan Imigresen Malaysia di mana Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan sebanyak 1,101 jawatan di Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 2006.

Daripada 1,101 jawatan tersebut, sebanyak 186 jawatan telah dikhususkan untuk penguat kuasa. Proses temu duga pegawai-pegawai imigresen telah bermula pada 5 November 2006 sehingga 8 Disember 2006 yang lalu dan sebanyak 14,447 calon telah ditemu duga untuk

jawatan tersebut. Keputusan temu duga ini akan diumumkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada bulan Januari 2007 dan pengambilan dijangka akan dapat diselesaikan tidak lewat daripada Februari 2007.

Tuan Yang di-Pertua, isu PATI juga telah menarik perhatian Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir untuk dibahaskan di Dewan ini. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu perbelanjaan PATI di depot tahanan yang dikatakan terlalu tinggi dan membazir wang kerajaan. Yang Berhormat Senator Dato' Musa juga mencadangkan hukuman rotan dua kali sebatan dikenakan kepada PATI di depot sebelum diusir pulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha menguruskan PATI di depot melalui program pengusiran yang dirancang secara sistematik dan fleksibel serta sesuai dengan keadaan semasa. Kerajaan terpaksa mengeluarkan dan menanggung kos pengusiran supaya PATI yang telah tamat menjalani hukuman dapat dihantar pulang ke negara asal.

Jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah dihantar pulang ke negara asal dari 1 Januari 2006 hingga 31 Oktober 2006 di seluruh Malaysia adalah seramai 30,158 orang dan melibatkan RM2,855,860 bagi kos tambang kapal terbang dan RM4,530,500 bagi kos tambang feri. Kerajaan akan terus memantau kos yang terpaksa ditanggung bagi menguruskan PATI supaya tidak membebankan kewangan kerajaan.

Selain dari itu juga, kerajaan akan terus membanteras kehadiran PATI ke negara ini secara serius. Walau bagaimanapun tidak semua PATI yang ditahan dan ditangkap boleh dikenakan hukuman rotan. Di antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman rotan adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 6(3) Akta Imigresen iaitu tinggal tanpa pas dan permit kerja yang sah dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan sebatan tidak melebihi enam kali;
- (ii) seksyen 55B(3) iaitu menggaji pekerja asing secara haram lebih dari lima orang dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan sebatan tidak melebihi enam kali; dan
- (iii) seksyen 56(1)(T) – Lindung – dikenakan hukuman denda tidak kurang dari RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 bagi setiap seorang yang dilindungi. Jika melindungi lebih daripada lima orang, maka hukuman penjara tidak kurang daripada enam bulan tetapi tidak lebih daripada lima tahun dan sebatan tidak lebih daripada enam kali.

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Ya.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya ingin membuat pertanyaan dan penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan soal PATI sepertimana yang dibangkitkan tentang soal undang-undang dan denda yang dikenakan hasil dari kesalahan yang dibuat oleh PATI ini.

Tetapi kita lihat, undang-undang yang dibuat ini seolah-olah tidak menakutkan pendatang asing tanpa izin ini malah boleh dikatakan ia semakin bertambah dan kita amat bimbang pada setiap tahun kita terpaksa menjalankan program pengampunan yang kadang-kadang kita lihat terpaksa menanggung kos yang cukup besar.

Tidak bolehkah ada langkah-langkah lain yang boleh dibuat oleh kerajaan bagi memastikan soal PATI ini dapat ditangani dengan lebih berkesan menerusi cara dan tindakan yang boleh meyakinkan bahawa kita sebenarnya tidak bertolak ansur dengan mereka bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa kalau kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, ramai PATI yang masuk ke Malaysia. Ini akan menjadi satu masalah besar kepada negara kita. Oleh itu, kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa tidak ramai PATI yang masuk ke negara kita. Di pantai perairan Malaysia adalah terlalu panjang, oleh itu pihak polis dan tentera telah meningkatkan pemeriksaan.

Langkah yang kedua kementerian ini melalui anggota RELA dan penguat kuasa imigresen telah menjalankan atau telah meningkatkan operasi untuk menangkap PATI dan baru-baru ini Mahkamah Khas telah ditubuhkan supaya mahkamah ini akan menyelesaikan kes-kes PATI di depot-depot di seluruh negara. Dengan kerjasama daripada orang ramai dan pihak agensi kerajaan, kementerian ini berharap bilangan PATI di negara ini akan dapat dikurangkan dan kita pastikan PATI yang masuk tidak diberi perlindungan oleh mana-mana pihak majikan. Oleh itu, tindakan tegas telah diambil terhadap majikan yang telah memberi perlindungan kepada PATI di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pindaan Akta Imigresen 1959 pada tahun 1963 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2002, seramai 3,190 orang telah didakwa di mahkamah atas pelbagai kesalahan imigresen. Dari jumlah tersebut, seramai 1,388 orang telah dijatuhkan hukuman sebat.

Yang Berhormat Senator juga ingin mengetahui kos pembiayaan PATI di depot-depot tahanan selama lima tahun ini, ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini, pengurusan depot tahanan sementara imigresen adalah di bawah kuasa Jabatan Penjara Malaysia. Segala peruntukan dan perbelanjaan diberikan dan diluluskan kepada kementerian yang berkenaan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam negeri hanya bertindak menempatkan tahanan dan melaksanakan program pengusiran.

Yang Berhormat Senator Tuan Maijol Mahap membangkitkan isu pembelian dokumen IMM13 dan kerakyatan diperketatkan untuk mengelakkan penganas masuk ke negara ini. Pengeluaran IMM 13 begitu terkawal dan dikeluarkan secara terhad kepada kes-kes khas dan hanya boleh diberi kelulusan oleh Ketua Pengarah Imigresen sahaja dan pemegang dokumen IMM 13 perlu memperbaharui pada setiap tahun.

Walau bagaimanapun Bahagian Keselamatan dan Pasport, Jabatan Imigresen Malaysia telah memperkenalkan dokumen IMM 13 yang baru bagi menangani masalah pemalsuan dokumen tersebut. Ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan di dalam IMM 13 adalah seperti mempunyai logo Jabatan Imigresen Malaysia, potongan garis putus sambung dan di bahagian tanda tangan ditulis JIM secara halus.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Tan Chai Ho: Sedikit lagi. Penganugerahan taraf kewarganegaraan adalah merupakan anugerah tertinggi yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan kepada orang asing yang telah menetap di negara ini. Segala syarat untuk memohon taraf kewarganegaraan ditentukan di bawah Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan hanya mereka yang layak sahaja dibenarkan mengemukakan permohonan.

Setiap permohonan akan dikaji di peringkat jabatan. Mereka juga dikehendaki memahami bahasa, budaya dan adat istiadat negara ini yang diuji melalui ujian bahasa yang disyaratkan kepada setiap permohonan kewarganegaraan. Ujian ini akan diuruskan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh JPN di mana keahliannya merangkumi pelbagai kaum dan latar belakang yang berbeza.

Bagi membuktikan seseorang pemohon itu berkelakuan baik, setiap pemohon akan dirujuk kepada pihak polis untuk tapisan keselamatan. Sama ada pemohon mempunyai rekod jenayah di negara asal mereka ataupun di negara ini. Mereka yang gagal melepasi syarat-syarat di atas tidak akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan oleh kerajaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada ulasan di atas, kementerian berpendapat undang-undang, peraturan atau garis panduan yang sedia ada amat mencukupi bagi orang-orang asing yang berhasrat untuk menjadi rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya telah pun menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara lain yang tidak disentuh di dalam jawapan saya sebentar tadi, pihak kementerian saya akan memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bersandarkan usul yang telah Dewan luluskan sebentar tadi, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan dan sebelum beliau mula berucap, suka saya berpesan bahawa ada kalanya dalam hal ehwal manusia, percakapan tak boleh dimuktamadkan melalui percakapan. Percakapan hanya boleh dimuktamadkan melalui pengundian. Maka tak perlulah sewenang-wenang mengganggu Yang Berhormat bercakap, kerana berapa kali ganggu pun tak muktamad. Akhirnya yang muktamad ialah pengundian apabila masalah dikemukakan, jadi kecuali inti perlu penjelasan sangat-sangat saya harap biarlah Yang Berhormat selesaikan penggulungan beliau. Dijemput beliau.

3.46 ptg

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri dan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah mengizinkan penyegeraan giliran Kementerian Penerangan bagi membolehkan saya menghadiri pengebumian ibu saudara saya.

Terima kasih juga keadaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang telah dilontarkan, yang menyentuh mengenai tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Namun saya ingin memohon maaf jika terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah kerana pada kali ini saya tidak dapat melayani celahan berkenaan. Kita boleh mencuba di sidang-sidang yang akan datang. Insya-Allah.

Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob Haji Mohamad dan Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee yang menyentuh beberapa perkara mengenai kuasa yang ada pada Kementerian Penerangan khususnya mengenai kawalan pemantauan ke atas media elektronik dan iklan TV swasta.

Kementerian Penerangan tidak mempunyai sebarang kuasa khususnya kuasa pemantauan ke atas media elektrik swasta berikutan pemansuhan Akta Penyiaran yang digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia yang diletakkan di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi pada tahun 1998. Perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan Rakyat dan di Dewan yang mulia ini.

Ekoran dari itu, Jemaah Menteri pada 20 Julai 2005 telah membuat keputusan supaya sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji peranan dan tanggungjawab stesen penyiaran sebagai media elektronik untuk memajukan agenda rakyat, kerajaan dan negara dalam pembinaan bangsa Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan.

Jawatankuasa berkenaan telah bermesyuarat pada 1 Ogos 2005 dan memutuskan supaya Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan

menyediakan garis panduan berkaitan, dasar kerajaan dan nilai-nilai seni serta budaya dalam melaksanakan agenda nasional dan mengemukakan cadangan berkenaan kepada Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi untuk tujuan pelaksanaan dan keseragaman. Kementerian Penerangan telah mengambil tindakan ke atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain yang membangkitkan kandungan siaran TV yang terlalu banyak berunsur hiburan serta tidak mengutamakan kualiti dan kandungan kerana mengejar dengan izin *rating* atau pun penarafan kepada kepenontonan dalam era persaingan kali ini.

Ingin saya jelaskan bahawa kedua-dua rakan TV iaitu RTM1 dan RTM2 yang di bawah kawal selia Kementerian Penerangan sebenarnya berorientasikan perkhidmatan kepada masyarakat dan sentiasa mengutamakan tanggungjawab sosial. Tidak benar tanggapan rangkaian TV RTM lebih mengutamakan hiburan. Ini berdasarkan statistik Jabatan Penyiaran yang menunjukkan 32% daripada keseluruhan rancangan di RTM1 dan 26% di RTM2 setiap minggu melibatkan aspek penerangan dan pendidikan. Kandungan bercorak hiburan di RTM1 pula hanya 3% dan RTM2 sebanyak 12%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perang *rating* ataupun penarafan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan RTM semenjak September 2006 tidak lagi melanggan perkhidmatan daripada agensi penarafan sedia ada. Sebaliknya Kementerian Penerangan sedang merangka kaedah baru untuk mengukur tahap populariti rancangan-rancangan RTM.

Bagi perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mengenai banyak unsur ganas dan seks melalui televisyen, saya hanya dapat menyentuh kepada siaran RTM sahaja, yang terletak di bawah kawal selia Kementerian Penerangan. Sukacita saya maklumkan bahawa kementerian mendapati RTM memang setia dan sentiasa patuh kepada pengharaman elemen-elemen seks dan ganas dalam semua siarannya. RTM sendiri memang mempunyai garis panduan siaran yang turut memberi penekanan kepada kedua-dua elemen tersebut. Semua filem atau bahan penerbitan termasuk yang dibekalkan oleh syarikat penerbitan perlu melalui proses penilaian oleh Panel Penilai Rancangan terlebih dahulu.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain yang kecewa kerana media elektronik tidak prihatin kepada acara-acara penting melibatkan Pertabalan Duli Yang Maha Mulai Yang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, yang baru-baru ini, saya ingin membuat pembedaan sedikit pada teguran itu. Sebenarnya, Duli Yang Maha Mulai Yang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Yang Ketigabelas baru dilantik dan belum dilangsungkan lagi acara pertabalan yang akan diadakan selepas ini.

Justeru, ingin saya menjelaskan di sini bahawa sebagai media rasmi kerajaan, RTM tidak pernah mengabaikan liputan tentang pemerintah negara kita. RTM sebenarnya turut memberi tumpuan khusus kepada acara-acara rasmi negara yang melibatkan baginda berdua mulai 9 hingga 13 Disember yang lalu. Ini termasuklah menyiarkan secara langsung melalui radio dan TV istiadat-istiadat rasmi keberangkatan pulang Duli Yang Maha Mulai Yang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Yang Keduabelas dan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulai Yang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Yang Ketiga belas. Untuk makluman, sepanjang tempoh 9 hingga 13 Disember, sebanyak 6 jam 40 minit siaran langsung telah disiarkan untuk memaparkan peristiwa-peristiwa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kerana memudahkan kita, menjadikan ini *precedent* kiranya berlaku. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

3.52 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2007, yang menyentuh perkara-perkara yang ada berhubung kait dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, berkaitan dengan industri pelancongan dan kesihatan di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu kekuatan yang membawa kepada pertubuhan industri pelancongan dan kesihatan di Malaysia ialah keyakinan pelancong kesihatan terhadap amalan perubatan yang berwibawa dalam negara kita.

Amalan perubatan kita diawasi oleh undang-undang dan peraturan yang mencukupi, di mana hak-hak pengguna dilindungi melalui standard keselamatan dan kualiti perkhidmatan yang ditetapkan. Semua hospital termasuk hospital-hospital yang giat memasarkan pelancongan kesihatan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan dari segi pendaftaran profesional dan etika profesional.

Pihak kementerian juga memantau dan menguatkuasakan akta tersebut termasuklah peraturan-peraturan, kemudahan dan perkhidmatan kesihatan swasta yang hanya akan membolehkan kemudahan kesihatan yang mematuhi standard keselamatan dan kualiti minimum yang disyaratkan sahaja dilesenkan dan dibenarkan beroperasi. Kemudahan-kemudahan ini hendaklah diuruskan oleh pengamal perubatan yang berdaftar, yang wajib mengemukakan apa-apa maklumat dan rekod operasi kepada Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa.

Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan farmasi pula perlu mendaftarkan produk mereka sebelum ianya boleh dipasarkan oleh pengamal berdaftar yang dilesenkan mengikut kategori kawalan yang diperlukan. Pemantauan penggunaan ubat-ubatan dari segi laporan kesan reaksi juga dilakukan. Sebuah badan yang berkecuali, iaitu *The Malaysian Society For Quality In Health*, turut memantau dan melaksanakan akuidasi hospital bagi memastikan perkhidmatan perubatan sentiasa berkualiti dan selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sejumlah 35 buah hospital swasta yang memasarkan pelancongan kesihatan dan pada tahun 2005, bilangan pelancong kesihatan mencecah seramai 232,161 orang dan telah menjana pendapatan sebanyak RM150.9 juta.

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu ada membangkitkan tentang isu kesihatan masyarakat ekoran jerebu yang melanda negara baru-baru ini. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan terus memantau indeks pencemaran udara dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kualiti udara adalah selamat. Kementerian Kesihatan akan segera memaklumkan kepada orang ramai tentang penjagaan kesihatan sekiranya kualiti udara mula menunjukkan tahap yang boleh menjejaskan kesihatan orang awam.

Peringatan dan panduan penjagaan kesihatan semasa jerebu akan dimaklumkan kepada orang ramai melalui media massa tempatan, pengedaran risalah dan nasihat oleh petugas-petugas kesihatan, di mana *facility* kesihatan kerajaan dan juga di swasta. Ini dilakukan bagi membolehkan orang awam mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melindungi diri daripada menghadapi masalah kesihatan semasa jerebu.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor, yang menyentuh tentang kegagalan dalam pemulihan penagih dadah terutama Program Terapi Gantian Methadone, yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Program Terapi Gantian Methadone yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan dengan izin, *retention rate*, sebanyak 84%.

Ini bermakna, 40% daripada 1,240 penagih dadah yang mengikuti Program Terapi Gantian dengan methadone bagi fasa pertama di dapati telah bebas daripada segala bentuk penagihan dadah. Berikutan dengan kejayaan ini, Kementerian Kesihatan akan memperluaskan liputan program ini kepada fasa kedua yang akan menyasarkan sejumlah 5,000 orang penagih dadah. Menjelang tahun 2010, ia akan melibatkan sekurang-kurangnya 15,000 hingga 20,000 orang penagih dadah.

Ubat methadone yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan adalah dalam bentuk cecair dan penyalahgunaan ubat methadone adalah amat rendah. Penyalahgunaan ubat subutex adalah jauh lebih ketara, kerana subutex adalah dalam bentuk pil dan boleh diperolehi di

mana-mana pengamal ubat swasta dan sering kali ubat subutex ini dicampurkan dengan ubat demecon, sejenis ubat sedative dan Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari perkara ini telah mengambil langkah berikut bagi menangani isu ini:

- (i) wujudkan *registry drug substitution therapy*, dengan izin, *registry drug substitution treatment*, bagi mendaftarkan semua pengamal perubatan swasta yang menjalankan aktiviti terapi gantian dan di mana yang sama mendaftarkan semua penagih-penagih dadah yang terlibat dalam terapi gantian berkenaan;
- (ii) garis panduan dan prosedur klinikal bagi penggunaan subutex telah dikeluarkan pada November 2006 untuk dijadikan panduan kepada pengamal perubatan dalam melaksanakan terapi gantian dengan subutex; dan
- (iii) mengadakan akreditasi pengamal-pengamal perubatan swasta yang menjalankan program terapi gantian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar dan maklum tentang masalah kekurangan tempat letak kereta dan kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di Hospital Kuala Lumpur sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae. Oleh yang demikian, terdapat langkah-langkah yang telah diambil dan dikenal pasti bagi menangani masalah ini. Antaranya ialah menswastakan pengurusan tempat letak kereta di GHKL yang akan bermula pada awal tahun 2007.

Pada masa ini terdapat sejumlah 1,611 lot tempat letak kereta di 19 lokasi yang berbeza di Kuala Lumpur bagi menampung keperluan kakitangan dan orang awam. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, cadangan membina tempat letak kereta bertingkat telah diluluskan dan lokasi yang terbabit telah pun dikenal pasti.

Hospital Kuala Lumpur pada masa ini juga mempunyai sejumlah 2,369 buah katil yang terdiri daripada pelbagai kelas dengan kadar penggunaan katil atau *bed occupancy* di sekitar 85%. Sebagai pusat rujukan perubatan negara, peruntukan untuk menaikkan taraf kejuruteraan *facility* dan kejuruteraan *biomedical* telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Namun begitu, bagi mengurangkan beban kesesakan di Hospital Kuala Lumpur, pihak kementerian telah membina beberapa buah hospital di sekitar Lembah Klang seperti Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buluh dan Hospital Ampang.

Bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Kuala Lumpur. Pada tahun 2006, pihak Hospital Kuala Lumpur telah melaksanakan kerja-kerja menaikkan taraf kemudahan-kemudahan yang merangkumi Jabatan Pesakit Luar, Wad ICU, pemasangan sistem keselamatan, penambahan peralatan-peralatan perubatan, ruang-ruang kerja, pemasangan CCTV, menaikkan taraf sistem elektrik dan pelbagai kemudahan lain dan kerja-kerja ini dilaksanakan menerusi

peruntukkan pembangunan dan mengurus. Adalah menjadi hasrat kementerian supaya dapat didirikan asrama di Hospital Kuala Lumpur bagi menempatkan pelawat-pelawat yang menunggu pesakit sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Namun begitu, masalah utama yang dihadapi oleh kami ialah masalah ruang dan lokasi di Hospital Kuala Lumpur memandangkan lokasi yang sedia ada di Hospital Kuala Lumpur telah digunakan pada tahap yang maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah membangkitkan tentang perlunya dinaikkan cukai tembakau bagi mengurangkan tabiat merokok di kalangan masyarakat di negara ini khususnya bagi mereka yang di bawah umur. Ingin dinyatakan bahawa segala kenaikan cukai khasnya yang membabitkan tembakau adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, secara umumnya Kementerian Kesihatan Malaysia menyokong kenaikan berterusan dalam cukai tembakau.

Kenaikan cukai tembakau akan seterusnya membawa kepada kenaikan dalam harga hasil tembakau khususnya harga rokok. Dan pihak kementerian bersetuju bahawa kenaikan harga merupakan satu cara berkesan dalam menangani masalah merokok di kalangan golongan remaja. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa strategi menaikkan harga rokok telah terbukti berkesan bagi mencegah masalah merokok terutamanya di kalangan remaja, malah ia merupakan salah satu peruntukan di bawah *framework conventions on tobacco control* yang menyebut bahawa langkah peningkatan harga dan cukai rokok adalah langkah penting dalam mengurangkan tabiat merokok di kalangan masyarakat terutama di kalangan remaja.

Walaupun bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada masalah merokok di kalangan mereka yang berumur di bawah 18 tahun dan peningkatan harga rokok sahaja tanpa mengawal kemasukan rokok-rokok secara haram dan rokok tiruan atau *counter fete* dan *counter bend* dengan izinnya juga akan mengurangkan keberkesanan kempen anti merokok yang dijalankan oleh kerajaan. Di samping itu, pihak kementerian akan memperkukuhkan lagi usaha-usaha aktiviti pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang bahayanya merokok dan kebaikan berhenti merokok. Aktiviti penguatkuasaan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 serta memperluaskan lagi perkhidmatan klinik berhenti rokok di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan di seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang juga meminta kerajaan supaya tidak menanggung beban kewangan dengan mengadakan Kempen Tak Nak sebaliknya mahukan pihak pengilang rokok lebih bertanggungjawab terhadap produk mereka ke atas kesihatan para perokok. Beliau juga mahukan kempen anti merokok yang lebih agresif dengan menyiarkan pengiklanan secara bergrafik bagi membangkitkan kesedaran orang ramai. Untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat, kempen media anti merokok secara agresif di media cetak dan elektronik pada tahun ini telah dimulakan daripada bulan November dan akan hanya berakhir pada Jun

2007. Kempen fasa pertama yang menekankan kepada pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya merokok telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan 2005.

Pada fasa pertama tersebut, pelbagai iklan media elektronik dan bukan elektronik tentang kesan negatif merokok dengan bergrafik telah dipertontonkan kepada masyarakat yang turut disasarkan kepada golongan remaja serta perokok wanita. Kempen pada tahun 2006 yang merupakan kesinambungan kepada Kempen Tak Nak yang dimulakan pada tahun 2005 akan memberikan penekanan kepada pembujukan kepada perokok supaya berhenti merokok dan seterusnya mendapatkan bantuan profesional dan khidmat nasihat untuk berhenti merokok di hospital atau klinik kesihatan.

Fasa ini menumpukan kepada golongan perokok supaya berhenti merokok khususnya perokok dewasa, murid sekolah dan remaja lelaki dan wanita. Kempen ini juga akan menumpukan kepada pencegahan tabiat merokok di kalangan golongan remaja dan pelajar sekolah. Kedua-dua strategi ini akan digunakan melalui media elektronik secara intensif dan meluas dan menerapkan mesej-mesej yang melibatkan unsur-unsur amaran bergrafik dan emosi.

Pihak kementerian akan mengambil kira pandangan semua ahli-ahli Yang Berhormat dalam perancangan serta pelaksanaan kempen ini.

Saya ingin juga menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik yang meminta pihak kementerian supaya sentiasa melakukan pemantauan terhadap harga ubat-ubatan serta memastikan ketulenan sesuatu jenis ubat yang berada di pasaran pada masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada kawalan secara terus ke atas harga ubat-ubatan di negara ini. Secara umumnya dia bergantung kepada kuasa pasaran dan persaingan di antara industri yang menyumbang kepada keseimbangan harga ubat-ubatan.

Walau bagaimanapun, semua syarikat pengimport dan pengedar perlu kemukakan cadangan harga jualan runcit atau *recommended retails price* dengan izinnnya bagi ubat-ubat yang diimport atau di edar semasa mereka menghantar permohonan untuk mendapatkan atau pun memperbaharui lesen pengimport atau pengedar dengan pihak berkuasa kawalan dadah supaya *recommended retails price* ini boleh diperoleh melalui laman web perlu pengawalan *pharmaceutical* kebangsaan.

Mulai dari tahun ini, Kementerian Kesihatan telah pun memulakan sistem pemantauan harga ubat-ubatan di mana ia melibatkan kajian pemantauan harga ubat secara berterusan di premis swasta dan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan kajian ke atas harga pembelian ubat-ubatan oleh beberapa hospital kerajaan terpilih. Kementerian Kesihatan akan mengkaji kompensasi struktur harga ubat dan prosedur penempatan harga ubat di beberapa negara yang lain di samping mengenal pasti variasi kompensasi struktur harga ubat yang sedia ada di kalangan pembekal-pembekal tempatan dan antarabangsa. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menyeragamkan struktur harga ubat yang sesuai untuk negara ini.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikan pengguna dan pembeli mendapat ubat-ubatan yang selamat, berkualiti dan berkesan dan produk berdaftar yang berada di pasaran akan diambil sampel untuk tujuan analisis bagi memastikan produk tersebut adalah seperti yang didaftarkan. Pelaksanaan pelabelan mandatori dengan hologram keselamatan ke atas produk berdaftar adalah merupakan salah satu pendekatan untuk menangani masalah penjualan ubat palsu di mana orang awam dengan mudahnya dapat mengenal pasti ubat yang tulen. Pemeriksaan rutin dan serbuan dijalankan ke atas semua premis yang menjual ubat-ubatan untuk memastikan ubat yang berada di pasaran adalah yang berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanian daripada Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang meminta pihak kementerian supaya menambahkan mesin-mesin hemodialisis di pusat-pusat dialisis untuk kegunaan pesakit-pesakit buah pinggang secara percuma. Suka saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini dasar kerajaan adalah untuk mengadakan unit hemodialisis di semua hospital Kementerian Kesihatan. Oleh yang demikian, setiap hospital daerah akan mempunyai unit hemodialisis sendiri. Sehingga Disember 2006, semua hospital kementerian mempunyai pusat hemodialisis masing-masing kecuali di tiga buah hospital baru di Sarawak.

Selain daripada itu, kementerian juga memberi subsidi kepada pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan dialisis daripada rawatan pusat-pusat dialisis di bawah kelolaan pertubuhan badan bukan kerajaan dan daripada sejumlah 4,169 pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis badan-badan bukan kerajaan sejumlah 2,132 pesakit telah diberi bantuan subsidi rawatan sebanyak RM50 pada setiap sesi. Setiap pesakit akan menjalani tiga sesi rawatan pada setiap minggu dan jumlah subsidi adalah sebanyak RM150 seminggu ataupun RM7,800 setahun bagi setiap pesakit.

Berhubung dengan isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng yang menyentuh isu penggunaan *beta agonist* terhadap ternakan babi dan lembu di negara ini Kementerian Kesihatan sentiasa bertindak mengawal *residue drug beater beta agonist* dalam makanan. *Beta agonist* merupakan sejenis bahan yang dilarang di bawah daftar dua jadual ke 15 A peraturan-peraturan makanan tahun 1985 dan pada tahun 2005 pindaan telah dibuat kepada peraturan tersebut dengan membenarkan *raptopimine* yang boleh digunakan sebagai gantian kepada *beta agonist* dalam babi dan pindaan tersebut telah dilakukan berdasarkan kepada standard antarabangsa di bawah Pertubuhan Makanan dan Kesihatan (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Bagi daging babi yang diimport pula Kementerian Kesihatan telah mengenakan syarat supaya semua daging yang diimport ke negara ini mesti disertakan dengan sijil kesihatan yang mengesahkan daging tersebut bebas daripada *beta agonist*, *naitulfuron* dan klorinfonikal atau bahan-bahan yang dilarang di bawah peraturan-peraturan makanan tahun 1985. Keperluan bagi

sijil kesihatan tersebut telah dikuatkuasakan semenjak Januari 2005 dan diamalkan sehingga kini.

Menyentuh kepada saranan daripada Yang Berhormat yang melarang penggunaan bahan tersebut di dalam ladang-ladang ternakan di negara ini ingin dinyatakan bahawa penggunaan bahan tersebut di ladang-ladang adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, sekali saya ingin ucapkan terima kasih....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pertama saya mengambil kesempatan ucap terima kasih tentang Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan yang sudah pun dikuatkuasakan. Cuma saya ambil kesempatan untuk meminta sedikit penjelasan tentang kempen derma organ ini. Apakah ada akta khusus mengenai dengan derma organ ini iaitu maksud saya organ-organ yang bagaimana yang boleh didermakan terutama lelaki dia banyak organ. Organ mana yang boleh mana yang tak boleh. Apakah sudah berlaku penjualan organ secara haram.

Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya akta kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan tidak ada hubung kait langsung dengan pendermaan organ manusia dan secara dasarnya Kementerian Kesihatan tidak menggalakkan seseorang mendermakan organ melainkan yang pertama kita hendak pastikan pendermaan itu bukanlah merupakan satu perdagangan. Bermakna ia tidak berunsur *profit orientated*. Yang kedua, penderma itu seharusnya faham risiko yang ditanggung akibat daripada menderma organ. Yang ketiga tidak ada paksaan dan yang keempat bahawa keluarga mereka juga bersetuju kerana kita sedia maklum kadangkala lepas dia derma organ memang ada komplikasi dan kadangkala penderma itu jadi penganggur dan ia menjadikan satu beban kepada keluarga.

So, ini adalah syarat-syarat yang biasa kita akan halusi sebelum seorang penderma dibenarkan menderma organ. Walaupun kita faham kadang-kadang kerana dapat banyak publisiti dia rasa syok dan seronok dia tampil ke hadapan untuk menderma organ tanpa mengetahui dan sedar segala risiko yang terlibat. Kami di Kementerian Kesihatan sedang menggubal satu undang-undang atau peraturan yang baru supaya kita hendak pastikan bahawa penderma ini tidaklah menjadikan satu transaksi komersial seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua, saya hendak menekankan di sini pada dasarnya semua Kementerian Kesihatan di dunia tidak menggalakkan orang menderma organ yang dikatakan *life organ*. Kita lebih minat kepada organ yang datang daripada kardiverik. Ini bermakna semasa dia sudah hendak meninggal supaya organ itu boleh digunakan dan memang tidak dapat dinafikan di Malaysia sukar untuk mendapat penderma-penderma organ daripada kalangan orang Muslim kerana ada soal berkaitan dengan agama dan kita perhatikan penderma-penderma di negara kita kebanyakan terdiri daripada orang yang bukan Islam.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Boleh soal sedikit lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkenaan dengan kempen kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai rumah kedua oleh warga emas dari sudut aspek kesihatan. Jadi bagaimana perancangan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan berkaitan dengan kemudahan di hospital kerajaan dalam usaha menggalakkan kempen ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini Kementerian Kesihatan tidak terlibat dalam kempen ini. Malaysia *My Second Home* bukan hanya menumpu kepada warga emas dia menumpu kepada orang yang mampu datang ke negara kita dengan syarat-syarat yang tertentu bukan hanya apabila jadi warga emas kita mahu dia datang. Kita hendak orang muda pun datang dengan syarat-syarat tertentu dan untuk warga asing bayaran yang dikenakan adalah berlainan dengan warga tempatan. Dia lebih jauh walaupun dari segi bayaran. Tetapi kita kena mengakui bahawa rakyat Malaysia ini dia penuh dengan perikemanusiaan. Bila orang asing datang ke hospital kerajaan dia dikenakan bayaran RM15 untuk *out patient*. Biasanya dia cakap tak ada duit. Dia pun dapat rawatan dan ubat-ubatan dan tunggakan kerana tidak bayar oleh orang warga asing telah meningkat.

Kalau tidak silap pada tahun yang lepas dia hampir sampai RM10 juta kerana rakyat kita penuh dengan perikemanusiaan. Cakap tidak ada duit pun kita bagi dia rawatan lepas itu dia duduk di hospital dalam wad tiga hari empat hari malam-malam dia cabut dan ini sering berlaku.

So kalau tidak ada saya sekali lagi ucap ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah kemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada kementerian kami. Dan sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapatlah menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberi jawapan. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Belia dan Sukan.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat, pertanyaan, teguran dan cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sempena perbahasan Bajet 2007 ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa membentangkan cadangan bajet tersebut pada 1 September yang lalu telah menekankan kepada pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan maklumkan peruntukan sebanyak RM721 juta kepada kementerian ini untuk dibelanjakan ada

tahun hadapan. Izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan mengenai Kementerian Belia dan Sukan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim peruntukan RM420 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan belia tetapi apakah kebaikan dan keburukan bagi pembangunan tersebut. Yang keduanya pemimpin-pemimpin belia haruslah bersedia dengan pelapis-pelapis baru bagi memimpin belia generasi baru dan belia sahaja yang memahami kehendak belia.

Tuan Yang di-Pertua pembangunan belia yang merupakan salah satu agenda utama kementerian ini telah menampakkan pencapaiannya selaras dengan objektif untuk membentuk generasi belia yang dinamik dan berhemah tinggi seperti berdisiplin, bersikap positif dan beretika tinggi. Sepanjang tahun 2001 hingga 2005 seramai 380,090 belia telah diberi latihan kepimpinan sama ada secara berinstitusi atau tidak berinstitusi. 79,740 orang belia telah mendapat latihan keusahawanan, 25,710 belia mendapat latihan keusahawanan ICT dan 1.6 juta orang belia menyertai Program Rakan Muda dan 13,078 mendapat latihan kemahiran vokasional. Mengenai saranan Yang Berhormat supaya pemimpin belia pelapis disediakan mulai sekarang bagi memimpin organisasi belia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kementerian telah pun menggubal Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia tahun 2006 yang antara lain bertujuan untuk membolehkan pertubuhan belia disertai dan dipimpin sendiri oleh mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Rang undang-undang ini telah pun dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 12 Disember baru-baru ini untuk bacaan kali pertama dan bacaan kali kedua dan ketiga pada sesi depan bulan Mac. So selain daripada itu usaha melahirkan pemimpin-pemimpin belia pelapis akan diteruskan melalui Program Latihan Kepimpinan Belia yang dijangka dapat melatih seramai sekurang-kurangnya 22,650 orang belia dalam satu tahun.

Berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad cadangan mewujudkan *one stop centre* di tempat yang menerima kunjungan ramai kanak-kanak muda. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kementerian ini menerima dan bersetuju untuk melihat secara serius cadangan tersebut.

Kementerian ini sedang mengenal pasti beberapa kemudahan sedia ada di lokasi-lokasi tertentu di seluruh negara yang mungkin sesuai dijadikan *one stop centre* tersebut. Misalnya di 16 buah kompleks Rakan Muda ataupun Kompleks Belia dan Sukan negeri-negeri serta Kompleks Sukan Komuniti yang telah dan sedang dan akan dibina di seluruh negara untuk belia-belia kita.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya difahamkan iaitu 30 buah Kompleks Sukan Komuniti akan dibangunkan. Dan adakah benar 30 buah kompleks sukan dibangunkan diberikan ditawarkan sebuah syarikat *public listed* untuk membangunkan 30 buah kompleks ini. Kenapa tidak diberi kepada usahawan-usahawan tempatan setidak-tidaknya kementerian boleh melahirkan 30 lagi usahawan-usahawan belia yang ada atau kontrak kelas D atau E. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 50 buah Kompleks Sukan Komuniti akan diwujudkan seperti yang dikatakan tadi 30 buah diberi pada satu syarikat dan selainnya 20 buah akan diagihkan kepada kontrak-kontrak yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim berhubung berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk atlet Malaysia ke Doha dan apakah pencapaian atlet negara sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perbelanjaan peruntukan kontinjen Malaysia yang bertanding di Sukan Asia Doha ke 15 meliputi dua aspek kos peruntukan. Iaitu peruntukan persediaan latihan atlet melalui program latihan jangka sederhana dan jangka panjang yang telah dilaksanakan sejak tahun 2002 yang lalu dan peruntukan penyertaan kontinjen ke negara tersebut yang dibiayai melalui Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Perbelanjaan ditanggung oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bagi penyertaan kontinjen Malaysia seramai 334 orang iaitu 21 atlet dan 103 pegawai jurulatih di Sukan Asia ke-15 di Doha ini adalah sejumlah RM1,272,691 juta yang meliputi perbelanjaan tambang kapal terbang, pakaian perbarisan semasa upacara perasmian dan insurans perjalanan, pembayaran logistik dan penginapan. Pengangkutan di Doha adalah di bawah tanggungan penganjur kecuali pegawai bertugas yang melebihi kuota yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Tuan Yang di-Pertua kontinjen Malaysia di Sukan Asia ke 15 Doha, Qatar telah berjaya memperolehi 8 pingat emas, 17 perak dan 17 gangsa. Malaysia memperoleh pingat emas dalam acara badminton, boling, perahu layar, skuasy dan wushu. Keseluruhan pingat yang dikumpul oleh kontinjen Malaysia adalah sebanyak 42 pingat di mana melebihi 12 pingat berbanding 30 pingat di Sukan Asia di Busan pada 2002 yang lalu.

Pencapaian negara sehingga kini telah berjaya mengatasi pencapaian di Busan, Korea Selatan pada tahun 2002 dengan pungutan 6 pingat emas, 8 perak dan 16 gangsa. Berbanding dengan pencapaian-pencapaian negara-negara Asia Tenggara yang lain, Malaysia kini menduduki tempat kedua di belakang Thailand yang berjaya memenangi 13 pingat emas, 15 perak dan 26 gangsa. Manakala Singapura pula memenangi 8 pingat emas, 7 perak dan 12 gangsa di tempat yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita merujuk kepada keputusan Sukan Asia di Doha kita nyaris-nyaris dimalukan oleh Singapura yang juga mendapat 8 emas. Dan yang paling mengecewakan ialah prestasi kita dalam sukan-sukan tertentu seperti bola sepak, takraw, hoki, karatedo dan balapan memang amat mengecewakan. Jadi saya tidak tahulah kalau saya melihat kepada Singapura kejayaan lima emas itu datangnya daripada perahu layar kerana mereka sudah mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Akademi Perahu Layar. Jadi saya tidak tahu apakah kementerian akan mengambil pendekatan yang lebih fokus kepada bidang-bidang sukan tertentu sebenarnya untuk memastikan kejayaan kita lebih membanggakan di masa akan datang.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sekiranya kita lihat kemajuan sukan keseluruhannya negara kita memang ada banyak kemajuan. Kalau dahulu kita memperoleh pingat-pingat emas atau perak dan gangsa daripada beberapa acara sahaja. Di Busan, hanya 6 acara sukan yang menyumbang pingat. Tetapi pada Doha kali ini, 14 jenis sukan menyumbang pingat keseluruhannya kepada negara kita. Oleh itu, dari segi pembangunan sukan secara menyeluruh memang ada peningkatan. Tetapi memang benar dari segi beberapa sukan popular seperti bola sepak, ia amat mengecewakan. Dalam pertandingan bola sepak di Kejohanan Sukan Asia yang ke-15 di Doha ini, memang kita juga telah pun kalah dalam beberapa pertandingan. Menjawab soalan tadi, perahu layar ini memang kita juga mempunyai satu pingat emas dan kementerian juga mempunyai perancangan khusus iaitu mewujudkan lebih banyak sukan layar ataupun *water sports*, yang kita telah pun mewujudkan lebih banyak pusat *water sports* untuk melatih dan meningkatkan bilangan atlet kita dalam bidang ini.

Tuan Ismail Kasim: Mohon laluan Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Sila.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan. Saya masih lagi tertanya-tanya Yang Berhormat, kerana pelbagai langkah telah dibuat oleh pihak kementerian untuk meningkatkan sukan utama negara iaitu sukan bola sepak. Kita lihat pelbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan. Keputusannya kita lihat walaupun di peringkat latihan dan perlawanan persahabatan kita gah dengan kemenangan, seri dan sebagainya, tetapi bila kita menyertai pertandingan yang sebenar, kita masih lagi berada di peringkat yang terlalu longlai dan sering dipandang rendah oleh negara yang lain.

Sepertimana kita dipandang tinggi ketika di peringkat awal 70an, akhir 70an dan juga awal 80an. Apakah tidak pihak kerajaan bercadang untuk sekurang-kurangnya kita mengimport pemain-pemain muda daripada negara-negara yang dianggap mempunyai latar belakang bola sepak yang begitu tinggi seperti yang dibuat oleh kebanyakan negara seperti Jepun, Singapura dan juga Qatar yang telah mengimport beberapa pemain muda yang diberi taraf pemastautin

tetap dan mewakili negara berkenaan sebagai merupakan dorongan dan asas kepada pemain-pemain muda yang ada di negara kita. Apa pandangan pihak kerajaan berhubung perkara ini?

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, ada soalan yang sama daripada Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin. Saya akan jawab sekali nanti. Saya habiskan seksyen ini berhubung dengan prestasi di Doha dan juga soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim berhubung dengan kemerosotan pasukan bola sepak negara dan juga apakah kekurangan serta bagaimana kita mengatasinya? Sekali saya menjawabnya ya? Berhubung dengan kekalahan bola sepak kita di Doha ini, memang ia bukanlah satu perkara yang mengejutkan ataupun di luar jangkaan.

Sekiranya kita berdasarkan kekuatan atau *ranking* yang dibuat oleh FIFA dan AFC. *Ranking* FIFA dalam tahun 2006 bagi ketiga-tiga negara berkenaan dalam kumpulan bersama dengan Malaysia adalah jauh lebih baik daripada *ranking* Malaysia iaitu Oman *ranking* 69, negara China *ranking* 84, Iraq *ranking* 88 dan Malaysia *ranking* sekarang kita ialah 152. Manakala *ranking* AFC juga menunjukkan keadaan trend yang sama iaitu Oman di tahap yang ke 8, China ke 11, Iraq ke 12 dan Malaysia di tahap yang ke 30. Pasukan bola sepak negara memang kita perlu terus memastikan tahapnya dapat diperkukuhkan. Saya bersetuju dengan cadangan bahawa kita mengimport pemain-pemain termasuk juga jurulatih.

Berhubung dengan pertanyaan dan saranan dari Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin juga ada menyentuh perkara yang sama iaitu pengambilan jurulatih serta pemain import. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengambilan jurulatih serta pemain import ini adalah atas budi bicara serta kemampuan kewangan pasukan-pasukan yang bertanding. Kehadiran juru latih import penting dalam konteks penyaluran ilmu tentang sukan bola sepak dari aspek *technical* dan *tactical*. Oleh itu, jurulatih-jurulatih tempatan dapat mempelajari pelbagai aspek *tactical* dan *technical* daripada jurulatih import. Namun begitu, kita juga boleh mempertingkatkan kualiti jurulatih tempatan dengan menghantar mereka mempelajari aspek pengurusan *technical*, *tactical* dan lain-lain perkara di negara-negara kuasa bola sepak seperti Eropah, Amerika Selatan dan juga di rantau Asia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jurulatih-jurulatih ini boleh ditempatkan di kelab-kelab yang terbaik di sana. Contohnya yang baik ialah saudara Lim Teong Kim, anak Malaysia telah pun menjadi ketua jurulatih skuad remaja Kelab Bayern Munich, Germany. Kesimpulannya ialah untuk melahirkan pemain-pemain yang berkualiti negara kita terlebih dahulu perlu melahirkan jurulatih-jurulatih yang berkualiti. Selain daripada itu, kehadiran pemain-pemain import di negara ini amatlah dialu-alukan. Namun begitu, kebanyakan pasukan mengambil pemain-pemain import untuk memantapkan bahagian serangan dan hasilnya pasukan negara tidak memiliki seorang penyerang yang setanding dengan Allahyarham Mokhtar Dahari.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan dari Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati, iaitu cadangan untuk mengemas kini bangunan dan kemudahan agar lebih

mesra pengguna kepada golongan OKU dan menyalurkan peruntukan kepada negeri bagi memajukan kemudahan sukan untuk golongan OKU. Kementerian amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator agar mengemas kini bangunan dan kemudahan agar lebih mesra pengguna kepada golongan OKU. Selaras dengan cadangan ini, kementerian berhasrat untuk mengubahsuai kompleks-kompleks sukan sedia ada di seluruh negara dengan ciri-ciri mesra OKU. Tindakan ini akan membolehkan atlet OKU dapat menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut untuk latihan sepanjang masa.

Dalam tempoh dari tahun 2001 hingga 2006, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM51.4 juta kepada pembangunan sukan OKU. Peruntukan tersebut termasuk pemberian insentif kemenangan, penganjuran aktiviti dan program sukan OKU, bantuan pentadbiran persatuan dan perbelanjaan penyertaan atlet OKU ke kejohanan dalam dan luar negeri. Peruntukan ini disalurkan kepada Majlis Paralimpik Malaysia, persatuan OKU peringkat kebangsaan dan sebagainya. Manakala peruntukan juga disalurkan untuk pembangunan sukan OKU di peringkat negeri melalui jabatan belia dan sukan negeri. Bagi tahun 2006, sejumlah RM2 juta telah diluluskan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim agar peruntukan kepada atlet OKU ini dilebihkan berbanding dengan atlet biasa kerana pencapaiannya yang lebih membanggakan. Memang dari segi pencapaian OKU di FESPIC, kita memperoleh 44 pingat emas. Kementerian mengambil maklum dan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim berkaitan peruntukan pembangunan atlet OKU. Memang dalam keadaan ideal, kementerian berhasrat untuk memberi peruntukan yang sama rata kepada atlet OKU dan atlet biasa. Namun demikian, perkara ini juga tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kepada kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid berhubung dengan pencapaian wanita dalam Sukan Asia di Doha amat membanggakan namun, pencapaian keseluruhan semakin merosot. Dicadangkan agar peruntukan disalurkan kepada negeri atau daerah bagi mencungkil bakat pemain-pemain muda di peringkat sekolah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian memang bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator iaitu kita dapat mencungkil lebih banyak bakat di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah mempunyai program-program mengenal pasti bakat-bakat muda yang melibatkan atlet wanita seperti Program Mencungkil Bakat Baru, Program Mencari Juara, Program Tunas Cemerlang dan Program Pelapis. Ini semua untuk memastikan...

Tuan Ismail kasim: Pohon laluan sebentar.

Dato' Liow Tiong Lai: ... Malaysia tidak akan ketandusan pelapis bakat baru.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Tuan Ismail Kasim.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat menyebut tentang mencungkil bakat baru di peringkat daerah, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian atas penganjuran Sukan Komuniti dengan penubuhan Kelab Sukan Komuniti di peringkat DUN-DUN dengan peruntukan yang diberikan sejumlah RM43,000 bagi setiap DUN yang melibatkan lapan sukan teras yang pada pandangan saya kalau di negeri saya, ia berjalan dengan lancar dan telah berjaya mencungkil bakat-bakat atlet-atlet muda seperti yang diharapkan oleh pihak kementerian.

Ini jelas terbukti dengan sebuah 'Kelab KSK Tabung Tulang' yang telah menjadi juara pertandingan bola sepak Liga Division 1 di peringkat negeri dan sekarang ini mewakili Negeri Perlis ke peringkat Piala FAM di peringkat pusat. Jadi, kita minta program seumpama ini diteruskan oleh pihak kementerian kerana dianggap telah mencapai kejayaan dan di samping menolong kelab-kelab yang ingin mencapai status terutama penyertaan di peringkat yang lebih tinggi Liga Perdana, Liga Super dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Liow Tiong Lai: Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kassim yang telah dapat membantu Kementerian Belia dan Sukan untuk menjayakan Liga Sukan Komuniti di peringkat daerah. Saya rasa inilah satu-satunya usaha yang kita dapat lihat telah pun mendapat sambutan yang begitu baik di seluruh negara di mana penglibatan rakyat yang begitu luas sekali. Kita juga berhasrat melalui Liga Sukan Komuniti ini kita dapat membudayakan sukan di kalangan rakyat. Selain daripada ini, pada tahun hadapan kita akan teruskan lagi Liga Sukan Komuniti ini dan kita harap kita juga dapat meningkatkan pertandingan antara daerah untuk meningkatkan lagi semangat di kalangan peserta-peserta di Liga Sukan Komuniti ini.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kita Jawatankuasa Kabinet Pembangunan sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengenal pasti bahawa *talent* ID program ini perlu dijalankan di peringkat sekolah-sekolah. Satu jawatankuasa bersama di antara Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pelajaran telah pun diwujudkan dan kita akan sama-sama melihat modulnya dan bagaimana kita hendak memperkasakan lagi sistem mengenal pasti bakat ini di peringkat sekolah rendah lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah sahaja soalan-soalan yang saya dapat.....

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Mohon laluan Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, sila.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyebut tentang kejayaan kita di Sukan Asia dengan memperoleh pingat emas sebanyak lapan, tetapi *target* yang sebenarnya adalah sembilan dan kalau tidak salah saya apabila selesai Sukan Asia di Busan, target kita adalah 12 pingat emas dan hari ini kita capai lapan. Bagi saya dan rakan-rakan yang membayar cukai ini, kita tahu duit yang dibelanjakan di Sukan Asia adalah duit dari pembayar-pembayar cukai semua rakyat Malaysia. Kita rasa ini

tidak membanggakan rakyat Malaysia terutama apabila sukan-sukan seperti memanah, menembak, tinju, angkat berat, satu pingat pun tidak dapat.

MOM, MSM dan juga hari ini kementerian pun cakap cemerlang tetapi bagi sayalah, setakat menang sorak kerana di Busan kita mengambil bahagian beberapa acara tidak seperti di Sukan Asia di mana lebih banyak atlet mengambil bahagian, lebih banyak acara tetapi hanya menang lapan. Jadi, bagaimana Yang Berhormat kata lebih cemerlang daripada Busan sedangkan kita dapat lapan dan saya merasakan apa yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi kita harus menggandakan usaha di masa akan datang supaya target kita, kalau kita sebut awal hendak 12 emas, kita hanya kejar 12 emas, orang ingat 12 emas, bukan orang ingat perak ataupun gangsa. Kita hanya mengejar emas bukan mengejar glamor seperti yang disebut oleh persatuan-persatuan yang saya sebut tadi.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita memang perlu menggandakan usaha kita, memang banyak ruang lagi untuk kita memantapkan lagi sukan dalam negara kita. Kalau kita lihat di Doha ini, 20 jenis sukan masuk ke peringkat *final*. Akhirnya kita hanya dapat lapan emas dan yang lainnya 17 perak. So, itu menunjukkan bahawa kita boleh, kalau kita berusaha gigih, ada lagi ruang untuk kita mendapat lebih daripada 12 emas sebenarnya dan memang Malaysia mempunyai potensinya kerana kita dapat lihat yang kita kalah pun ada seperti basikal dan juga gimnastik. Yang kalah pun dengan kalah yang tipis, kalah yang sedikit sahaja.

Oleh itu, saya rasa apabila kita berusaha dengan gigih di mana Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri memang cukup komited dalam usaha untuk membangkitkan semangat sukan dalam negara kita. Saya yakin, kerjasama. Yang penting sekarang adalah kerjasama dan juga komitmen daripada semua persatuan sukan tidak kira bola sepak atau hoki, renang, basikal. Semua persatuan-persatuan sukan ada rakan kongsi kementerian. Kementerian sendiri saya tidak boleh dapat majukan sukan, kalau tidak ada kerjasama daripada persatuan-persatuan sukan.

Saya yakin kerajaan boleh memberi peruntukan seperti yang dikatakan itu memang benar, duit kerajaan, duit rakyat. Kita sudah pun menggunakan dengan banyak, kalau kita lihat dari tahun 2002 sampai 2006, kita lepas Bursan kita sudah sedia kita punya atlet untuk Sukan Doha ini empat tahun, RM116 juta dan kita mengeluarkan peruntukan ini untuk membangunkan semua atlet ini selepas empat tahun, hasilnya lapan pingat emas 17 perak dan 17 gangsa. Saya hendak beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Sukan Doha ini, Sukan Asia ini merupakan satu kejohanan di mana kita akan membuat satu keputusan yang kritikal. Besok Menteri akan menghantar laporan ke Kabinet dan memang kita akan membuat satu keputusan yang penting untuk pembangunan sukan pada masa hadapan. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Sekarang Saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

4.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid yang mana beliau seorang sahaja membangkitkan satu isu di bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan sesama perbahasan bajet 2007. Berkaitan dengan pelaksanaan penguatkuasaan terhadap kegiatan GRO dan rumah-rumah urut di Kuala Lumpur khususnya di kawasan Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan perkhidmatan pegawai khidmat pelanggan atau GRO biasanya disediakan oleh premis hiburan yang menyediakan perniagaan karaoke dan tari-menari. Dalam melesenkan pusat hiburan ini, di bawah Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992 dan kaedah-kaedah hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1993. Syarat-syarat yang dikenakan adalah seperti berikut.

- (i) lesen mesti dipamerkan;
- (ii) tiada sebarang aktiviti hiburan lain yang boleh diadakan selain daripada aktiviti yang dinyatakan dalam lesen;
- (iii) had masa aktiviti hiburan adalah seperti mana yang dinyatakan di dalam lesen;
- (iv) keselamatan menuntut adalah tanggungjawab pelesen;
- (v) tidak dibenarkan sebarang aktiviti tidak bermoral dilakukan sama ada oleh pekerja atau pengunjung;
- (vi) tidak dibenarkan sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah sama ada oleh pekerja atau pengunjung;
- (vii) had umur pengunjung adalah 21 tahun dan ke atas;
- (viii) lesen akan dibatalkan jika terdapat bantahan yang munasabah; dan
- (ix) wang cagaran akan dilucutkan haknya jika berlaku pelanggaran syarat.

GRO adalah merupakan pekerja kepada sesuatu premis hiburan di mana mereka juga tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Dewan Bandar raya Kuala Lumpur. Oleh itu, mana-mana premis hiburan yang menawarkan GRO pelesen dikehendaki mendaftarkan nama GRO tersebut bagi memudahkan DBKL mengenakan sebarang tindakan sekiranya dikenal pasti berlaku salah laku di sesebuah premis hiburan.

Jika berlaku pelanggaran syarat lesen sama ada oleh GRO atau pelanggan ataupun oleh pemegang lesen sendiri, maka biasanya surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada pelesen

dan sebarang bentuk hukuman akan dirujuk untuk keputusan Jawatankuasa Pembatalan Lesen dan Premis. Walau bagaimanapun, pihak DBKL sentiasa menjalankan operasi bersepadu bersama dengan beberapa pihak agensi seperti berikut:

- (i) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan;
- (ii) Jabatan Pendaftaran;
- (iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (iv) Polis Diraja Malaysia;
- (v) Jabatan Imigresen; dan
- (vi) Jabatan Pelesenan.

Tujuan operasi dijalankan adalah untuk menguatkuasakan kesemua peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan jabatan dan agensi yang terlibat.

Berkaitan dengan aktiviti rumah urut, lesen juga dikeluarkan oleh DBKL yang mana syarat-syarat adalah seperti berikut:

- (i) mendaftarkan pekerja di sesebuah premis;
- (ii) aktiviti urut yang dijalankan di dalam bilik, pintu tidak boleh dikunci dari dalam dan mesti dipasang cermin sekurang-kurang 25% telus pandang bagi membolehkan aktiviti dilihat dari luar;
- (iii) mesti menggunakan katil khusus untuk aktiviti mengurut di mana penggunaan tilam yang diletak di atas lantai tanpa penggunaan katil adalah tidak dibenarkan; dan
- (iv) pengurut mesti mengemukakan laporan kesihatan bagi memastikan mereka sihat dan sesuai menjalankan kerja di premis urut.

Pihak DBKL dari masa ke semasa sentiasa membuat operasi pemeriksaan terhadap pematuhan syarat-syarat lesen. Mana-mana premis yang melanggar syarat lesen, surat tunjuk sebab akan dikeluarkan dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh DBKL melalui Jawatankuasa Pembatalan Lesen dan Premis. Bentuk hukuman yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) amaran, batal lesen dan premis;
- (ii) lucut hak ke atas wang cagaran;
- (iii) sitaan ke atas peralatan hiburan; dan juga
- (iv) tutup premis hiburan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menjawab.

4.53 ptg.**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang telah berucap membangkitkan beberapa isu serta cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2007 di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya kementerian ini amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Sektor tenaga – perjanjian TNB dengan penjana-penjana bebas (IPP). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang telah membangkitkan isu status Rundingan Perjanjian Tambahan Pembelian Tenaga atau *Supplementary Power Purchase Agreement*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersama-sama dengan Suruhanjaya Tenaga sedang memuktamadkan syarat-syarat rundingan dan meneruskan rundingan dengan IPP. Prinsip yang digunakan untuk menentukan asas rundingan adalah berbentuk *win-win*, dengan izin, bagi memastikan kepentingan semua pihak dijaga. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak IPP telah memberi maklum balas positif bagi mengadakan perjanjian tambahan tersebut.

Sektor air – projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mengenai syarat-syarat pinjaman yang dikenakan oleh JBIC dan pembabitan kontraktor tempatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maknanya mengikut penjelasan Yang Berhormat tadi hingga sekarang ini belum ada apa-apa perundingan lagi untuk menyelesaikan masalah tersebut? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini pihak kementerian dan Suruhanjaya Tenaga telah berjumpa beberapa kali dengan pihak IPP tetapi pada masa yang sama kami juga telah melantik konsultan-konsultan untuk memikirkan kaedah mekanisme bagaimana sesuai kerana bukanlah satu perkara yang mudah untuk meminta satu kontrak yang telah lama diadakan dan telah lama dipersetujukan untuk mengurangkan harga bayaran, maka sebab itu sebagaimana yang saya katakan tadi, pendekatan yang kita ambil

adalah supaya mereka juga tidak rugi dan pada masa yang sama tidak membebankan Tenaga Nasional dan pihak kerajaan, khususnya rakyat. Terima kasih.

Berhubung dengan sektor air, projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mengenai syarat-syarat pinjaman yang dikenakan oleh JBIC dan pembabitan kontraktor tempatan di dalam projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian pinjaman JBIC telah ditandatangani pada Mac 2005. Sungguhpun projek ini dibiayai melalui pinjaman JBIC, kerajaan adalah tidak terikat untuk melantik kontraktor-kontraktor pembinaan dari satu-satu negara. Sebaliknya pemilihan kontraktor-kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan akan dijalankan melalui kaedah *International Competitive Bidding* (ICB). Melalui kaedah ini, semua kontraktor dari mana-mana negara yang mempunyai kemahiran dan kemampuan termasuk juga kontraktor-kontraktor tempatan adalah layak dan akan dipelawa untuk menyertai pakej-pakej tender yang dijangka diiklankan pada pertengahan tahun 2007.

Proses penilaian pakej-pakej tender tersebut adalah berasaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan JBIC. Kementerian percaya peluang untuk kontraktor-kontraktor tempatan untuk terlibat dalam pelaksanaan projek ini amatlah cerah jika harga tawaran mereka adalah kompetitif.

Sektor komunikasi – pemantauan ke atas iklan-iklan di stesen TV tempatan...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi jawapan kepada perkara yang telah dibangkit. Tetapi mengikut pengalaman yang telah dilalui oleh kita di dalam penyelaras 'suraje' di Lembah Klang juga yang menggunakan JBIC ini, hanya segelintir sahaja kontraktor-kontraktor tempatan yang mendapat menyertai sama dalam kontrak-kontrak ini oleh kerana konsultan yang dilantik itu dan pinjaman ini merupakan daripada orang-orang Jepun.

Dan juga barang-barang apabila spesifikasi ini dibuat, merupakan barang-barang yang tidak ada pembuatnya di Malaysia dan terpaksa menggunakan barang-barang yang diimport daripada negara-negara Jepun khususnya. Inilah yang saya katakan, merugikan di dalam kita meminjam walhal dalam erti kata yang sebenarnya, kerja-kerja ini sememangnya akan diberi kepada kontraktor-kontraktor luar terutamanya kontraktor-kontraktor dari Jepun. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik kerana pengalaman beliau yang luas berhubung dengan industri pembinaan ini, maka

dengan itu kementerian ini mengamalkan satu sikap yang berhati-hati melalui pengalaman yang sudah-sudah, maka dengan itu kementerian ini pada masa ini dalam peringkat memutuskan pelantikan juru perunding kerana kementerian ini juga tidak mahu sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan tadi, apabila diadakan tawaran tender nanti, spesifikasi yang ditentukan oleh juru perunding-juru perunding yang dilantik nanti hanya menepati negara-negara tertentu. Maka dengan itu kementerian mengambil perhatian dan amat peka tentang masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan sebentar tadi.

Sektor komunikasi – pemantauan ke atas iklan-iklan di stesen TV tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Abbas Alhabshee mengenai pemantauan ke atas iklan-iklan di stesen-stesen TV tempatan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) selaku badan kawal selia industri komunikasi dan multimedia sentiasa memantau iklan-iklan yang disiarkan oleh stesen TV swasta. Stesen-stesen TV swasta adalah terikat dengan kod kandungan komunikasi dan multimedia dan perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Penapisan Filem 1952 dan Akta FINAS 1981.

Berdasarkan syarat khas lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan *content application service provider*, semua bahan kandungan termasuk filem dan iklan sama ada tempatan atau luar negara, perlu melalui proses tapisan dan mendapat Sijil Kelulusan Tayangan dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebelum ianya ditayangkan kepada umum.

Iklan-iklan yang disiarkan oleh stesen TV swasta seperti iklan payudara *pretty women*, dengan izin di NTV7 telah pun melalui proses tapisan dan memperoleh Sijil Kelulusan Tayangan dari LPF. Kegagalan untuk mendapat sijil penapisan LPF adalah kesalahan yang dianggap serius dan tindakan undang-undang termasuk penggantungan atau pembatalan lesen boleh diambil oleh SKMM di bawah seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Aktiviti pemantauan kandungan sememangnya dilaksanakan secara berterusan oleh SKMM yang bekerjasama rapat dengan LPF serta agensi kerajaan yang lain. Di samping itu kementerian melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Awam dan Swasta dan dianggotai oleh 13 agensi kerajaan termasuk Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan dan Kesenian dan Warisan juga memainkan peranan dalam kerja-kerja memantau, menyelaras serta mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani isu-isu semasa berhubung dengan penyiaran.

Mekanisme pemantauan di peringkat kementerian ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2004. Selain daripada itu, stesen-stesen TV swasta juga perlu mematuhi syarat-syarat lesen di mana mereka dikehendaki menyiarkan kandungan yang mempromosikan budaya dan identiti Malaysia serta memberi penekanan kepada aspek-aspek pembangunan insan dan aspirasi

negara. Penyiaran iklan tanpa Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Tempatan (MIM). Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya tentang *Made in Malaysia Certificate* (MIM), dengan izin kerana ada di antara iklan-iklan yang disiarkan tidak melalui FINAS dan tidak mendapat kelulusan daripada FINAS iaitu *certificate* MIM. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Saya sebenarnya sedang menyentuh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin telah menyatakan bahawa terdapat iklan-iklan yang disiarkan tanpa mendapat Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Tempatan (MIM). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan terhadap iklan-iklan tempatan yang tidak mempunyai akuan filem iklan buatan tempatan MIM, dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), adalah di bawah bidang kuasa bahagian pelesenan dan penguatkuasaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA).

Yang Berhormat menanyakan bagaimana iklan-iklan itu tidak mempunyai sijil MIM ini. Suka saya jelaskan kepada Yang Berhormat, bagi pihak kementerian ini hanya mempunyai kuasa sekiranya mana-mana iklan yang ditayangkan itu tidak mempunyai sijil A yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Berhubung dengan sama ada mereka mempunyai MIM atau tidak, terpulanglah kepada FINAS.

Walau bagaimanapun, pada hari ini satu garis panduan sedang dirangka oleh kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Penerangan dan KEKWA berhubung dengan garis panduan iklan dan siaran TV untuk dibentangkan tidak lama lagi. Itu penjelasan yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, SKMM akan mengambil tindakan terhadap stesen TV swasta jika kandungan yang disiarkan sama ada filem atau iklan terbitan tempatan atau dari luar negara tidak melalui proses tapisan dan memperoleh Sijil Kelulusan Tayangan dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebelum ditayangkan kepada umum. Ini adalah selaras dengan syarat lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan.

Pemindahan semula peranan dan tanggungjawab stesen...

Tuan M. Munusamy: Laluan, pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak tahu adakah kementerian ambil tindakan atas stesen-stesen swasta yang telah melanggar undang-undang yang tidak mendapat kelulusan yang sebenar-benarnya mereka perlu dapatkan?.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat M. Munusamy. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pasti akan mengambil tindakan kepada mana-mana stesen swasta ataupun radio swasta yang tidak menyiarkan program TV ataupun tidak memenuhi syarat-syarat lesen. Pernah satu ketika satu stesen TV swasta dia menyiarkan iklan minuman

keras apabila menyangkan satu siaran langsung bola sepak, maka satu penalti, satu denda yang amat berat telah dikenakan kepada stesen TV swasta ini. Ini menunjukkan bagaimana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini tidak mengamalkan sikap pilih kasih jika mereka melangkaui peraturan yang ada, maka tindakan pasti diambil pada mana-mana stesen TV swasta.

Pemindahan semula peranan dan tanggungjawab stesen TV swasta kepada Kementerian Penerangan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dari Haji Mohd Puad bin Zakarshi pula telah mencadangkan agar peranan dan tanggungjawab stesen TV diletakkan semula di bawah Kementerian Penerangan memandangkan kementerian tersebut memegang dasar berkenaan penyiaran.

Manakala Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menyarankan agar tugas kawal selia dan pemberian lesen badan penyiaran swasta diselaraskan di bawah Kementerian Penerangan bagi mengelakkan pertindihan fungsi dengan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk memindahkan semula peranan dan tanggungjawab terhadap stesen TV swasta dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), kepada Kementerian Penerangan, pernah dikemukakan kepada kerajaan pada 12 Julai 2005. Namun kerajaan telah memutuskan bahawa Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi terus mengekalkan peranan dan tanggungjawabnya dalam membangun dan mengawal selia industri komunikasi dan multimedia selaras dengan matlamat AKM 1998.

Sesungguhnya tiada pertindihan bidang kuasa di antara Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dalam melaksanakan penyelarasan dan mengawal selia industri penyiaran. Ini jelas kerana fungsi penyelarasan kawal selia industri penyiaran swasta dilaksanakan melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan di letakkan di bawah tanggungjawab KTAK dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sebagai badan kawal selia untuk membangunkan industri komunikasi dan penyiaran swasta.

AKM 98 telah digubal berdasarkan kajian menyeluruh terhadap perkembangan industri komunikasi dan multimedia negara di mana teknologi komunikasi dan pengkomputeran dan penyiaran telah menjurus ke arah percantuman atau *conversion* dengan satu media elektronik berikutan perkembangan pesat teknologi pendigitalan. Pengenalanan ke atas AKM 98 ini telah dengan sendirinya memansuhkan Akta Komunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988 yang dahulunya berkuat kuasa mengawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.

AKM 98, tidak hanya tertumpu kepada bidang penyiaran di TV sahaja tetapi merangkumi semua aspek penyiaran yang dapat disalurkan melalui peralatan elektronik termasuk televisyen, radio, internet dan juga telefon bimbit. Proses percantuman teknologi ini menjadikan kandungan yang sama boleh disiarkan melalui pelbagai medium dan pemantauan kandungan tidak hanya terhad kepada kandungan di televisyen sahaja.

Kandungan TV swasta ini di kawal selia menerusi beberapa syarat lesen termasuk mewajibkan tapisan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebagaimana yang dilaksanakan terhadap kandungan yang disiarkan oleh radio, televisyen Malaysia, RTM juga.

Penyalahgunaan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS). Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad mengenai penyalahgunaan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS), pihak kerajaan sentiasa memantau budaya tidak sihat yang boleh membahayakan keselamatan negara. Gejala-gejala negatif yang mempengaruhi kehidupan masyarakat seperti memfitnah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya.

Pihak kementerian bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengambil beberapa pendekatan dan langkah bagi menyekat penyalahgunaan alat-alat telekomunikasi multimedia untuk penyebaran SMS yang tidak berasas dan berunsur negatif termasuk mendapatkan kerjasama pihak syarikat pemberi perkhidmatan dan pihak berkuasa apabila diperlukan untuk siasatan kes yang melibatkan SMS yang berunsur jenayah, menubuhkan pusat aduan di SKMM, menganjurkan program kesedaran dan mendaftar pengguna-pengguna telefon bimbit yang menggunakan kad prabayar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran pengguna perkhidmatan telefon pra bayar sedia ada telah selesai pada 15 Disember 2006. Sehingga tarikh tutup pendaftaran pada 15 Disember 2006 yang lalu sejumlah 17.6 juta pengguna atau 90% daripada pengguna telah pun mendaftar dengan pemberi perkhidmatan masing-masing. Proses pendaftaran ini akan dapat membantu agensi penguatkuasaan undang-undang di dalam siasatan ke atas kes-kes penyalahgunaan telefon selular serta mengesan identiti pemilik nombor telefon yang salah digunakan. Pihak berkuasa akan menjalankan siasatan ke atas setiap aduan mengenai penghantaran SMS sebegini dan mendapatkan segala bukti termasuk identiti pemilik nombor telefon yang disalahgunakan. Pada masa ini SKMM sedang menjalankan siasatan ke atas 23 aduan mengenai penyalahgunaan perkhidmatan pra bayar. Kes-kes ini belum selesai memandangkan kesukaran untuk mengesan pengguna yang tidak berdaftar. Adalah diharapkan dengan pendaftaran pengguna perkhidmatan pra bayar pengguna yang terlibat akan dapat dikesan dan kes-kes tersebut dapat diselesaikan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat laluan. Yang Berhormat saya membangkitkan tentang pendaftaran kad pra bayar ini sebab saya juga mendaftar. Kebetulan saya ada satu kad pra bayar, tetapi bila saya kebetulan saya tersalah pergi tempat yang Maxis. Bila hendak daftar memang dia minta IC. Sebenarnya saya hendak mendaftar di Celcom, tetapi bila saya pergi ke kedai Celcom dia suruh saya pergi satu table isi borang. Bila saya sudah isi, dia suruh letak satu meja lain. Dia kata selesai. Dia tidak ambil pun saya punya IC, dia tidak tengok pun masa saya mengisi dan sebagainya. Jadi saya rasa ini akan menyebabkan akan berlaku juga penipuan dari segi pendaftaran. Jadi apa tindakan kementerian?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Dato Zarkashi. Walaupun mungkin perkara-perkara tersebut berlaku tetapi bagi pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.. Dr Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta maaf. Bagi pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kita berurusan dengan pihak pendaftaran negara dan kita juga membuat penyiasatan supaya ada *tally* pendaftaran itu pengguna yang didaftarkan dengan nama-nama yang ada di pendaftaran negara supaya tidak berlaku kesilapan-kesilapan atau mana-mana pihak menggunakan IC lain ketika membuat pendaftaran. Ini yang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya mengelakkan penipuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya berikan untuk sesi kali ini. Mana-mana soalan yang saya tidak sempat jawab saya pohon maaf. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan sentiasa mengambil maklum tentang segala isu dan cadangan yang telah dibangkitkan dan seterusnya akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah yang berkaitan untuk faedah rakyat dan kepentingan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas apa jawapan yang diberi.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, sebelum memulakan menjawab perbahasaan Bajet 2007 saya ingin mencadangkan satu usul. Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua giliran menjawab ke atas perbahasaan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok 20 Disember 2006.”

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua mewakili Kementerian Kewangan untuk menggulung perbahasaan Bajet 2007.

5.16 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2007. Sepanjang perbahasan banyak perkara dan isu telah dibangkitkan dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan saranan dan cadangan yang bersesuaian untuk faedah setiap rakyat. Bajet 2007 merupakan satu pelan tindakan ke arah melaksanakan misi nasional bagi merealisasikan Wawasan 2020. Oleh itu adalah penting semua strategi, semua program, semua projek dalam Bajet 2007 dilaksanakan sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah meminta kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan ekonomi negara kukuh? Ekonomi negara kukuh seperti yang dinyatakan semasa pembentangan Bajet 2007. Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi negara memang kukuh. Kita melihat kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 6% untuk tiga suku pertama 2006. Kecergasan aktiviti ekonomi adalah didorong oleh pertumbuhan cergas bukan sahaja satu atau dua sektor semua sektor. Sektor perkhidmatan meningkat 6.3%, sektor pembuatan meningkat 8%, sektor pertanian meningkat 6.4%. Di dalam sektor perkhidmatan, prestasi sektor kewangan yang meningkat 6.7% untuk tiga suku pertama. Dapat dilihat oleh prestasi bursa saham yang telah melonjak naik. Aktiviti sektor pembuatan yang kukuh dapat dilihat pada prestasi eksport barangan pembuatan dengan eksport elektrik dan elektronik yang meningkat 8.2% dan barangan bukan elektronik juga meningkat setinggi kadar 18.2% untuk tempoh Januari sehingga bulan September 2006. Indeks pengeluaran sektor pembuatan juga meningkat pada kadar 6.9% dengan industri berorientasi eksport meningkat 9.1% pada tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kecergasan sektor pertanian pula disumbangkan oleh prestasi begitu baik sektor getah dan sektor kelapa sawit. Tanaman getah mencatatkan pertumbuhan 12.7% dan kelapa sawit 4.5% untuk tiga suku pertama tahun ini. Harga kelapa sawit telah meningkat kepada RM1,893.50 setan iaitu paras tertinggi dalam tempoh dua tahun. Harga getah juga berada pada paras yang tinggi iaitu pada purata RM7.20 sekilogram untuk Januari sehingga November 2006. Dengan harga komoditi yang lebih tinggi terutama getah dan kelapa sawit telah membantu meningkatkan pendapatan kira-kira 500,000 pekebun kecil. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pekebun kecil getah dengan purata kebun seluas 5.6 hektar sebagai misalan memperoleh pendapatan RM3800 sebulan pada tahun ini berbanding dengan hanya RM2,500 pada tahun 2005. Petunjuk-petunjuk ekonomi utama yang lain juga menunjukkan prestasi yang baik iaitu indeks harga pengguna berada pada kadar pada paras 3.1% untuk bulan Oktober ini dan ini adalah paras terendah sejak bulan Ogos 2005.

Kerajaan juga memastikan paras harga barangan keperluan terus stabil dan tidak membebankan rakyat. Kerajaan juga tidak menaikkan harga runcit produk petroleum seperti petrol, diesel dan gas walau pun harga minyak dunia terus naik.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu mengumumkan kenaikan harga minyak dan gas termasuk LPG pada 28 Februari 2006. Kerajaan telah berjanji yang harga tidak akan dinaikkan lagi sehingga akhir tahun ini. Walau pun harga minyak telah dinaikkan, sebenarnya kerajaan terus menanggung subsidi yang besar kerana harga minyak mentah dunia telah meningkat dengan banyak iaitu dari USD 58 pada bulan Februari tahun ini satu tong hingga USD74.38 satu tong pada bulan Julai ini. Malahan pada 18 September harga minyak mentah masih pada paras lebih daripada USD 58 iaitu pada paras USD62 iaitu masih tinggi daripada masa harga minyak dinaikkan tempoh hari.

Dengan andaian kadar subsidi dan pengecualian cukai bulan November 2006, kekal sehingga hujung tahun ini jumlah subsidi dan pengecualian cukai yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan bagi tahun 2006 adalah di anggarkan sebanyak RM16 bilion berbanding dengan hanya RM12.9 bilion yang dianggarkan pada masa harga minyak gas dinaikkan pada bulan Februari 2006.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kenyataan yang menggembirakan ialah berhubung dengan jawatan-jawatan kosong yang kini wujud dalam sistem ekonomi kita. Pada masa ini jawatan kosong yang wujud ialah 86,806 jawatan kosong wujud untuk dipenuhi oleh rakyat Malaysia dan kadar jumlah graduan menganggur telah berkurangan dari 63,100 pada bulan Jun 2006 kepada hanya 25,207 graduan menganggur pada bulan Oktober.

Tuan Yang di-Pertua, peranan aktif kerajaan dalam meningkatkan aktiviti ekonomi tidak menjejaskan usaha konsolidasi fizikal berikutan prestasi ekonomi yang kukuh. Hasil kerajaan telah meningkat daripada RM120 bilion berbanding dengan hanya RM114 bilion pada tahun dahulu. Juga perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah perbelanjaan mengurus untuk perbelanjaan emolumen, bayaran khidmat hutang, perbelanjaan memberi tumpuan ke atas program dan projek yang bertujuan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

Kerajaan juga memberi keutamaan untuk membina kapasiti dari segi infrastruktur dan dari segi utiliti pembangunan luar bandar dan pertanian serta pembangunan modal insan. Perbelanjaan kerajaan telah dapat membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi.

Sebagai contoh, pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam lebih dikenali sebagai PIA dan Projek Infrastruktur Asas yang lebih dikenali sebagai PIAS pada tahun ini telah memberi manfaat kepada 30,230 kontraktor kelas F dengan nilai kontrak sebanyak RM1.1 bilion. Ini setakat 8 Disember 2006. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya ekonomi negara berada pada tahap yang baik untuk tahun 2006 dan insya-Allah prospek 2007 juga dijangka kekal baik.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai kebajikan keluarga yang mempunyai anak-anak kecil telah mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya diberi pelepasan cukai kepada anak-anak kecil bagi mengurangkan beban tanggungan ibu bapa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang prihatin kepada golongan ini dan pelepasan cukai bagi anak sebelum ini adalah sebanyak RM800 dan ini telah dinaikkan kepada RM1,000 mulai tahun 2004. Jumlah ini tidak mengambil kira sama ada anak itu kecil atau tidak, ia adalah bagi setiap orang anak yang belum kahwin dan berumur di bawah 18 tahun.

Selain daripada pelepasan cukai kepada anak, Ahli Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan supaya kerajaan menaikkan pelepasan cukai sebanyak RM6,000 ke atas caruman KWSP dan skim insurans bagi menggalakkan budaya menabung.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pelepasan bagi caruman KWSP dan insurans telah dinaikkan dari RM5,000 kepada RM6,000 mulai tahun 2005 dan berhubung dengan insurans selain daripada jumlah pelepasan RM6,000 kerajaan juga telah menambah lagi pelepasan cukai iaitu RM3,000 bagi insurans pendidikan dan manfaat perubatan serta RM1,000 untuk premium anuiti melalui skim anuiti KWSP. Oleh itu, bagi menggalakkan tabungan, pelepasan cukai telah pun diberi sehingga RM10,000.

Ahli Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan supaya dikecualikan cukai ke atas Elaun Sara Hidup (COLA) kerana kos sara hidup yang semakin tinggi. Saya sukacita memaklumkan di sini bahawa elaun sara hidup yang diterima oleh kakitangan awam akan dikecualikan dari cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2006.

Masalah merokok di kalangan remaja dan pelajar telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan beliau telah mencadangkan supaya ianya dikawal dengan mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi supaya harga rokok menjadi lebih mahal dan tidak mampu dibeli oleh pelajar atau remaja. Pandangan Ahli Yang Berhormat adalah baik dan Kementerian Kewangan mengambil perhatian akan perkara yang dibangkitkan tersebut.

Ahli Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan supaya dipermudahkan pinjaman untuk sektor pertanian di luar bandar dan maklumat mengenai kemudahan pinjaman perlu disebarikan kepada petani-petani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi perbankan dan Bank Pertanian Malaysia merupakan pemberi pinjaman utama kepada sektor pertanian dan asas tani. Sehingga 30 September 2006, jumlah pinjaman terkumpul institusi perbankan kepada sektor pertanian dan asas tani adalah berjumlah RM21.1 bilion atau 9% jumlah pinjaman perniagaan sektor perbankan.

Manakala setakat perkara itu juga jumlah pinjaman terkumpul Bank Pertanian bagi sektor pertanian dan asas tani adalah berjumlah RM3.4 bilion.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 September 2006, jumlah pinjaman terkumpul Bank Pertanian bagi sektor pertanian dan asas tani adalah berjumlah RM3.4 bilion di mana 72.5% adalah pinjaman kepada individu iaitu pertanian kecil dan 38.4% adalah pinjaman kurang dari RM100,000. Selain daripada pinjaman institusi kewangan, kerajaan juga telah menubuhkan tabung untuk makanan bagi membantu petani dan usahawan yang terlibat dalam sektor pertanian dan makanan.

Dalam bajet 2007, peruntukan bagi tabung untuk makanan telah dipertingkatkan sebanyak RM300 juta dan setakat 30 September tahun ini sebanyak 10,264 permohonan berjumlah RM1.8 bilion telah diluluskan di bawah tabung ini. Institusi perbankan melalui lebih daripada 3,000 cawangan dan Bank Pertanian Malaysia melalui 174 cawangan di serata pelosok negara telah menyediakan maklumat mengenai pakej pinjaman institusi masing-masing untuk kemudahan orang ramai khususnya golongan petani.

Kesusahan usahawan kecil untuk mendapat pinjaman bank telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan isu ini adalah suatu isu yang penting dan kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu usahawan kecil mendapat pinjaman dari bank. Kerajaan akan sentiasa memberi ingatan dan memantau bank-bank dan syarikat-syarikat pinjaman yang terlibat dalam hal ini.

Setakat sehingga 30 Oktober 2006, jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS dari bank-bank adalah berjumlah RM102.8 bilion iaitu mencakupi 44.3% dari jumlah pinjaman perniagaan sektor perbankan iaitu hampir separuh dari pinjaman yang diberi oleh bank-bank kepada *client*, kepada *public* dari segi pinjaman perniagaan adalah pada PKS. Antara produk perbankan yang ditawarkan kepada PKS termasuk produk dan skim khas bagi pinjaman mikro, pinjaman tanpa cagaran dan kemudahan Al-Rahnu kepada peniaga kecil dan individu.

Bagi menggalakkan lagi perkembangan PKS, satu unit khas yang menumpukan kepada usaha tersebut telah ditubuhkan di semua bank perdagangan. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk khidmat nasihat kewangan bagi melengkapi sektor perbankan dalam menyediakan pembiayaan kepada PKS, SME Bank telah ditubuhkan dan semenjak menjalankan operasi pada bulan Oktober 2005, sebanyak RM1.8 bilion telah dipinjamkan oleh SME Bank kepada 1,295 peminjam PKS.

Mengenai dana-dana bagi membantu PKS yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat 85 buah tabung kewangan dengan peruntukan sebanyak RM25 bilion yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu PKS. Tabung-tabung tersebut diuruskan oleh agensi-agensinya kerajaan

dan sebahagiannya ditempatkan di institusi kewangan pembangunan seperti SME Bank, Bank Pembangunan dan Bank Pertanian.

Memandangkan bahawa institusi kewangan ini mempunyai cawangan di serata pelosok negara, usaha lebih mudah mengekses kepada tabung-tabung tersebut dapat dilaksanakan. Kemudahan pinjaman kad kredit yang ditawarkan oleh bank juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya diketatkan lagi syarat-syarat pemilikan kad kredit bagi mengelakkan masalah kemiskinan.

Saya bersetuju dengan cadangan ini dan kerajaan akan sentiasa memantau perkara ini dan kita akan memastikan bahawa kad kredit tidak disalah gunakan dan tidak digunakan untuk berbelanja secara berlebihan dan hanya digunakan sebagai satu kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada permohonan kad kredit yang diterima, didapati hanya 47.8% kurang daripada 50% daripada 4 juta permohonan diluluskan oleh pihak pengeluar kad pada akhir suku ketiga tahun 2006. Ini bererti bahawa lebih daripada separuh yang ingin memiliki kad kredit tidak dapat memiliki sebab mereka tidak layak dari segi beberapa kriteria yang ditetapkan oleh pihak pengeluar kad kredit.

Walau pun jumlah perbelanjaan menggunakan kad kredit telah meningkat, memang telah meningkat sebanyak 17.3% daripada RM34.9 bilion dalam tahun 2004 kepada RM40.9 bilion dalam tahun 2005, 60% daripada jumlah nilai urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya dan ini menggambarkan majoriti pemegang kad kredit menggunakan kad tersebut sebagai alat yang mudah dan selesa untuk membuat pembayaran dan bukannya menggunakan sebagai sumber.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah mengenai penggunaan kad kredit, sehingga kini saya difahamkan bahawa Bank Islam menggunakan kad kredit berasaskan cara Islam. Ini agak pelik berbanding dengan galakan kerajaan terhadap sistem perbankan Islam di semua bank di seluruh Malaysia tetapi untuk penggunaan kad kredit, hanya sistem konvensional yang diperkenalkan oleh pihak bank, jadi adakah pihak kerajaan juga menggalakkan sistem Islam juga dikenakan dalam sistem kad kredit selain daripada Bank Islam.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Puan Mumtaz. Kad kredit adalah suatu kemudahan yang digunakan oleh pelanggan bank dan adalah suatu perkara atau suatu kenyataan yang dapat kita gembirakan bahawa sebuah bank di Malaysia dapat mewujudkan kad kredit secara Islam.

Perkara ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua, sebab kad kredit pada biasanya adalah suatu kemudahan pinjaman dan peminjaman ini selalunya dalam banyak perkara adalah untuk kegunaan *consumption and production* dan biasanya sistem perbankan Islam mempunyai

matlamat untuk menggalakkan kemudahan kredit untuk *production* bukan untuk *consumption*. Itu yang asas dalam sistem perbankan Islam.

Sungguh pun demikian, memandangkan bahawa pada zaman moden ini, banyak juga *credit consumption* telah wujud, dan banyak bank telah mengeluarkan kad kredit adalah kelemahan sekiranya bank-bank Islam tidak juga dapat mengeluarkan kad kredit.

Dalam perkara ini bank-bank di Malaysia khususnya telah mendapat persetujuan ulama kita untuk membentuk kad kredit dengan sedemikian rupa supaya menepati syarat-syarat syariah dan kad kredit, alhamdulillah telah diwujudkan dan kerajaan tidak ada halangan kepada bank-bank lain atau subsidiari-subsidiari dalam bidang kewangan Islam untuk mengeluarkan kad kredit secara Islam. Saya yakin dalam tempoh terdekat, bank-bank yang lain juga akan mengeluarkan kad-kad kredit secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bertanya Menteri Kewangan II. Kerajaan telah memberikan kebenaran kepada satu bank antarabangsa daripada Arab Saudi yang bernama Al-Rajhi. Selain daripada Bank Islam adakah bank yang dianggap terbesar di dunia ini mengikut aset dan simpanannya turut sama menawarkan kad kredit yang mengikut kaedah-kaedah dan prinsip syariah.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid, selain dari Bank Al-Rajhi juga terdapat di Malaysia bank-bank antarabangsa yang lain yang berurus niaga secara Islam termasuk Kuwait Finance House. Kita yakin bahawa bank-bank ini akan mengeluarkan kad-kad kredit Islam. Tetapi yang lebih penting bagi kita ialah bank-bank tempatan yang mempunyai kaunter Islam yang begitu besar seperti Maybank, RHB Bank dan juga Hong Leong Bank. Semua bank mempunyai kaunter-kaunter Islam dan mereka boleh juga mengeluarkan kad kredit secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman tidak berbayar (*non performing loan*) bagi kad kredit masih lagi terkawal dan telah pun menurun kepada 3.46% daripada jumlah baki tertunggak kad kredit pada akhir suku ketiga 2006 berbanding dengan 16.12%. Kini hanya 3.46% berbanding dengan 16.12% bagi tempoh tahun 1998 semasa krisis kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah juga telah memberi pandangan tentang CTOS. CTOS ini ialah sebuah syarikat yang mengeluarkan maklumat-maklumat tentang peminjam-peminjam dan ada juga *complaint* yang dibuat bahawa banyak maklumat yang diberikan oleh CTOS adalah tidak benar. Mereka tidak dapat mengemaskinikan maklumat sehingga maklumat-maklumat yang diberi yang digunakan oleh bank adalah tidak tepat.

Saya sendiri telah memanggil satu mesyuarat dengan semua ketua-ketua eksekutif bank dan telah mengarahkan mereka supaya tidak lagi menggunakan CTOS sebagai satu *guideline/source* untuk membuat keputusan berhubung pinjaman dan semua bank telah

bersetuju mereka tidak akan menggunakan CTOS sebagai satu sumber untuk menetapkan sama ada seseorang itu harus diberikan pinjaman atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewujudkan sistem perbankan Islam yang lebih dinamik, Ahli Yang Berhormat Senator Mumtaz Md. Nawi telah mengemukakan beberapa cadangan dan kita terima baik cadangan-cadangan ini dan kita akan mengkaji cadangan-cadangan yang diberikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjalan begitu jauh dalam sistem perbankan Islam. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kita adalah negara yang mula-mula cuba untuk melaksanakan sistem perbankan Islam dalam tahun 1981, lebih 25 tahun yang lalu. Pada masa kita cuba untuk melaksanakan sistem perbankan Islam tidak ada negara lain termasuk negara-negara Arab yang berani cuba untuk melaksanakan sistem ini. Mereka menganggap, satu dunia menganggap sistem perbankan Islam sebagai satu sistem yang begitu eksotik dan jika dilaksanakan boleh dengan izin, *upset the apple cart*.

Negara-negara Arab, Saudi Arabia, Oman dan lain-lain tidak berani langsung tetapi kita berani. Negara kita berani, kerajaan berani. Kita cuba secara kecil-kecilan. Kita menubuhkan hanya satu bank yang diberi nama Bank Islam Malaysia dan dalam tempoh 10 tahun itu kita hanya menghadkan bilangan kepada satu bank tetapi kita mula cuba memperbanyakkan produk-produk Islam. Dalam tempoh 10 tahun itu dari tahun 1983 hingga 1993 sudah terwujud di Malaysia 20 produk perbankan Islam yang dapat dinikmati oleh pelbagai pihak di Malaysia.

Pada akhir tahun 1993 iaitu selepas 10 tahun bila sudah wujud lebih kurang 20 produk perbankan Islam kita mula fikir sama ada kita harus mewujudkan lebih banyak bank Islam dan sama ada kita harus membenarkan bank luar masuk membuka cawangan di bank-bank di sini, cawangan bank-bank Islam ataupun untuk membenarkan bank-bank di sini untuk membuka subsidiari perbankan Islam.

Tetapi pada masa itu kita fikir, kalau kita membenarkan cawangan-cawangan dibuka, itu akan melibatkan kos yang banyak. Sebab untuk membuka satu cawangan kosnya ialah sebanyak RM250,00 dan juga pada masa itu kita tidak mempunyai profesional yang mahir dalam bidang perbankan Islam. Jadi kita fikir kita mesti cari satu kaedah yang *out of the box* untuk mewujudkan satu sistem perbankan Islam di Malaysia dengan sedemikian rupa supaya tidak melibatkan kos langsung dan sistem yang kita pilih ialah untuk membenarkan semua bank konvensional untuk membuka *Islamic window*.

Jadi, dengan izin *a stroke of the pen*, kita telah mewujudkan rangkaian sistem perbankan Islam di seluruh negara dari Perlis ke Johor Bahru, Sabah dan Sarawak di mana bank-bank konvensional dengan serta-merta telah membuka *Islamic window* dan bukan sahaja bank-bank tempatan yang buka *Islamic window* tetapi bank-bank luar negeri yang berurusan di sini seperti Standard Chartered Bank cepat-cepat membuka cawangan.

Dalam beberapa bulan sahaja selepas diumumkan banyak cawangan telah wujud dan dalam tempoh lebih kurang 10 tahun kemudian kita telah membangunkan sistem perbankan Islam, kita telah mewujudkan bon-bon Islam. Kita adalah negara pertama di dunia yang telah mengeluarkan Sukuk secara Islam, negara pertama yang telah mewujudkan pasaran kewangan secara Islam.

Kini sudah sampai masanya kita juga membenarkan bank-bank luar masuk sebab kita sudah ada satu sistem yang begitu kukuh, satu infrastruktur yang begitu kukuh, satu rangkaian cawangan yang begitu sofistikated dan canggih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia Islam dan Islam ini boleh dianggap sebagai negara-negara yang menganggotai OIC, yang kini bilangannya 57 negara. 57 buah negara yang dianggap sebagai dunia Islam ini boleh dibahagikan kepada 4 kategori dalam aspek perbankan Islam.

Kategori I - mereka yang sungguhpun negara Islam tidak mempunyai langsung perbankan Islam. Ada juga negara-negara yang tidak mempunyai bank Islam;

Kategori II - negara yang hanya mempunyai sistem perbankan Islam, mungkin Sudan tetapi sistemnya tidak canggih langsung, *simple*.

Kebanyakan negara dalam dunia Islam ini mempunyai Sistem Perbankan Islam tetapi hanya wujud dalam pinggir sistem kewangan, bukan sebagai *mainstream*, sebagai hanya di pinggir. Negara-negara dalam kategori ini mewujudkan perbankan Islam tetapi sistem perbankan *mainstream* hanya sistem konvensional. Hanya satu, dua bank Islam diwujudkan untuk memenuhi keperluan mereka yang ingin berurusan dengan satu sistem yang menepati syariat Islam.

Hanya dalam 57 negara, hanya Malaysia, satu-satu negara mempunyai satu sistem yang diberi nama *dual system*, iaitu kita mempunyai sistem konvensional dan juga Sistem Perbankan Islam. Dua-dua sistem ini adalah dalam *mainstream*. Dua-dua sistem ini adalah canggih, sofistikated, mempunyai rangkaian, cawangan yang banyak dan Sistem Perbankan Islam itu sendiri sekarang mempunyai aset sebanyak RM122 bilion. RM122 bilion aset di Malaysia ini adalah sistem aset Islam dan telah menguasai lebih kurang 12% jumlah aset di negara ini dan masih meningkat.

Jadi, ini adalah satu perkara yang kita harus sedar bahawa kita telah berjaya dalam mewujudkan satu Sistem Perbankan Islam dan banyak negara lain telah ikut, mencontohi kita. Negara-negara bukan Islam juga sekarang ingin ikut langkah kita, termasuk jiran kita sebelah sana, di Singapura, ingin juga menjadi satu negara, satu pusat perkhidmatan Islam. Tetapi oleh kerana kita negara Islam, kita mempunyai kelebihan. Kita juga mempunyai kelebihan dari segi waktu, sebab kita sudah mula 25 tahun dahulu, mereka hanya bermula sekarang. Yang penting sekali sungguhpun kita mempunyai kelebihan dari segi waktu dan dari segi geografi, kita tidak boleh *completion*, sebab negara lain sudah sedar tentang kelebihan sistem perbankan Islam dan

kita harus juga meningkatkan keupayaan kita, harus meningkatkan kecanggihan produk-produk kita supaya kita dapat pada setiap masa mendahului mereka yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar telah membangkitkan keperluan perolehan kerajaan dilakukan secara tender. Kerajaan akan memastikan banyak tender dikeluarkan. Kita semua sedia maklum bahawa kerajaan telah mengumumkan senarai 88 projek pembangunan baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang berjumlah RM15 bilion yang akan dilaksanakan melalui proses tender.

Mungkin ada soalan-soalan lain yang saya tidak sempat jawab, tetapi semua teguran, semua saranan akan diberi tumpuan oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dewan Negara berpuas hati dan berbangga yang menggulung perbahasan mengenai bajet ialah anggota Dewan Negara sendiri, [*Tepuk*] dan mengucapkan terima kasih kerana Kementerian Kewangan hampir-hampir *full strength*, di wakili oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Setiausaha Parlimen. Terima kasih diucapkan kepada kementerian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersandarkan usul yang telah pun diluluskan, sukacita saya tangguhkan mesyuarat sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang.